

**NILAI MENGENAI ANAK-ANAK
(SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA MASYARAKAT MELAYU
KELAS MENENGAH DAN KELAS RENDAH DI KANGAR, PERLIS)**

Oleh:

NORHASHIMAH BT. ABDUL RAZAK

No; Matrik 39785

Andainya
Sebuah harapan
Akan kurinting
Menemukin kejayaan
Dukan diriku ibarat lilin
Membakar diri menyerangi orang lain
Tetapi buat sanjunan jadi seolah
Berta atas ingatan dan retsun ibu
bernama kerianan adik bapa
perole lambang cinta dan rasa
Dan bernama pendakut yang terakhir ini
ku irangi kalungan
Semoga keluaran ini dikehuni Aliyah selalu

**Latihan Untuk
Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur**

Sessi 1983/84

KANDUNGAN

	Muka Surat
<u>BAB I: Pengenalan</u>	
1. Tujuan Kajian	2
2. Kepentingan Kajian	7
3. Kaedah Kajian	9
i. Pemilihan dan ciri-ciri responden	9
ii. Soalselidik yang digunakan	10
iii. Latarbelakang tempat kajian	11
iv. Masalah yang dihadapi di dalam kajian	14
<u>BAB II: Konsep dan Teori</u>	17
<u>BAB III: Latarbelakang Sosio-ekonomi Responden</u>	36
1. Umur	36
2. Umur pada masa mula berkahwin	36
3. Kadar penceraian	38
4. Pendapatan	39
5. Latarbelakang persekolahan	45
6. Peranan sebaran am	48

BAB IV:	<u>Nilai Mengenai Anak-anak di kalangan Masyarakat Melayu Bertaraf Kelas Menengah di Kompleks Kampung Guru Dan Bertaraf Kelas Rendah di Taman Merpati di Kangar, Perlis.</u>	53
	1. Kebaikan Mempunyai Anak	53
	2. Keburukan Mempunyai Anak	60
	3. Pentingnya mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak lelaki atau anak perempuan	70
	4. Sikap dan Pandangan Responden Terhadap ukuran nilai anak-anak	78
	5. Pengharapan bantuan ekonomi dari anak-anak	85
	6. Cita-cita Responden Terhadap Pencapaian pelajaran anak-anak	93
	7. Perubahan sikap	101
BAB V:	<u>Saiz Famili dan Amalan Perancang Keluarga</u>	105
	1. Saiz famili yang diharapkan oleh Responden-responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati	105
	2. Saiz famili yang sebenar	115
	3. Perancang Keluarga	119
BAB VI:	<u>Penutup</u>	127
BAHAN RUJUKAN		138
LAMPIRAN A:	Soalselidik	
LAMPIRAN B:	Kategori Kebaikan dan Keburukan Mengenai Anak-anak.	

SIMPSSIS

Latihan ilmiah ini PENGHARGAAN di satu kajian mengenai nilai anak-anak di kalangan masyarakat Nelayan yang bertaraf kelas menengah dan kelas rendah yang dikaji secara perbandingan. Penyelia saya, Puan Roziah Omar yang telah banyak memberi teguran-teguran yang membina untuk saya menyiapkan latihan kompleks Kampung Guru mewakili kawasan penempatan golongan ilmiah ini.

Kelas menengah dan Taman Merpati iaitu perumahan rancangan kaw

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati yang telah memberikan sepenuh kerjasama di dalam masa kajian ini di dalam bab pertama, berkenaan dengan pengenaluan atas kajian yang telah dijalankan. Di dalam bab kedua, dijalankan.

akan diterangkan konsep-konsep dan teori-teori yang menjadi

Tidak ketinggalan juga saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat diang dalam usaha menyediakan latihan ilmiah ini.

penumpuan diberikan ke atas sikap ibubapa terhadap anak-anak mereka apabila berbentuk positif ataupun negatif. Di samping itu juga, kajian ini akan cuba melihat bilangan

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

kalangan responden.

Baik dari kajian yang telah dijalankan memperlihatkan nilai positif mengatasi nilai negatif bagi kedua-dua golongan. Nilai psikologi dan emosi lebih ditekankan oleh golongan kelas menengah di Kompleks Kampung Guru daripada

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah satu kajian mengenai nilai anak-anak di kalangan masyarakat Melayu yang bertaraf kelas menengah dan kelas rendah yang dikaji secara perbandingan. Dua kawasan perumahan di Kangar, Perlis telah dipilih iaitu Kompleks Kampung Guru mewakili kawasan penempatan golongan kelas menengah dan Taman Merpati iaitu perumahan rakyat kos rendah mewakili golongan kelas rendah.

Di dalam bab pertama, pengkaji memberikan pengenalan ke atas kajian yang telah dijalankan. Di dalam bab kedua, akan diterangkan konsep-konsep dan teori-teori yang menjadi garis panduan di dalam kajian ini. Sementara itu di dalam bab ketiga, pengkaji akan memberi gambaran latar belakang sosio-ekonomi responden. Seterusnya di dalam bab empat, penumpuan diberikan ke atas sikap ibubapa terhadap anak-anak mereka samada berbentuk positif ataupun negatif. Di samping itu juga, kajian ini akan cuba melihat bilangan saiz famili yang diharapkan dan setakat mana ianya dicapai. Pengkaji juga akan melihat pengetahuan dan amalan perancang keluarga di kalangan responden.

Hasil dari kajian yang telah dijalankan memperlihatkan nilai positif mengatasi nilai negatif bagi kedua-dua golongan. Nilai psikologi dan emosi lebih ditekankan oleh golongan kelas menengah di Kompleks Kampung Guru daripada

- golongan kelas rendah di Taman Merpati. Manakala nilai ekonomi lebih banyak diutarakan oleh responden di Taman Merpati. Tingkat minat responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
3. 3.2 Tingkat minat responden-responden ketika berkaitan dengan suatu yang ada sekarang.
 3. 3.3 Jawatan yang dibayanginya serta anggaran pendapatan bulanan di bahanan responden di Kompleks Kampung Guru.
 3. 3.4 Klasifikasi responden di Taman Merpati menurut berpas tida k boleh je.
 3. 3.5 Jawatan yang dibayanginya serta anggaran pendapatan bulanan di bahanan responden di Kompleks Kampung Guru.
 3. 3.6 Jawatan yang dibayanginya serta anggaran pendapatan bulanan di bahanan responden di kompleks Kampung Guru.
 3. 3.7 Anggaran pendapatan bulan bagi keluarga di kalangan responden di Taman Merpati.
 3. 3.8 Anggaran pendapatan bulan bagi keluarga responden di Kompleks Kampung Guru.
 3. 3.9 Letar jalan sekolah responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
 3. 3.10 Perkiraan pengeluaran responden di Kompleks Kampung Guru.
 3. 3.11 Minat tertinggi iktisadi bahanan responden di Taman Merpati.
 3. 3.12 Bilangan yang dapat membayar Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
 3. 3.13 Keterikat responden menerusi, handphones radio dan bunyton televisyen.
 3. 3.14 Jenis-jenis berita yang diminati oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan responden di Taman Merpati.
 3. 3.15 Keterikat responden tentang kebiasaan mempunyal anak di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.

JADUAL-JADUAL

1. 3.1 Tingkat umur responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
2. 3.2 Tingkat umur responden-responden ketika berkahwin dengan suami yang ada sekarang.
3. 3.3 Jawatan yang dipegang serta anggaran pendapatan bulanan di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru.
4. 3.4 Alasan-alasan responden di Taman Merpati mengapa mereka tidak bekerja.
5. 3.5 Jawatan yang dipegang dan anggaran pendapatan suami responden di Kompleks Kampung Guru.
6. 3.6 Jawatan yang dipegang dan anggaran pendapatan bulanan di kalangan suami responden di Kompleks Kampung Guru.
7. 3.7 Anggaran pendapatan seisi keluarga di kalangan responden di Taman Merpati.
8. 3.8 Anggaran pendapatan seisi keluarga responden di Kompleks Kampung Guru.
9. 3.9 Latar belakang persekolahan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
10. 3.10 Peringkat pencapaian responden di Kompleks Kampung Guru.
11. 3.11 Peringkat tertinggi lulus di kalangan responden di Taman Merpati.
12. 3.12 Bilangan yang dapat membaca di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
13. 3.13 Kekerapan responden membaca, mendengar radio dan menonton televisyen.
14. 3.14 Jenis-jenis berita yang diminati oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan responden di Taman Merpati.
15. 4.1 Kekerapan pendapat tentang kebaikan mempunyai anak di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.

16. 4.2(a) Beberapa pendapat responden di Kompleks Kampung Guru mengenai kebaikan mempunyai anak mengikut yang mana paling penting.
17. 4.2(b) Beberapa pendapat responden di Taman Merpati mengenai kebaikan mempunyai anak mengikut yang mana paling penting.
18. 4.3 Kekerapan pendapat tentang keburukan mempunyai anak di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
19. 4.4(a) Beberapa pendapat responden di Kompleks Kampung Guru mengenai keburukan mempunyai anak mengikut yang mana paling penting.
20. 4.4(b) Beberapa pendapat responden di Taman Merpati mengenai keburukan mempunyai anak mengikut yang mana paling penting.
21. 4.5 Beberapa pendapat responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati tentang kebaikan sekurang-kurangnya seorang anak lelaki di dalam sebuah keluarga.
22. 4.6 Beberapa pendapat responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati tentang kebaikan sekurang-kurangnya seorang anak perempuan dalam keluarga.
23. 4.7 Perbezaan pendapat di antara kebaikan mempunyai anak lelaki dan anak perempuan bagi keseluruhan responden.
24. 4.8 Skor min terhadap ukuran nilai anak-anak bagi responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
25. 4.9 Pengharapan bantuan ekonomi dari anak lelaki di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
26. 4.10 Pengharapan bantuan ekonomi dari anak perempuan di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
27. 4.11 Pengharapan untuk tinggal bersama anak di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.

28. 4.12 Cita-cita responden terhadap pencapaian pelajaran anak lelaki.
29. 4.13 Kepastian agar anak lelaki mencapai pelajaran yang baik.
30. 4.14 Cita-cita responden terhadap pencapaian pelajaran anak perempuan.
31. 4.15 Kepastian agar anak perempuan mencapai pelajaran yang baik.
32. 4.16 Beban memberi pelajaran bagi responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
33. 4.17 Kekerapan perubahan sikap yang dinyatakan oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
34. 5.1 Bilangan anak yang dikehendaki oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
35. 5.2 Pendapat responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati terhadap kenapa mereka berkehendakkan anak tidak kurang dari 2, 3 atau 4 orang.
36. 5.3 Pendapat responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati mengapa mereka tidak mahu meluarga yang besar.
37. 5.4 Pemilihan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati terhadap jantina anak pertama.
38. 5.5 Pendapat responden di Kompleks Kampong Guru dan di Taman Merpati terhadap secepat mana mereka mahu anak pertama dilahirkan.
39. 5.6 Pendapat responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati tentang siapa yang lebih kuat berkehendakan anak.
40. 5.7 Bilangan anak sebenar di Kompleks Kampung Guru.
41. 5.8 Bilangan anak sebenar di Taman Merpati.

42. 5.9 Bilangan anak (saiz famili) sebenar termasuk anak sendiri dan anak angkat bagi responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
43. 5.10 Sikap responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati terhadap perancang Keluarga.
44. 5.11 Amalan Perancang keluarga di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
45. 5.12 Jenis-jenis amalan perancang keluarga yang diamalkan oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.
46. 5.13 Pengetahuan dan amalan perancang keluarga di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.

BAB I

PENGENALAN

Di dalam ikatan perkahwinan anak adalah suatu kemestian yang tidak boleh dinafikan. Ini adalah kerana pengekalan sesuatu bangsa bergantung kepada proses pembiakan yang berlanjutan. Mengikut Arnold et. al di dalam bukunya 'Value of Children' anak-anak memainkan peranan penting dalam mengekalkan satu-satu keluarga kerana nilai-nilai seperti budaya, ugama dan tradisi disalurkan melalui anak-anak. (1975:1)

Dari hasil-hasil kajian yang dijalankan mengenai nilai terhadap anak-anak didapati bahawa ibubapa di bandar khususnya di kalangan yang bertaraf kelas menengah, mereka menilai anak sebagai sumber kesejahteraan keluarga, sebagai tempat mencurah kasih sayang serta mengeratkan lagi perhubungan ibubapa. Golongan masyarakat kelas rendah di samping menganggap anak seperti faktor-faktor di atas juga berpendapat anak memberi faedah dari segi ekonomi dan penggantungan masa tua sebagai faktor yang penting.

Meskipun begitu anak boleh menimbulkan masalah kepada ibubapa di dalam proses memelihara dan mendidik mereka kerana ia memerlukan perbelanjaan serta penjagaan yang cukup dalam mengawal keselamatan mereka. (Espenshade, 1977:3)

1. Tujuan Kajian

Kajian ini ingin melihat secara perbandingan sejauhmana nilai yang diletakkan ke atas anak-anak oleh masyarakat Melayu golongan kelas menengah dan kelas rendah di bandar Kangar, Perlis. Dalam memperkatakan masyarakat yang bertaraf kelas menengah dan rendah, ramai pengkaji telah cuba memberi garis-garis panduan mengenai stratifikasi sosial masyarakat Melayu khususnya di bandar. Dalam melihat nilai mengenai anak-anak oleh kedua-dua golongan tersebut, pengkaji, akan menyentuh serba sedikit tentang stratifikasi sosial iaitu kelas.

Mokhzani Abdul Rahim di dalam "The study of social stratification and social mobility in Malaya" mengatakan bidang stratifikasi sosial di Malaysia waktu ini belum dikaji secara 'comprehensive'. (1965:5)

Patririm Sorokin di dalam 'Social and cultural mobility' pula menekankan,

"Social stratification means the differentiation of a given population into hierarchically superposed classes. It is manifested in the existence of upper and lower layers." (1959:11)

Jelaslah bahawa stratifikasi sosial lebih cenderung ke arah pembentukan kelas, iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas rendah di mana ianya dibentuk secara hirarki.

Di dalam sistem kelas, sifat perbezaan utama yang

1. Tujuan Kajian

Kajian ini ingin melihat secara perbandingan sejauhmana nilai yang diletakkan ke atas anak-anak oleh masyarakat Melayu golongan kelas menengah dan kelas rendah di bandar Kangar, Perlis. Dalam memperkatakan masyarakat yang bertaraf kelas menengah dan rendah, ramai pengkaji telah cuba memberi garis-garis panduan mengenai stratifikasi sosial masyarakat Melayu khususnya di bandar. Dalam melihat nilai mengenai anak-anak oleh kedua-dua golongan tersebut, pengkaji, akan menyentuh serba sedikit tentang stratifikasi sosial iaitu kelas.

Mokhzani Abdul Rahim di dalam 'The study of social stratification and social mobility in Malaya' mengatakan bidang stratifikasi sosial di Malaysia waktu ini belum di kaji secara 'comprehensive'. (1965:5)

Patririm Sorokin di dalam 'Social and cultural mobility' pula menekankan,

"Social stratification means the differentiation of a given population into hierarchically superposed classes. It is manifested in the existence of upper and lower layers." (1959:11)

Jelaslah bahawa stratifikasi sosial lebih cenderung ke arah pembentukan kelas, iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas rendah di mana ianya dibentuk secara hirarki.

Di dalam sistem kelas, sifat perbezaan utama yang

selalu digunakan ialah kedudukan ekonomi. Kedudukan ekonomi berkait rapat pula dengan aspek status pekerjaan seseorang yang merujuk kepada pengetahuan dan jenis pekerjaan. Menurut T.B. Bottomore pula, soal pendapatan juga adalah merupakan elemen penting dalam hirarki kelas. (1966:11).

Menurut Mc. Gee di dalam kajiannya ke atas masyarakat Melayu Kuala Lumpur, telah membuat rumusan bahawa kelas di dalam masyarakat Melayu boleh dikategorikan kepada kelas atasan, kelas menengah dan kelas rendah . (1968:23) Golongan kelas menengah mengikutnya, terbahagi kepada tiga, iaitu terdiri dari mereka yang tergolong dalam pekerjaan perkeranian tinggi misalnya pegawai, ketua kerani, guru, jurujual syarikat besar dan inspektor polis. Golongan bertaraf kelas menengah pula tergolong dari mereka yang menjawat sebagai mekanik, penyelia, tukang kayu dan peniaga yang berpendapatan \$1000/-. Bagi golongan masyarakat Melayu yang bertaraf kelas rendah pula, Mc. Gee mengkategorikan mereka yang bekerja sebagai tukang kebun, derebar, buruh, pelayan pejabat, pekebun kecil dan nelayan. Pembahagian yang dibuat oleh Mc. Gee tidak menunjukkan kelas wujud kerana aktiviti ekonomi tetapi lebih berdasarkan pada kesedaran status. Berdasarkan kesedaran status ini maka mereka berusaha cuba untuk mendaki kedudukan status yang lebih baik dan selalunya dalam usaha ini mereka berusaha di bidang pelajaran.

Dr. Nordin Selat di dalam tesis Ph.D. beliau yang bertajuk 'Kelas Menengah Pentadbiran Melayu - Satu

kajian perkembangan gaya hidup', membuat ukuran kelas dari segi gaya hidup antara kelas. Antara kriterianya ialah persatuan-persatuan sosial, ekonomi, politik yang dianggotai, gaya pakaian, makanan, daya perbelanjaan, hiburan dan lain-lain lagi. (1977:X) Di sini timbul satu persoalan, apakah ukuran gaya hidup pula? Oleh itu mengikut beliau tidak ada satu kajian tentang kelas menengah atau kelas rendah yang tidak dapat dicari kelemahannya. Kelas menengah Melayu pula adalah bersifat 'heterogenous' iaitu berkelompok-kelompok misalnya kelas menengah pentadbir, kelas menengah profesional dan sebagainya. Baginya untuk mengenal kelas menengah adalah dilihat dari segi pekerjaan, pendapatan dan pelajaran. Begitu juga untuk mengenal kelas rendah dilihat dari ketiga-tiga aspek tersebut di samping melihat kawasan perumahan atau tempat tinggal dan pemilikan peralatan di rumah.

Di dalam kajian ini pengkaji mengambil responden-responden wanita di kalangan guru dan pegawai kerajaan yang dianggap sudah berada di dalam kelas menengah kerana pendapatan mereka adalah lebih daripada \$1000 sebulan dan tinggal di Kompleks Kampung Guru iaitu salah sebuah kawasan perumahan kelas menengah di Kangar. Mengikut Prof. Syed Husin Ali (1977:132), guru dan pegawai kerajaan dikategorikan sebagai menengah rendah. Ini bertentangan dengan pendapat Mc. Gee (1968:23) yang mengatakan mereka sepatutnya di golongkan ke dalam kelas menengah atas. Walaupun ^{apa} prinsip yang digunakan,

tidak syak lagi responden-responden yang dikaji adalah tergolong di dalam kelas menengah.

Jika berpandukan pendapat Mc. Gee iaitu mereka yang bekerja sebagai buruh, tukang kebun dan derebar di kategorikan sebagai golongan berkelas rendah, maka ini adalah menepati kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Mereka merupakan sebahagian kecil daripada masyarakat kelas rendah di Kangar yang dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan. Kawasan penempatan mereka ialah di Taman Merpati iaitu kawasan perumahan rakyat kos rendah. Anggaran pendapatan bulanan mereka ialah di antara \$300 hingga \$400.

Di dalam membuat kajian mengenai nilai anak-anak, soalan-soalan yang perlu ditanya ialah tentang kebaikan dan keburukan mempunyai anak dan soalan tentang pengharapan mereka dari segi ekonomi serta cita-cita terhadap pelajaran anak-anak. Ini adalah penting untuk melihat faktor motivasi yang melibatkan kepuasan dan motif pengelakan atau 'avoidance' yang melibatkan kos.

Di dalam kajian ini pengkaji ingin melihat apakah punca dan faktor yang mempengaruhi satu-satu nilai itu. Ini boleh dilihat dengan merujuk kepada kajian Fred Arnold et. al di Hawaii (1975:12) dan banyak lagi kajian-kajian yang sama seperti yang telah dijalankan di Filipina oleh Bulatao (1975:16) yang mendapati bahawa faktor-faktor utama yang

boleh mengujudkan nilai mengenai anak-anak adalah faktor sosio-budaya. Dengan yang demikian pengkaji mahu melihat adakah faktor-faktor yang sama mempengaruhi nilai terhadap anak-anak dalam konteks masyarakat Melayu kelas menengah dan rendah di bandar.

Kajian ini juga bertujuan melihat samada nilai mengenai anak-anak mempengaruhi 'fertility behaviour'. Berpandukan dari kajian yang telah dilakukan oleh Fred Arnold et. al (1975) di Hawaii dan Bulatao (1975) di Filipina, pengkaji mendapati bahawa terdapat ibubapa yang menghadkan bilangan anak melalui beberapa cara. Oleh itu pengkaji ingin melihat sejauhmana satu-satu keluarga itu samada dari golongan kelas menengah maupun kelas rendah menggunakan cara-cara tertentu untuk mengurangkan bilangan anak dan setakat mana pula nilai anak-anak tersebut dapat mempengaruhi kesuburan.

Pengkaji juga akan melihat faktor-faktor yang memberi sumbangan terhadap kejayaan perancang keluarga. Tidak dapat dinafikan perancang keluarga ini penting dalam menentukan saiz famili. Oleh itu pada pendapat pengkaji adalah wajar bagi responden-responden ditanya mengenai pengalaman perancang keluarga dengan tujuan menguji pengetahuan dan amalan mereka terhadap berbagai jenis alat perancang keluarga yang ada pada hari ini. Selain daripada itu pengkaji berminat untuk mengetahui saiz famili yang diharapkan, yang telah tercapai dan gagal dicapai serta di-

ramalkan boleh dicapai. Dengan ini akan juga dilihat kaitan di antara saiz famili yang diharapkan dengan saiz famili yang sebenar.

Tidak ketinggalan juga akan dilihat nilai anak-anak dari segi ekonomi. Mengikut apa yang disarankan oleh Butz dan Vanco (1977: 9-10) sekiranya nilai ekonomi yang didapati dari anak-anak adalah tinggi, maka satu-satu keluarga akan berkehendakkan anak yang ramai dan mereka tidak akan mengamalkan perancang keluarga tetapi jika didapati nilai ekonomi itu rendah maka penggunaan perancang keluarga adalah tinggi.

Sebagai kesimpulannya boleh dikatakan bahawa nilai mengenai anak mempengaruhi kesuburan dan pengamalan perancang keluarga pula mempengaruhi saiz famili keluarga itu.

2. Kepentingan Kajian

Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini oleh penuntut-penuntut di bidang Antropologi dan Sosiologi adalah mengenai nilai yang diletakkan ke atas anak-anak di kalangan ibubapa di luarbandar oleh Syed Ahmad Safri (1978), Wan Napisah Mohd. Salleh (1980) dan Ho Gaik Kim (1980). Setakat ini kajian mengenai nilai anak-anak di bandar telah di jalankan oleh Roziah Omar (1979) yang tertumpu kepada masyarakat Melayu kelas menengah rendah. Oleh itu kali ini

pengkaji cuba melihat secara perbandingan di antara masyarakat Melayu bertaraf kelas menengah dan kelas rendah mengenai nilai mereka terhadap anak-anak. Kajian ini adalah tertumpu kepada sebuah bandar yang terletak di utara Semenanjung Malaysia iaitu Kangar, Perlis. Dua kawasan perumahan telah dipilih iaitu Kompleks Kampung Guru dan Taman Merpati.

Dalam membuat 'comparative studies' tentang nilai anak-anak oleh golongan menengah dan rendah, Dr. Aline K. Wong dalam 'Review of Current Value of Children Studies in Developing World' (1971:?) membuat kesimpulan yang ringkas bahawa,

"for the urban middle class psychological or emotional benefit's were emphasized while economic benefit's were generally not salient".

dan

"for the urban lower class, they also stressed on psychological or emotional benefit's, but there was an increase of economic motivation and some evidence of a stranger orientation toward continuing of family name".

Dengan ini pengkaji ingin pula melihat adakah faktor-faktor tersebut menepati apa yang dikaji di samping melihat trend masyarakat Melayu kedua-dua golongan.

Kajian ini adalah membicarakan bagaimana satu-

satu nilai itu wujud dan mempengaruhi ibubapa dan bagaimana nilai-nilai yang dipegang oleh ibubapa itu mempengaruhi kesuburan.

Di samping itu juga, kajian ini berkemungkinan memberi faedah kepada pihak-pihak perancang sosio-ekonomi dalam usaha untuk merancang dasar mengenai kependudukan atau demografi.

Begitu juga kajian ini memberi faedah kepada Jabatan Perancang Keluarga dalam usaha pihak itu menjalankan program-program perancang keluarga di mana kajian ini bernilai memberi pandangan tentang sebab-sebab ketinggian kadar kesuburan dalam satu-satu masyarakat itu.

3. Kaedah Kajian

- i. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang diuraikan di bawah:

Responden adalah dipilih dari isteri-isteri yang tinggal bersama suami, sekurang-kurangnya mempunyai seorang anak dan membentuk satu keluarga. Dari segi umur responden seboleh-bolehnya tidak kurang dari 20 tahun dan tidak melebihi 45 tahun. Responden dari kelas menengah dipilih dari kalangan wanita yang bekerja serta mempunyai pendapatan bulanan \$1000 ke atas dan begitu juga suami mereka. Sementara itu responden dari kelas rendah terdiri dari wanita yang tidak bekerja iaitu surirumah tangga dan suami mereka yang

berpendapatan tidak melebihi \$400 sebulan.

Pemilihan responden adalah secara rambang atau menggunakan sampal rambang di dalam memilih 60 orang responden iaitu terdiri dari 30 orang responden yang bekerja dari golongan yang bertaraf kelas menengah dan 30 orang responden yang tidak bekerja iaitu surirumah tangga bagi golongan bertaraf kelas rendah. Pemilihan terakhir telah dilakukan semasa kajian iaitu dengan cara pergi ke rumah mana-mana responden yang ada di dalam senarai.

ii. Soalselidik yang digunakan

Temuduga adalah berdasarkan soalselidik yang disediakan iaitu berbentuk formal. Pengkaji telah menggunakan soalselidik yang didapati dari bahan tercetak dan tidak tercetak. Kebanyakan soalselidik adalah berdasarkan kepada soal selidik yang terkandung di dalam buku Fred et. al (1975) tetapi terpaksa diubahsuai mengikut keadaan tempatan. Soalan-soalan yang dibentuk secara 'open-ended' dan 'close-ended' adalah untuk mendapatkan data-data yang kuantitatif dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan berlaku bias dalam kajian.

Di dalam soalselidik itu, perkara-perkara yang dititikberatkan ialah nilai positif dan negatif mengenai anak-anak, saiz famili yang sebenar dan yang dikehendaki, latar belakang responden termasuk status ekonomi dan latar

belakang persekolahan mereka. Soal-soal mengenai pendapat responden terhadap erancang keluarga serta amalan-amalan mereka juga disediakan. Ringkasnya soalselidik itu cuba melihat mengenai anak-anak di dalam masyarakat Melayu kelas menengah dan rendah di bandar Kangar.

iii. Latar belakang tempat kajian

Kajian adalah tertumpu di dua kawasan perumahan di bandar Kangar. Kedua-dua kawasan tersebut ialah Kompleks Kampung Guru yang mewakili kawasan kelas menengah dan Taman Merpati iaitu perumahan rakyat kos rendah yang mewakili kawasan kelas rendah. Kedua-dua kawasan perumahan tersebut letaknya berhampiran antara satu sama lain iaitu kira-kira 0.4 km.

Kompleks Kampung Guru

Kompleks Kampung Guru adalah terletak kira-kira 2 km. dari pusat bandar Kangar. Kawasan perumahan yang luasnya 4.856 hektar itu dibuka pada tahun 1976 oleh Dr. Mahathir yang menjadi Menteri Pelajaran Malaysia pada waktu itu. Kompleks Kampung Guru ini dibina atas nama 'Koperasi Perumahan Guru-guru Melayu Negeri Perlis Berhad'. Antara tujuan penting koperasi ini, adalah untuk mendirikan rumah-rumah kediaman bagi ahli-ahlinya yang terdiri daripada guru-guru dan kakitangan atau pegawai-pegawai iktisas sekolah dan institusi-institusi di bawah kelolaan Kementerian

Pelajaran yang berbangsa Melayu dan berwarganegara Malaysia.*

Kompleks Kampung Guru ini mengandungi 86 buah yunit rumah yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas yang moden. Gaya hidup mereka adalah 'sophisticated' dan banyak dipengaruhi unsur-unsur kebaratan. Semua responden memiliki kereta, rumah yang dilengkapi oleh alatan moden, perabut-perabut mewah dan perhiasan-perhiasan yang menunjukkan lambang-lambang status.

Kawasan perumahan ini mengandungi sebuah padang permainan dan sebuah kedai runcit untuk kemudahan penduduknya yang mempunyai 172 pasang suami isteri yang berkeluarga.

Terdapat 4 jenis rumah di Kompleks Kampung Guru ini.

<u>Jenis Rumah</u>	<u>Bilangan Yunit</u>	<u>Harga seyunit</u>
1. Rumah sebuah 1 tingkat	9	\$45,000.00
2. Rumah sebuah 2 tingkat	21	\$51,000.00
3. Rumah berkembar 1 tingkat	36	\$32,000.00
4. Rumah berkembar 2 tingkat	20	\$45,000.00

Pengkaji telah memilih responden yang menduduki jenis rumah sebuah 2 tingkat dan rumah berkembar 2 tingkat yang semuanya berpendapatan lebih daripada \$1,000 sebulan.

Jika dilihat dari sudut ekonomi iaitu pekerjaan tetap penduduk Kompleks Kampung Guru ialah terdiri daripada

*Tercatat di dalam buku Undang-undang Kecil, Koperasi Perumahan Guru-guru Melayu Negeri Perlis Berhad, 1979: hal. 1 - 2.

pasangan suami isteri yang salah seorangnya bertugas sebagai guru. Pengkaji telah menemui responden-responden yang menjawat jawatan sebagai guru dan pegawai kerajaan.

Taman Merpati

Pengkaji memilih Taman Merpati iaitu perumahan rakyat kos rendah kerana ianya diduduki oleh penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Taman Merpati terletak kira-kira 1.6 km. dari pusat bandar Kangar. Luas kawasan-nya ialah 2.308 hektar dan terdiri dari 92 unit rumah bagi lebih kurang 506 orang penghuni*. Mengikut seorang pegawai di Jabatan bahagian Perumahan di Kangar, Taman Merpati ini merupakan projek rancangan Malaysia ketiga yang dibuka dengan resminya oleh Yang Berhormat Menteri Besar Perlis pada masa itu iaitu Datuk Jaafar Hassan pada bulan Ogos 1982. Kos pembinaannya telah menelan belanja sebanyak \$1.2 juta. Pengkaji telah diberikan catitan mengenai harga sebuah rumah tersebut:

1. Rumah tepi bayaran muka sebanyak \$300.00

Bayaran ansuran bulanannya ialah \$85.00

2. Rumah tengah bayaran muka sebanyak \$300.00

Bayaran ansuran bulanannya ialah \$79.75

* Dari interview. Walaupun sebilangan besar daripada

Data dari catitan rekod mengenai latar belakang Taman Merpati di Jabatan Bahagian Perumahan Kangar, Perlis.

Perumahan rakyat kos rendah ini mempunyai kemudahan asas, bekalan air dan letrik dan kawasan lapang yang sesuai dengan keperluan dan keupayaan orang yang berpendapatan rendah. Ini adalah menepati matlamat kerajaan untuk menyediakan rumah kecil kos rendah yang selesa untuk keluarga yang sederhana. Gaya hidup penghuninya adalah jauh lebih sederhana daripada penghuni di Kompleks Kampung Guru. Hampir semua daripada rumah-rumah responden yang ditemui mempunyai televisyen hitam putih, radio atau peti sejuk dan sebilangan kecil suami mereka mempunyai motosikal.

Dari sudut ekonomi iaitu pekerjaan penduduk-penduduk di Taman Merpati ini, kebanyakan terdiri daripada buruh, derebar, pelayan pejabat, tukang kebun dan lain-lain pekerjaan yang berpendapatan rendah. Pengkaji telah menemui isteri-isteri mereka untuk kajian ini.

iv. Masalah Yang Dihadapi Di dalam Kajian

Berbagai-bagai masalah yang dihadapi di dalam masa kajian dijalankan. Masalah utama pengkaji ialah untuk bertemu dengan responden, iaitu masalah memilih masa yang sesuai untuk bertemu dengan mereka. Responden-responden yang bekerja dari golongan kelas menengah bertugas pada pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang menyulitkan pengkaji untuk menginterview. Walaupun sebilangan besar daripada responden yang ditemui bertugas sebagai guru yang bekerja separuh hari namun masih juga terdapat kesulitan untuk

menemui mereka. Ini adalah disebabkan responden-responden tersebut mempunyai aktiviti di sekolah di sebelah petang atau menghabiskan masa berhibur di luar rumah di hari-hari cuti am. Oleh itu pengkaji hanya dapat meluangkan masa antara 5.00 petang hingga ke malam di hari-hari bukan cuti am. Bagi surirumah tangga dari kelas rendah di Taman Merpati terdapat kesulitan untuk menemui mereka di sebelah pagi kerana kesibukan mereka menguruskan rumah tangga. Oleh itu masa yang sesuai menemui mereka ialah di sebelah petang.

Masalah lain ialah tentang soalselidik itu sendiri. Oleh kerana ianya panjang dan memakan masa sekurang-kurangnya 45 minit hingga 90 minit untuk diisi, ianya telah menimbulkan rasa jemu pada pihak responden.

Terdapat juga beberapa perkara yang sukar mendapat jawapan yang baik dan tepat dari responden. Antaranya ialah mengenai tangga pendapatan responden di mana mereka agak keberatan memberi tangga gaji yang sebenar. Di samping itu, soalan mengenai perancang keluarga didapati sukar untuk mendapat jawapan kerana mereka seolah-olah enggan kerana malu untuk membicarakan soal tersebut. Kesulitan ini timbul terutama di kalangan responden di Taman Merpati. Ini disebabkan soal-soal yang berkaitan dengan sex tidak dibincangkan secara terbuka di dalam masyarakat Melayu.

Di samping itu terdapat soalan-soalan yang tidak

difahami oleh responden dan terpaksa pengkaji memberi contoh atau mengubahsuai bentuk soalan supaya mereka dapat memberi gambaran tentang soalan yang dikemukakan. Misalnya soalan tentang keburukan mempunyai anak boleh dikatakan ramai antara mereka yang menjelaskan tidak ada keburukan mempunyai anak. Maka terpaksalah pengkaji menukar bentuk soalan kepada 'Apakah masalah yang anda hadapi dalam memelihara dan mendidik anak?'

Terdapat juga di kalangan responden yang salah faham tentang tujuan kajian dijalankan. Oleh itu pengkaji terpaksa memberi penjelasan tentang maksud kajian dan untuk siapa kajian dijalankan supaya mereka memberi kerjasama yang sewajarnya. Mereka mempunyai anggapan bahawa kajian ini adalah untuk agensi-agensi kerajaan yang ingin mengetahui soal-soal rumahtangga mereka.

Demikianlah beberapa kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji semasa kajian ini dijalankan.

"behaviorial science". Definisi-definisi yang diberikan ialah mereka adalah berjuang untuk meningkatkan nilai manusia dan kedudukannya di dalam hieri-hiri perikemanusiaan.

Antara tokoh-tokoh yang menyumbang terhadap teori ini ialah Skinner (1971), Watson (1963), Givens (1987), Rapaport (1977) dan lain-lain ahli saintis asing.

BAB II

KONSEP DAN TEORI

Di dalam kajian ini terdapat konsep-konsep yang akan digunakan oleh pengkaji. Konsep-konsep seperti nilai dan kos adalah penting di dalam kajian ini, maka adalah perlu untuk mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan nilai dan kos tersebut. Secara umumnya nilai dan kos terhadap anak-anak boleh dilihat dari segi faktor sosio-ekonomi dan psikologi kerana kedua-dua faktor ini mempengaruhi sikap seseorang itu di dalam memberi nilai terhadap anak-anak mereka. Tambahan pula nilai dan kos terhadap anak-anak mempunyai kaitan dengan kesuburan yang akan mencerminkan saiz famili satu-satu keluarga itu.

A. Konsep Nilai

Mengenai konsep nilai ini, banyak sekali pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan diberikan oleh ahli-ahli 'behaviorial science'. Definasi-definasi yang diberikan oleh mereka adalah bertujuan untuk mentakrifkan nilai manusia dan kedudukannya di dalam tiori-tiori perlakuan manusia.

Antara tokoh-tokoh yang menyentuh tentang konsep nilai ialah Skinner (1971), W.I Thomas (1948), Clyde Kluckhon (1957), Espenshade (1977) dan lain-lain ahli sains sosial.

Skinner menjelaskan nilai sebagai;

"..... domain of values is identical with the reinforcing effects of things". (1971:104)

W.I Thomas dengan ringkasnya berpendapat konsep nilai merupakan;

"The target of any person's attitude becomes a value". (1948:120)

Clyde Kluckhon dengan lebih jelas lagi mensifatkan nilai sebagai;

"..... a conception, explicit or implicit, distinctive of an individual or characteristic of a group of the desirable which influence the selection from available modes, means and ends of action". (1951:395)

Thomas Espenshade pula mengaitkan konsep nilai ini dengan nilai-nilai positif. Ia berpendapat;

"The value of children is used to mean that collection of good things parents received from having children". (1977:4)

Hoffman dan Hoffman (1973:47) akhirnya membuat kesimpulan bahawa nilai anak-anak itu adalah sebagai fungsi atau kehendak yang diberikan kepada ibubapa oleh anak-anak.

Pengkaji-pengkaji seperti Harvey Leibenstein (1979), Arnold et. al (1957), Hoffman dan Hoffman (1973) serta beberapa orang lagi pengkaji-pengkaji yang mengkaji mengenai nilai anak-anak ini, telah membahagian ^k kepada 2 jenis nilai;

i. Nilai ekonomi

ii. Nilai bukan ekonomi

i. Nilai Ekonomi

Menurut H. Leibenstein, nilai ekonomi atau kegunaan anak dapat dilihat dari 3 sudut. (1957:161)

Yang pertamanya, nilai anak-anak yang dianggap sebagai sumber perlindungan ketika kecemasan dan di hari tua. Bentuk pertolongan ialah melalui penjagaan ibubapa oleh anak-anak misalnya tinggal bersama dengan mereka.

Nilai yang kedua, adalah anak dikaitkan sebagai agen pengeluaran. Apa yang dimaksudkan oleh H. Leibenstein anak itu sebagai ajen pengeluaran ialah anak-anak diharapkan dapat memberi perkhidmatan tenaga yang percuma. Di sini anak-anak lelaki dijangkakan dapat memberi bantuan kewangan dan tugas-tugas yang berat sementara anak perempuan lebih diharapkan menguruskan hal-hal rumah tangga.

Nilai yang ketiga, ialah anak-anak dianggap sumber kepuasan peribadi ibubapa satu 'consumption goods'. Berhubung dengan ini, keuntungan mempunyai anak dilihat dalam jangka-masa yang panjang iaitu kemungkinan kenaikan dalam pendapatan keluarga. Pandangan yang begini adalah menganggap anak sebagai agen pengeluaran dan barang-barang gunaan. (Becker, 1976:172)

Nilai ekonomi adalah faktor yang sangat penting

dalam mempengaruhi nilai terhadap anak-anak. Kenyataan ini diperjelaskan lagi oleh Arnold et. al (1975:41) bahawa manusia memerlukan anak kerana anak-anak dapat memberi sumbangan ekonomi, tidak sahaja masa kini tetapi masa akan datang kepada keluarganya.

Di dalam masyarakat bandar, golongan bertaraf kelas rendah lebih banyak mengharapkan sumbangan ekonomi dari anak-anak berbanding dengan kelas menengah atau kelas atasan. Mengikut Geithmen dan Garuajue:

"Parents in different income strata, would be expected to encounter different presumes to rear 'quality' children". (1976:38)

Dari pengertian tersebut, boleh dibuat gambaran bahawa ibubapa daripada strata pendapatan yang berbeza mengharapkan ganjaran dari anak-anak setelah menjaga anak-anak yang mempunyai 'quality'. Konsep 'quality' yang disentuh oleh ahli-ahli ekonomi menunjukkan pengharapan ibubapa terhadap anak-anak dari segi kewangan dan kepuasan-kepuasan yang lain.

Dalam memperkatakan nilai anak-anak dari sudut ekonomi, didapati terdapatnya pandangan-pandangan yang berbeza terhadap anak-anak. Krishnan Namboodiri (1972:185) telah membuat kesimpulan dari apa yang dikatakan oleh Gary Becker berhubung dengan kaitan bahawa seseorang itu memilih satu barang yang boleh memberi kepuasan maksima dengan

menyediakan harga yang berpatutan terhadap barang itu mengikut rasa dan pendapatan mereka. Keadaan ini dikaitkan dengan anak-anak yang dianggap sebagai 'barang' yang memberi kepuasan dan sebagai satu bentuk pelaburan.

Ramai pengkaji-pengkaji yang mengkaji nilai terhadap anak-anak membuat rumusan bahawa faktor atau fungsi ekonomi mendorong ibubapa khasnya dari kelas rendah yang berpendapatan kecil mahu anak yang ramai. Di samping itu ada pula pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa masyarakat kelas rendah memerlukan anak yang sedikit kerana tekanan hidup yang memungkinkan mereka tidak dapat menyara anak-anak. Namun demikian semakin masyarakat menuju ke arah kemajuan sehingga taraf ekonominya menjadi tinggi, nilai ekonomi dari anak-anak makin menurun. Dalam konteks ini, perubahan pendapatan ini kadang-kala mengubah sikap seseorang terhadap anak-anak mereka. Ini diterangkan oleh Leibenstein bahawa:

"As per capita increases there is less need to utilize children as sources of income". (1957:162)

Leibenstein menjelaskan bahawa terdapatnya hubungan antara nilai terhadap anak-anak dengan perubahan per kapita disebabkan penggantungan penuh oleh satu-satu keluarga itu terhadap pendapatan dari anak-anak dan bila berlaku satu perubahan pada pendapatan maka sikap mereka akan berubah. Sesebuah keluarga itu mengharapkan anak-anak ramai supaya dapat memberi sumbangan terhadap pendapatan mereka. Ini ditegaskan oleh

Harvey Leibenstein (1957:162-163) bahawa kebanyakan keluarga ingin mempunyai anak yang ramai adalah keluarga yang berpendapatan rendah iaitu dari kelas rendah.

Jelaslah dari penjelasan-penjelasan yang dibuat di atas, faktor ekonomi merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi nilai anak-anak.

ii. Nilai Bukan Ekonomi

Nilai bukan ekonomi adalah berkaitan dengan aspek sosial dan psikologi yang boleh mempengaruhi nilai terhadap anak-anak. Dengan perkataan lain, nilai terhadap anak-anak boleh berfungsi sebagai memenuhi keperluan psikologi yang diantaranya melibatkan perasaan dan emosi ibubapa itu sendiri. Jika disentuh aspek psikologi di dalam kajian ini, bermakna penulis akan cuba melihat keperluan psikologi ibubapa yang boleh menimbulkan motif mempunyai anak.

Berkenaan dengan hal tersebut, Hoffman dan Hoffman (1973:57) telah membahagikannya kepada 8 jenis iaitu:

- a. Status dewasa dan identiti sosial. Ini dimaksudkan apabila seseorang itu sudah mendapat anak ia dianggap sudah dewasa.
- b. Perlanjutan zuriat dan kepuasan terhadap diri sendiri. Dengan mempunyai anak akan membentuk diri sendiri di samping dapat meneruskan nama keluarga tersebut.

- c. Moral, di mana ibubapa menitikberatkan kepentingan anak-anak melebihi diri mereka sendiri. Proses pemeliharaan anak itu sendiri dianggap sebagai satu moral.
- d. Anak-anak mengeratkan ikatan keluarga asas iaitu hubungan yang lebih erat. Keluarga asas merupakan satu unit sosial yang kecil dan penting dalam memberi perlindungan dan keselamatan ahli-ahlinya. Hubungan ini amat nyata di kalangan masyarakat bandar yang dianggap masyarakat moden yang banyak mengalami proses perubahan dan pemodenan.
- e. Anak memberi kebahagiaan dan keriangan kepada ibubapa. Ibubapa akan mengalami suasana perubahan dalam hidup di samping mengalami semula pengalaman semasa di zaman anak-anak.
- f. Timbulnya sifat-sifat kreatif, kesempurnaan dan kesabaran dalam menghadapi persaingan hidup.
- g. Kekuasaan dan pengaruh akan wujud apabila ibubapa mempunyai anak. Ini bermakna ibubapa mempunyai kuasa dan pengaruh ke atas anak tersebut.
- h. Anak dapat memberikan mertabat dan kebanggaan

dan kepentingan yang lain kepada ibubapa.

Di kalangan masyarakat bandar yang berkelas menengah, mereka lebih mementingkan aspek psikologi dan emosi dalam menilai anak-anak mereka. Ini telah diterangkan oleh Aline K. Wong (1977:7) melalui kajiannya tentang nilai anak-anak di Asia iaitu di Singapura, Filipina, Thailand, Korea, Taiwan dan Jepun.

Kajian yang pernah dijalankan oleh Lopata (1971) terhadap responden wanita yang terdiri dari surirumah tangga mendapati nilai anak-anak di kalangan mereka ialah sebagai tali yang dapat mengeratkan lagi perhubungan dan persefahaman antara suami dan isteri. Kajian beliau ini membuktikan bahawa golongan berkelas rendah juga menilai anak-anak mereka dari segi emosi dan penilaian ini bukan semata-mata mereka dari golongan kelas menengah sahaja. Ini adalah kerana mengikut Centers dan Blumberg (1954) mendapati responden mereka percaya kepada kehaziran anak-anak adalah untuk menjadikan satu-satu perkahwinan itu bahagia. Nilai anak-anak dilihat sebagai untuk kebaikan famili iaitu hubungan antara suami isteri menjadi lebih rapat dan mesra.

Mengikut Hoffman dan Hoffman (1973:54) anak-anak dinilai sebagai sumber kebahagiaan ibubapa. Anak-anak adalah tempat mencurah kasih sayang, memberi hiburan di samping meringankan masalah-masalah terutama ibu-ibu yang

bekerja. Nilai kasih sayang ini mengikut Rainwater (1960) pula lebih diperlukan oleh wanita dari kelas rendah kerana mereka kurang mendapat kasih sayang suami sebagaimana yang mereka harapkan.

Setelah melihat aspek-aspek psikologi maka adalah perlu juga bagi pengkaji menyentuh beberapa **aspek sosial** yang mempengaruhi nilai terhadap anak-anak. Setiap masyarakat mempunyai norma-norma dan aspek sosial yang harus diikuti. Ianya boleh pula mempengaruhi personaliti seseorang serta tugas-tugas hariannya. Penerimaan seseorang ke dalam organisasi sosial sesebuah masyarakat itu adalah berdasarkan status kedewasaannya dan mertabatnya selain daripada kedudukan kewangan. Mengikut Hoffman dan Hoffman (1973:56-57) seseorang yang mempunyai ramai anak dianggap bermartabat tinggi. Merujuk kepada pendapatnya lagi, status kedewasaan juga memainkan peranan di dalam melayakkan seseorang itu diterima ke dalam institusi-institusi penting di dalam masyarakatnya. Maka di sinilah anak-anak memainkan peranan penting di dalam mempengaruhi status kedewasaan seseorang itu. Keadaan ini mengikut Hoffman dan Hoffman (1973:49) lebih nyata bagi kaum wanita terutama mereka yang datang dari kelas rendah, yang tidak berpelajaran di mana sifat keibuan menjadi tanggungjawab penting di dalam hidupnya.

Terdapat juga pengkaji-pengkaji yang mengkaji tentang nilai terhadap anak-anak menegaskan bahawa pelajaran

juga merupakan satu faktor yang dapat mempengaruhi nilai anak-anak itu. Seseorang yang berpelajaran tinggi mempunyai motivasi yang lebih tinggi terhadap sesuatu keputusan dan lebih terdedah kepada sebarang bentuk pengetahuan dan pengalaman. Ini diterangkan oleh Robert Michael (1974:190) bahawa pelajaran mempunyai kaitan erat dengan kesuburan dan mempengaruhi sikap seseorang itu terhadap anak-anak. Dari pendapat dan kajian yang dijalankan olehnya adalah lebih tepat jika dikaitkan mereka dari golongan menengah yang berpelajaran tinggi.

Melalui proses modenisasi, sistem kekeluargaan telah turut mengalami perubahan. Di dalam masyarakat yang bersifat materialistik dan individualistik serta mirip kepada hubungan yang segmental, maka hubungan keluarga asas adalah lebih penting. Hoffman dan Hoffman (1973:51-52) mengatakan hubungan dalam keluarga asas adalah lebih teguh yang menyebabkan nilai yang diletakkan ke atas anak-anak itu kian menjadi penting. Ini boleh diberi contohnya anak-anak menjadi tempat menghilangkan kesunyian dan kebosanan ibubapa di rumah.

Sebagai rumusannya dapat dikatakan bahawa faktor sosio-ekonomi dan psikologi mempunyai hubungan erat dengan nilai anak-anak. Seterusnya ia dapat mempengaruhi sikap seseorang terhadap anak-anak mereka samada mereka dari golongan kelas menengah maupun dari golongan kelas rendah.

B. Konsep Kos

Terdapat beberapa definisi yang diberikan mengenai kos anak-anak dan walau apapun definisi yang diberikan konsep kos tetap merujuk kepada nilai negatif ibubapa terhadap anak-anak iaitu perkara yang merugikan dan tidak memuaskan.

Hoffman dan Hoffman membuat penjelasan bahawa:

"Costs refers to what must be lost or sacrificed to obtain a value in any particular way". (1973:62)

Thomas Espenshade (1977:5) mengatakan kos adalah keburukan melahirkan dan mendidik anak dan beberapa nilai negatif lain yang digambarkan sebagai tidak bernilai.

Konsep kos boleh dikategorikan kepada 2 iaitu 'kos ekonomi' dan 'kos bukan ekonomi'. Kos ekonomi mengikut Leibenstein (1957:161) boleh dibahagikan kepada dua itu kos secara langsung dan kos secara tidak langsung.

i. Kos Ekonomi

- a. Kos secara langsung (direct costs) merupakan kos yang berkaitan dengan perbelanjaan-perbelanjaan di dalam membesar dan mendidik anak-anak. Kos secara langsung ini mengikut Fawcett (1972:212) seperti apa yang disarankan oleh Betty Jamie Chung di dalam kajian mengenai kos mempunyai anak di Hong Kong adalah diukur dengan 'wang ringgit'.

b. Kos secara tidak langsung (indirect costs). Kos ini adalah merujuk kepada kehilangan peluang-peluang seperti ibu terpaksa mengorbankan peluang pekerjaan demi untuk menjaga anak dan keluarga pula mempunyai tanggungjawab yang lebih berat dan akan mengurangkan mobiliti keluarga.

ii. Kos Bukan Ekonomi

Kos bukan ekonomi adalah berbentuk beban emosi dan psikologi yang dihadapi oleh ibubapa terhadap anak-anak mereka. Beban-beban perasaan yang dihadapi ialah perasaan kecewa, marah, bimbang, bising, tidak bebas dan menjejaskan hubungan baik ibubapa.

Fred Arnold, et. al (1975:9) di dalam kajian-kajian yang dijalankannya mendapati bahawa kos bukan ekonomi yang sering diutarakan oleh responden-respondennya ialah ketegangan, emosi, suasana yang mengganggu ketenteraman rumah tangga dan kerisauan tentang kesihatan anak-anak dan perkara-perkara yang berkaitan dengan disiplin dan perlakuan moral anak-anak.

Dari kajian Hoffman dan Hoffman (1973:63) pula, menunjukkan bahawa ibu-ibu merasa bimbang terhadap perkembangan moral dan pembentukan psikologi anak-anak yang dianggap sebagai kos juga.

Setelah melihat nilai dan kos anak dari segi

ekonomi maupun bukan ekonomi adalah diakui bahawa nilai dan kos adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosio-ekonomi dan psikologi. Nilai dan kos anak-anak ini mengikut Hoffman dan Hoffman (1973:63) merupakan dua faktor utama yang mempengaruhi motivasi terhadap kesuburan. Nilai dan kos ini juga menurut Hoffman dan Hoffman lagi digunakan sebagai menjangka kehendak dan keinginan seseorang itu pada anak. Oleh itu ianya dapat menentukan saiz famili seseorang itu.

Saiz famili boleh dipecahkan kepada tiga iaitu:

- i. Saiz famili yang ideal
- ii. Saiz famili yang diharapkan
- iii. Saiz famili sebenar

Mengikut Saw Swee Hock (1968:27) saiz famili yang

diharapkan di Malaysia Barat ialah 5.1, Korea 4.4, Taiwan 3.8, Pakistan 3.9, dan Thailand 3.8. Dari kajian C.S Chilman di Amerika Syarikat menunjukkan saiz famili yang ideal adalah di antara 2 hingga 4 orang dan kelahiran anak keempat atau lebih adalah menjadi satu beban kepada keluarga. (1973:169)

Walaupun begitu tidak semua pasangan berjaya memperolehi jumlah anak yang ideal. Saiz famili yang diharapkan oleh masyarakat adalah berbeza dengan masyarakat yang lain. Oleh itu walaupun mereka mengerti bahawa jumlah dua hingga empat orang itu adalah jumlah yang ideal tetapi mereka berkemungkinan mengharapkan jumlah yang lebih ramai atau kurang dari itu. Dari kajian Kenneth W. Terkune yang telah disunting oleh

Fawcett (1972:125) mendapati bahawa jawapan-jawapan yang di terima dari responden-respondennya mengenai jumlah saiz famili adalah kebanyakannya menyentuh soal ekonomi sebagai mendorong mereka mempunyai saiz famili yang ideal.

Kadangkala saiz famili yang diharapkan itu tidak dapat dicapai, ada yang kurang dan ada yang lebih dari apa yang diharapkan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh faktor biologi dan pengalaman perancang keluarga.

Perancang keluarga merupakan faktor penting dalam mempengaruhi satu-satu saiz famili itu. Berpandukan pendapat Easterlin (1975:56-57) terdapat dua perkara utama yang mempengaruhi dorongan (motivasi) pengamalan perancang keluarga. Kedua-dua perkara tersebut ialah kehendak pada anak-anak dan keupayaan untuk mendapatkan anak yang dipengaruhi oleh 'natural fertility'. Berhubung dengan hal ini beliau mengatakan jika keupayaan memiliki anak itu adalah kurang dari kehendak pada anak, tidak akan adanya kemauan untuk mengamalkan perancang keluarga. Ini akan juga mengakibatkan kadar kesuburan yang tinggi dan pengambilan anak angkat. Sebaliknya jika keupayaan mendapatkan anak itu melebihi kehendak mendapatkan anak-anak maka menyebabkan pasangan suami isteri itu tidak menghendaki kelahiran anak sehingga menggalakkan pengamalan perancang keluarga. (1975:57)

Sikap pengamalan perancang keluarga adalah berbeza mengikut lapisan sosio-ekonomi dan pengetahuan mengenainya

adalah sama sahaja. Easterlin (1975:56) lebih jelas lagi menyatakan bahawa pengamalan perancang keluarga ini juga membawa kesan atau pengaruh kepada alam rumah tangga.

Beliau telah mengkategorikan kesan kosnya kepada 'market costs' iaitu masa dan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk memahami dan mengamalkan perancang keluarga tersebut dan 'psychio costs' iaitu ketidakpuasan hati tentang perancang keluarga.

Pengamalan perancang keluarga boleh menentukan setakat mana saiz famili yang diharapkan itu tercapai atau tidak. Mengikut Easterlin (1975:56-57) semakin ramai orang mengamalkan perancang keluarga, maka semakin tepat pula jumlah anak yang diingini oleh ibubapa.

Kajian yang dijalankan oleh Poffenberger dan Poffenberger (1973:149) mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan kegagalan atau kelewatan mengamalkan perancang keluarga yang seterusnya menyebabkan kegagalan ibubapa mendapatkan saiz famili yang ideal. Mengikut beliau, terjadinya kejadian begini adalah kerana tidak adanya komunikasi suami isteri. Ini adalah diakibatkan faktor ikatan tradisional yang menghalang mereka mengamalkan perancang keluarga selepas berkahwin.

Satu lagi faktor penting dalam menentukan satu-satu saiz famili ialah pengetahuan tentang jenis alat pencegah penghamilan. Chilman (1973:170-171) menegaskan,

adalah sama sahaja. Easterlin (1975:56) lebih jelas lagi menyatakan bahawa pengamalan perancang keluarga ini juga membawa kesan atau pengaruh kepada alam rumahtangga.

Beliau telah mengkategorikan kesan kosnya kepada 'market costs' iaitu masa dan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk memahami dan mengamalkan perancang keluarga tersebut dan 'psychio costs' iaitu ketidakpuasan hati tentang perancang keluarga.

Pengamalan perancang keluarga boleh menentukan setakat mana saiz famili yang diharapkan itu tercapai atau tidak. Mengikut Easterlin (1975:56-57) semakin ramai orang mengamalkan perancang keluarga, maka semakin tepat pula jumlah anak yang diingini oleh ibubapa.

Kajian yang dijalankan oleh Poffenberger dan Poffenberger (1973:149) mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan kegagalan atau kelewatan mengamalkan perancang keluarga yang seterusnya menyebabkan kegagalan ibubapa mendapatkan saiz famili yang ideal. Mengikut beliau, terjadinya kejadian begini adalah kerana tidak adanya komunikasi suami isteri. Ini adalah diakibatkan faktor ikatan tradisional yang menghalang mereka mengamalkan perancang keluarga selepas berkahwin.

Satu lagi faktor penting dalam menentukan satu-satu saiz famili ialah pengetahuan tentang jenis alat pencegah penghamilan. Chilman (1973:170-171) menegaskan,

"Failure to control family size effectively is associated to an unknown degree with the nature of the various available contraceptives". (1973:170-171)

Anak bukan hanya berfungsi memenuhi keperluan Setelah melihat beberapa keterangan di atas dapat diberi keluarga tetapi juga berfungsi mengetahui norma-norma sosial. Puncak anak-anak itu adalah berada dalam kalangan komunitas masyarakat dan budaya yang bersifat yang juga mengandung nilai-nilai moral dan etika. Kehendak anak-anak itu untuk mendapatkan pendidikan yang baik dan benar. Ini

Setelah melihat beberapa keterangan di atas dapat diberi gambaran mengapa saiz famili yang diharapkan itu tidak tercapai oleh seseorang itu.

Beberapa Pendekatan-pendekatan Penting Yang Biasa Digunakan Di Dalam Menjalankan Kajian Mengenai Nilai Anak-Anak

Di dalam kajian-kajian yang lalu terdapat beberapa pendekatan yang digunakan di dalam kajian mengenai nilai anak-anak. Antara pendekatan-pendekatan penting ialah:

- a. Pendekatan sosial psikologikal
- b. Pendekatan struktur sosial
- c. Pendekatan micro-economic
- d. Pendekatan sosio-demographic

a. Pendekatan sosial psikologikal

Pendekatan ini merupakan pendekatan yang penting di dalam kajian mengenai nilai terhadap anak-anak. Ianya memberi tumpuan kepada fungsi anak-anak itu di dalam memenuhi kehendak ibubapa.

Mengikut Faucett,

"Psychological studies have made considerable progress in identifying the motivation specifically related to children, but have been less successful in assessing alternatives

a. Pendekatan Ekonomi Masa

to childbearing which is necessary element in both economic and psychological model". (1977:7)

Anak bukan sahaja berfungsi memenuhi keperluan keluarga tetapi juga kepada masyarakat yang mementingkan norma-norma sosial. Fungsi anak-anak itu adalah berbeza di kalangan kumpulan masyarakat dan budaya yang berlainan yang juga menunjukkan perbezaan dari segi motivasi mengkehendaki anak itu sendiri.

b. Pendekatan Struktur Sosial

Pendekatan ini lebih sesuai digunakan untuk kajian mengenai nilai anak-anak bagi masyarakat luarbandar. Ini adalah kerana ianya lebih menitikberatkan kajian tentang fungsi anak-anak dari aspek ekonomi di samping memahami perasaan anak-anak di dalam aspek struktur kekeluargaan dan kebudayaan.

Pendekatan ini memberi tumpuan kepada struktur nilai, peranan, peluang-peluang yang melibatkan nilai dan kos anak-anak terhadap segolongan masyarakat terutama kaum wanita. Mengikut Blake (1972:280)

"..... It is fair to say that all of the specific variables that are said to effect family size preferences such as urbanization, educational level, female labour force, participation or whatever, actually may be said to effect the utility of children and their costs".

c. Pendekatan Ekonomi Mikro

Pendekatan ini merupakan suatu 'conventional theory' yang memberi gambaran terhadap perlakuan-perlakuan individu yang cuba memaksimakan kepuasan, cita rasa dan pendapatan. Tiori ini telah diapplikasikan oleh Esterlin (1975:54) dalam menganalisa kesuburan, di mana anak-anak diibaratkan sebagai 'barang' yang istimewa kepada ibubapa. Oleh itu pendekatan ini lebih mementingkan konsep-konsep dan tiori-tiori ekonomi yang dikaitkan dengan nilai anak-anak. Fawcett memberi pendapat tentang pendekatan ini sebagai berikut:

"This approach assumes that choices among competing alternatives are available and are made within a framework of allocation of limited resources". (1975: 5)

Di samping anak-anak memberi kepuasan-kepuasan tertentu kepada ibubapa, ibubapa juga tidak dapat mengelakkan diri dari kos-kos yang dikenakan yang mempunyai kaitan dengan perkhidmatan dan barang yang lain. Dalam istilah ekonomi, kepuasan atau 'psychic income' disamakan dengan 'consumption goods' yang merujuk kepada anak sebagai sumber kepuasan peribadi ibubapa.

d. Pendekatan Sosio-Demographic

Di dalam bidang sosiologi dan demographi, kepuasan atau kebaikan mempunyai anak dan kos mempunyai anak merupakan sebahagian daripada apa yang terkandung di dalam 'demographic

transition'. Pendekatan sosio-demographic yang digunakan untuk melihat nilai terhadap anak-anak lebih menumpukan kepada perubahan jangkapanjang di dalam sosio-ekonomi yang akan mengubah nilai dan kos anak-anak. Mengikut Fawcett,

Responden di Kompleks Kempongan Guru dan di Taman

"The shift from a rural, agricultural society to an urban, industrialised one implies a reduction in economic benefits from children and an increase in costs. Other changes such as higher level of education tend to increase awareness and desires related to alternative to children". (1972: 5)

Oleh itu pendekatan ini memberi gambaran bahawa jika terdapat perubahan di dalam sosio-ekonomi dan demografi, iaanya akan mempengaruhi nilai terhadap anak-anak.

Untuk usia responden di Kompleks Kempongan Guru dan di Taman Marpati pula, lebih kurang 76.7% berumur dari 29 hingga 43 tahun, 26.7% di antara usia 29 hingga 33 tahun dan 23.3% di antara 34 hingga 38 tahun. Manakala bagi responden di Taman Marpati pula, lebih kurang 76.7% berumur dari 29 hingga 43 tahun. Pada keseluruhannya, sebahagian besar responden di Kompleks Kempongan Guru dan di Taman Marpati adalah di dalam lingkungan usia 29 hingga 33 tahun. Sila lihat jadual 3.1.

3.2. Usia pada Kasa Nula Berkahwin

Seramai 24 orang responden di Kompleks Kempong Guru iaitu kira-kira 80% telah berkahwin ketika berumur di antara 22 hingga 25 tahun. Manakala 13.3% telah berkahwin ketika mencapai usia di antara 26 hingga 29 tahun dan hanya 6.7% dari keseluruhan responden berkahwin ketika berusia 30 hingga 33 tahun.

BAB III

LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI RESPONDEN

1. Umur

Responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati adalah mereka yang berada di dalam lingkungan umur dari 24 hingga 45 tahun. Tingkat umur bagi responden di Kompleks Kampung Guru ialah di antara 28 hingga 45 tahun sementara umur responden di Taman Merpati adalah di antara 24 hingga 45 tahun.

Lebih kurang 33.3% dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru adalah berumur di antara 39 hingga 43 tahun, 26.7% di antara umur 29 hingga 33 tahun dan 23.3% di antara 34 hingga 38 tahun. Manakala bagi responden di Taman Merpati pula, lebih kurang 76.7% berumur dari 29 hingga 43 tahun. Pada keseluruhannya, sebahagian besar responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati adalah di dalam lingkungan umur 29 hingga 33 tahun. Sila lihat jadual 3.1.

2. Umur pada Masa Mula Berkahwin

Seramai 24 orang responden di Kompleks Kampung Guru iaitu kira-kira 80% telah berkahwin ketika berumur di antara 22 hingga 25 tahun. Manakala 13.3% telah berkahwin ketika mencapai usia di antara 26 hingga 29 tahun dan hanya 6.7% dari keseluruhan responden berkahwin ketika berusia 30 hingga 33 tahun.

Jadual 3.1

Tingkat Umur Responden di-
Kompleks Kampung Guru Dan Di Taman Merpati

Umur	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
24 - 28	2	6.7	6	20.0	8	13.3
29 - 33	8	26.7	12	40.0	20	33.3
34 - 38	7	23.3	6	20.0	13	21.7
39 - 43	10	33.3	5	16.7	16	26.7
44 - 45	3	10.0	1	3.3	3	5.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Di kalangan responden di Taman Merpati, yang terdiri dari golongan kelas rendah, seramai 15 orang atau 50% berkahwin ketika berusia 18 hingga 21 tahun. Hanya kira-kira 23.3% berkahwin di dalam usia 22 hingga 25 tahun.

Jika dibandingkan kedua-dua golongan, jelas kelihatan kebanyakan responden di Taman Merpati berkahwin ketika usia yang agak muda iaitu 14 hingga 17 tahun (26.7%) dan 18 hingga 21 tahun (50%). Di sebaliknya pula responden di Kompleks Kampung Guru yang terdiri dari golongan kelas menengah berkahwin ketika umur dalam lingkungan 20an. Contohnya kira-kira 80% berkahwin ketika usia 22 hingga 25 tahun, dan 13.3% berkahwin dalam usia 26 hingga 29 tahun. Kira-kira 6.7% berkahwin ketika umur mencapai awal 30an. Sila lihat jadual 3.2.

Pada pendapat pengkaji, responden golongan menengah

Jadual 3.2

Tingkat Umur Responden-responden
Ketika Berkahwin Dengan Suami Yang Ada Sekarang

Umur	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
14 - 17	-	-	8	26.7	8	13.3
18 - 21	-	-	15	50.0	15	25.0
22 - 25	24	80.0	7	23.3	31	51.7
26 - 29	4	13.3	-	-	4	6.7
30 - 33	2	6.7	-	-	2	3.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

berkahwin ketika usia yang agak matang kerana mereka lebih berminat menamatkan pelajaran yang mampu dicapai dan meletakkan soal perkahwinan sebagai kedua pentingnya di dalam hidup mereka. Ini berbeza dengan responden dari kelas rendah yang berkahwin di dalam usia yang muda kerana menganggap perkahwinan itu adalah sangat penting dan harus diutamakan. Tambahan pula mereka mengalami keciciran di dalam pelajaran. Ini diikuti pula dengan kehendak ibubapa mereka yang merelakan anak-anak berkahwin secepat mungkin sebagai meringankan tanggungjawab mereka.

3. Kadar Penceraihan

Dari 60 orang responden yang dikaji, tidak ramai antara mereka yang telah mengalami penceraihan. Dari keseluruhan responden di Taman Merpati, cuma 3 orang (10%)

Bagi responden di Taman Merpati kesemua mereka sahaja yang pernah mengalami penceraian. Tidak ada seorang pun di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru yang mengalami penceraian. Oleh itu boleh dikatakan bahawa berikan. Di dalam jadual 3.4 menunjukkan kata-kata di bawah memberi alasan bahawa mereka tidak ada kelulusan yang wajar responden di dalam kajian ini.

4. Pendapatan

Bagi responden di Kompleks Kampung Guru sebahagian perhatian lebih mereka lebih suka menjawab mengenai pendapatan besar adalah terdiri daripada guru-guru lepasan maktab (46.7%) guru-guru berijazah (33.3%) dan juga lulus di peringkat diploma pendidikan (13.3%). Cuma 2 orang (6.7%) sahaja yang menjawat jawatan sebagai pegawai kerajaan. Apabila ditanya mengapa jawatan guru menjadi pilihan mereka, keseluruhan responden berpendapat profesyen perguruan adalah bersesuaian dengan sifat wanita sebagai pendidik.

Jadual 3.3

Jawatan Yang Dipegang Serta Anggaran Pendapatan Bulanan Di Kalangan Responden Di Kompleks Kampung Guru

Jawatan	Bilangan	%	Pendapatan
Guru lepasan maktab	14	46.7	\$1,000 -- 1,060
Guru berkelulusan diploma	4	13.3	\$1,000 - 1,200
Guru berijazah	10	33.3	\$1,200 - 1,400
Pegawai Kerajaan	2	6.7	\$1,000 - 1,200

berpendapat jumlah yang mana 30 orang 100.0 menggolongkan mereka berada di dalam kelas rendah. Tingkat pendapatan bulanan

Bagi responden di Taman Merpati kesemua mereka merupakan golongan surirumah tangga. Apabila ditanya mengapa mereka tidak bekerja, terdapat berbagai-bagai alasan yang di berikan. Di dalam jadual 3.4 menunjukkan kira-kira 53.3% memberi alasan bahawa mereka tidak ada kelulusan yang wajar untuk mengizinkan mereka bekerja. Jawapan begini menunjukkan motivasi untuk bekerja adalah tinggi tetapi terhalang kerana taraf pendidikan yang rendah. Alasan-alasan lain yang mendapat perhatian ialah mereka lebih suka menjadi surirumah tangga (23.3%), alasan hendak menjaga anak (16.7%) dan alasan tidak ada kerja yang sesuai merupakan alasan yang paling rendah peratusnya iaitu 6.7%.

Jadual 3.4

Alasan-alasan Responden Di Taman Merpati
Mengapa Mereka Tidak Bekerja

Perkara	Jumlah	%
1. Tidak ada kelulusan yang wajar	16	53.3
2. Lebih suka menjadi surirumah tangga	7	23.3
3. Hendak menjaga anak	5	16.7
4. Tidak ada kerja yang sesuai	2	6.7
Jumlah	30	100.0

Responden di Taman Merpati mempunyai suami yang berpendapatan rendah yang mana pengkaji menggolongkan mereka berada di dalam kelas rendah. Tingkat pendapatan bulanan

Jadual 3.6

yang paling tinggi ialah sebanyak \$400 sebulan dan anggaran pendapatan minima ialah sebanyak \$300 sebulan. Lihat jadual 3.5. Kebanyakan suami responden di Taman Merpati bekerja sebagai buruh, derebar, tukang kebun, pelayan pejabat dan attenden hospital.

Guru

17

\$1,000-\$1,600

Pengetua Sekolah

Jadual 3.5

5

\$1,000-\$1,900

Pegawai

\$1,000-\$1,500

Pelajar

Jawatan Yang Dipegang Dan Anggaran Pendapatan
Suami Responden Di Kompleks Kampung Guru

Jawatan	Bilangan	Pendapatan
Buruh Am	10	\$ 300 - \$350
Derebar	7	\$ 320 - \$400
Tukang Kebun	5	\$ 350 - \$360
Pelayan Pejabat	3	\$ 400
Buruh Kontrek	3	\$ 300 - \$320
Attenden Hospital	2	\$ 380
Jumlah	30	

Suami responden di Kompleks Kampung Guru mempunyai

tangga gaji yang lumayan iaitu \$1000 ke atas. Ini boleh dilihat dari jadual 3.6. Keseluruhan mereka menjawat jawatan sebagai guru, pengetua sekolah dan pegawai kerajaan. Namun begitu ada juga yang bertugas sebagai penyelia sekolah-sekolah, mekanik dan peguam yang boleh dikategorikan sebagai golongan profesional. Jika dilihat pendapatan seisi keluarga responden di Kompleks Kampung Guru, maka ianya menunjukkan

Jadual 3.6

Jawatan Yang Dipegang Dan Anggaran Pendapatan Bulanan Di Kalangan Suami Responden Di Kompleks Kampung Guru

Jawatan	Bilangan	Pendapatan
Guru	17	\$1,000-\$1,600
Pengetua Sekolah	6	\$1,500-\$1,900
Pegawai Kerajaan (Di Jabatan Pelajaran)	4	\$1,000-\$1,500
Penyelia Sekolah-sekolah	1	\$1,600
Mekanik	1	\$1,000
Peguam	1	\$2,600
Jumlah	30	

Jika dilihat dari seisi pendapatan seisi keluarga suatu jumlah pendapatan yang agak lumayan. Namun pendapatan yang besar selalunya diimbangi oleh perbelanjaan yang besar juga. Misalnya mereka berbelanja membeli perhiasan-perhiasan atau alat-alat perabut rumah yang mewah. Perbelanjaan mengadakan lambang-lambang status ini mengikut Nordin Selat (1977) adalah untuk memelihara kesesuaian atau status (congruence) di kalangan golongan kelas menengah.

Bagi responden di Taman Merpati, pendapatan seisi keluarga adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan pendapatan seisi keluarga responden di Kompleks Kampung Guru. Dari jumlah 30 keluarga sejumlah kira-kira 40% mempunyai pendapatan sebanyak \$300 hingga \$319 dan cuma 3.3% berpendapatan sebanyak \$400. Ini boleh dilihat di jadual 3.7.

Jadual 3.7

Anggaran Pendapatan Seisi Keluarga Di Kalangan Responden Di Taman Merpati

Pendapatan	Jumlah Pasangan	%
\$300 - 319	12	40.0
\$320 - 339	4	13.3
\$340 - 359	9	30.0
\$360 - 379	1	3.3
\$380 - 399	3	10.0
\$400	1	3.3
Jumlah	30	99.9

Jika dilihat dari segi pendapatan seisi keluarga bagi kedua-dua golongan, kelihatan begitu jauh sekali jurangnya. Ini adalah kerana bagi responden di Taman Merpati pendapatan tetap bergantung kepada gaji bulanan suami mereka sahaja kerana mereka tidak bekerja. Sementara responden di Kompleks Kampung Guru di samping mempunyai suami yang berpendapatan tinggi, mereka pula bekerja mempunyai gaji \$1000 ke atas sebulan.

Kebanyakan dari keluarga di Kompleks Kampung Guru mempunyai pendapatan di antara \$2,000 hingga \$2,199 sebulan (40%). Dari rajah 3.8 dapat dilihat cuma 3.3% keluarga mempunyai pendapatan yang paling tinggi iaitu \$3000 sebulan. Pendapatan yang tinggi adalah kerana pasangan suami isteri

Jadual 3.8

Anggaran Pendapatan Seisi Keluarga Responden
Di Kompleks Kampung Guru

Tingginya pendapatan mereka mencukupi untuk

Pendapatan	Jumlah Pasangan	%
\$2,000 - 2,199	12	40.0
\$2,200 - 2,399	9	23.3
\$2,400 - 2,599	5	16.7
\$2,600 - 2,799	3	10.0
\$2,800 - 2,999	2	6.7
\$3,000	1	3.3
Jumlah	30	100.0

yang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi, terdapatnya kenaikan pangkat dan adanya pengalaman bekerja.

Pengkaji telah bertanya kepada responden-responden samada pendapatan mereka mencukupi untuk perbelanjaan keperluan harian. Semua responden di Kompleks Kampung Guru menyatakan bahawa pendapatan mereka adalah mencukupi. Di kalangan responden di Taman Merpati, hampir keseluruhannya menjelaskan bahawa pendapatan mereka adalah tidak mencukupi. Oleh itu mereka terpaksa berhutang atau membayar ansuran untuk mengadakan keperluan-keperluan seperti talivesyen, radio, motosikal dan perkakas-perkakas rumah. Mereka yang berpendapatan antara \$380 hingga \$400 sebulan menyatakan pendapatan mereka agak mencukupi kerana buku pelajaran anak-anak mereka diberi

percuma dan anak-anak mereka ada yang mendapat biasiswa. Dari data yang diperolehi, jelas kelihatan bahawa mereka yang menegaskan pendapatan mereka tidak mencukupi untuk perbelanjaan keperluan hidup ialah mereka yang berpendapatan antara \$300 - \$319 sebulan. Di samping itu mereka mempunyai anak-anak yang masih bersekolah.

5. Latar belakang Persekolahan

Semua responden menghadiri sekolah dan mendapat pendidikan formal samada aliran Melayu maupun aliran Inggeris. Dari jadual 3.9 kira-kira 50% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mendapat pendidikan sekolah Inggeris dan 50% mendapat pendidikan sekolah aliran Melayu. Di kalangan responden di Taman Merpati cuma 16.7% yang mendapat pendidikan di sekolah Inggeris dan 83.3% menghadiri sekolah Melayu.

Diploma Pendidikan

Bagi responden di Kompleks Kampung Guru, semua mereka mempunyai taraf pendidikan yang tinggi samada di peringkat Universiti maupun maktab perguruan. Kira-kira 23.3% mempunyai Sarjana Muda Sastera (Pendidikan), 46.7% memiliki sijil perguruan, 6.7% lulus Sarjana Ekonomi (Pendidikan), 13.3% mempunyai diploma pendidikan, 6.7% memiliki Sarjana Muda Sastera dan 3.3% sahaja yang lulus Sarjana Muda Sains (Pendidikan). Hanya 33.3% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke tarjuk yang agak tinggi. Hampir 33.3% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke tarjuk

5 ringgit 6. Dari alasan-alasan yang diberikan didapati

Jadual 3.9 Latar Belakang Persekolahan Responden Di Kompleks Kampung Guru Dan Di Taman Merpati

responden melanjutkan pelajaran hingga ke tingkat

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah Bil.	%
Sekolah Melayu	15	50.0	25	83.5	40	66.3
Sekolah Inggeris	15	50.0	5	16.7	20	33.3
Jumlah	30	100.00	30	100.0	60	99.9

terdapat kira-kira 16.7% responden yang berjaya ke tingkatan

3 tetapi gagal di dalam p

Jadual 3.10

Bagitu juga 16.7% responden berjaya ke tingkatan Pelajaran Malaysia tetapi gagal di dalam pelajaran tersebut.

Peringkat Pencapaian Responden Di Kompleks Kampung Guru

Peringkat Tertinggi Lulus	Bilangan	%
Sijil Perguruan	14	46.7
Sarjana Muda Sains (Pendidikan)	7	23.3
Diploma Pendidikan	4	13.3
Sarjana Muda Sastera	2	6.7
Sarjana Muda Ekonomi (Pendidikan)	2	6.7
Sarjana Muda Sains (Pendidikan)	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Tingkatan 1 - 2 4 13.3
Dari rajah 3.11 dapat dilihat peringkat pencapaian pelajaran responden di Taman Merpati. Kira-kira 20% telah dapat belajar di dalam darjah 2 hingga 4 iaitu suatu peratusan yang agak tinggi. Hampir 33.3% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke darjah

5 hingga 6. Dari alasan-alasan yang diberikan didapati faktor kemiskinan merupakan faktor yang menghalang responden responden melanjutkan pelajaran sekurang-kurangnya hingga ke sekolah menengah rendah. Ibu bapa responden mempunyai bilangan anak yang ramai dan tidak dapat membiayai pelajaran anak-anak yang sempurna. Keadaan ini memaksa mereka memberhentikan persekolahan responden walaupun mengikut responden mereka masih mempunyai minat untuk belajar. Namun begitu terdapat kira-kira 16.7% responden yang berjaya ke tingkatan 3 tetapi gagal di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Begitu juga 16.7% telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tetapi gagal di dalam peperiksaan tersebut.

Jadual 3.11

Peringkat Tertinggi Lulus Di Kalangan Responden Di Taman Merpati

6. Parameter Sekarang

Peringkat Tertinggi Lulus	Bilangan	%
<u>Sekolah Rendah</u>		
Darjah 2 - 4	6	20.0
Darjah 5 - 6	10	33.3
<u>Sekolah Menengah Rendah</u>		
Tingkatan 1 - 2	4	13.3
Tingkatan 3	5	16.7
<u>Sekolah Menengah Atas</u>		
Tingkatan 5	5	16.7
Jumlah	30	100.0

Pengkaji telah menyoal mengenai kebolehan membaca dan semua responden didapati boleh membaca dan menulis. Mereka yang berpendidikan Inggeris mengatakan dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lancar sekali terutama di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru.

Kira-kira 60% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru dapat menguasai bahasa dan tulisan rumi Inggeris. Tetapi cuma 3.3% sahaja responden di Taman Merpati yang boleh berbuat demikian. Hampir 6.7% responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati yang boleh berbahasa dan menulis rumi Melayu. Bahasa dan tulisan jawi serta rumi dapat dikuasai oleh 33.3% responden di Kompleks Kampung Guru dan bagi responden di Taman Merpati ianya mencapai peratus yang tertinggi iaitu 86.7%. Lihat jadual 3.12.

6. Peranan Sebaran Am

Peranan sebaran am adalah penting bagi masyarakat di bandar di mana unsur-unsur luar samada dari dalam dan luar negeri dapat diresapkan. Alat-alat sebaran am seperti akhbar, majalah, radio dan televisyen adalah amat besar mempengaruhi kehidupan sehari-hari bagi penduduk di bandar.

Dari jadual 3.13, menunjukkan bahawa responden di Kompleks Kampung Guru dan Taman Merpati menonton televisyen dan mendengar radio hampir setiap hari.

Jadual 3.12

Kekerapan membaca lebih rendah di kalangan

Bilangan Yang Dapat Membaca Di Kompleks

responden di Kampung Guru dan Di Taman Merpati

Membaca. Tabahan ini berdasarkan responden

faktor	Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah Sampal	%
	Bahasa/tulisan Jawi	-	-	1	3.3	1	1.7
	Bahasa/tulisan rumi (Inggeris)	18	60.0	1	3.3	19	31.7
	Bahasa/tulisan rumi (Melayu)	2	6.7	2	6.7	4	6.7
	Bahasa/tulisan rumi (Jawi dan rumi)	10	33.3	26	86.7	36	60.0
	Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Jadual 3.13

**Kekerapan Responden Membaca, Mendengar
Radio Dan Menonton Televisyen**

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah Sampal	%
Membaca Akhbar						
Setiap hari	30	100.0	5	16.7	35	58.3
Beberapa kali seminggu	-	-	15	50.0	15	25.0
Kadang-kadang	-	-	10	33.3	10	16.7
Tidak pernah	-	-	-	-	-	-
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Menonton Televisyen dan mendengar radio hampir setiap hari

Kekerapan membaca berita menunjukkan ukuran diminati pula kira-kira. Kekerapan pembacaan lebih rendah di kalangan responden di Taman Merpati kerana kurang minat terhadap pembacaan. Tambahan pula berpandukan pendapat responden faktor tersebut adalah disebabkan tingkat kelulusan yang rendah. Jika dirujuk jadual 3.11, di mana 20% dari responden di Taman Merpati hanya mendapat pendidikan setakat darjah 2 hingga 4. Oleh yang demikian taraf kelancaran membaca adalah begitu rendah sekali.

Dari jadual 3.13, dapat dilihat kekerapan responden membaca, mendengar radio dan menonton televisyen. Responden di Kompleks Kampung Guru membaca akhbar setiap hari (100%). Di kalangan responden di Taman Merpati 50% dari mereka membaca akhbar beberapa kali seminggu, 33.3% membacanya kadang-kadang dan 16.7% membaca akhbar setiap hari. Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa responden di Kompleks Kampung Guru lebih banyak membaca dan luas pengetahuannya berbanding dengan responden di Taman Merpati.

Mengenai jenis berita yang diminati pula, 43.3% responden di Kompleks Kampung Guru meminati berita kebangsaan sebagai pilihan pertama. Berita dunia menjadi pilihan utama bagi sejumlah kira-kira 40% responden dan 6.7% meminati berita tempatan. Tidak ada seorang pun di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru yang meminati berita hiburan.

Di kalangan responden di Taman Merpati, jenis berita yang menjadi minat utama ialah berita tempatan (26.7%).

Rancangan berita mengenai ugama diminati oleh kira-kira 23.3% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati sementara berita dunia diminati oleh kira-kira 16.7% responden. Hampir 13.3% responden meminati berita kebangsaan dan 20% meminati berita hiburan sebagai pilihan utama. Sila lihat jadual 3.14.

Jadual 3.14

Jenis-jenis Berita Yang Diminati Oleh Responden
Di Kompleks Kampung Guru dan Responden
Di Taman Merpati

Jenis Berita	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Berita Tempatan	2	6.7	8	26.7	10	16.7
Berita Kebangsaan	13	43.3	4	13.3	17	28.3
Berita Dunia	12	40.0	5	16.7	17	28.3
Berita Ugama	3	10.0	7	23.3	10	16.7
Berita Hiburan	-	-	6	20.0	6	10.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Apabila ditanya tentang jenis rancangan yang diminati di televisyen, ramai responden yang memberi pendapat yang hampir sama. Rancangan-rancangan seperti Peristiwa, Berita, Sinar Islam dan Kesuma adalah rancangan-rancangan berbentuk pengetahuan yang diminati oleh responden-responden. Rancangan-rancangan begini adalah penting bagi meluaskan daya pemikiran dan pengetahuan seseorang. Sementara rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan pula lebih bersifat sekularistik yang boleh

mempengaruhi cara pergaulan responden, tutur bahasa yang digunakan serta gaya pakaian mereka. Oleh itu dari segi komunikasi, peranan RTM telah mewujudkan daya berfikir dan menimbulkan perubahan sikap pandangan dan penontonnya yang terdiri dari semua lapisan masyarakat.

Sebagai kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa peranan sebaran am ke atas masyarakat Melayu kelas menengah dan rendah di Kangar begitu meluas sekali. "close-ended" diutarakan kepada responden-responen.

Kebaikan dan Keburukan Mempunyai Anak

1. Kebaikan Mempunyai Anak

Di dalam melihat-saizkan mempunyai anak, soalan penting yang ditanya ialah "Apakah kebaikan mempunyai anak?". Ini dimakludkan bahawa sejauhmana anak itu dapat memberi kepuasan di masa-lalu, masa kini dan masa hadapan. Responden-responen telah memberi 4 hingga 8 alasan-alasan dan pengkaji telah menyelidik di antara semua alasan-alasan yang diberikan itu, yang manakah paling penting, kedua penting dan ketiga penting. Kategor-kategori kebaikan mempunyai anak selipati 7 bahagian dan ini boleh dilihat di dalam lampiran B(1).

Setelah diteliti jawapan-jawapan yang diberikan didapati bahawa responden di Kompleks Kampung Guru lebih kerap menyentuh kategori-kategori kebaikan untuk unit famili dan kategori kesenangan, kasih dan teman hidup. Manakala responden

BAB IV

NILAI MENGENAI ANAK-ANAK DI KALANGAN MASYARAKAT BERTARAF KELAS MENENGAH DI KOMPLEKS KAMPUNG GURU DAN BERTARAF KELAS RENDAH DI TAMAN MERPATI DI KANGAR PERLIS

Di dalam bab ini pengkaji akan melihat secara perbandingan nilai dan sikap responden di Kompleks Kampung Guru dan responden di Taman Merpati ke atas anak-anak mereka. Semua soalan yang berbentuk formal iaitu 'open-ended' dan 'close-ended' diutarakan kepada responden-responden.

Kebaikan dan Keburukan Mempunyai Anak

1. Kebaikan Mempunyai Anak

Di dalam melihat kebaikan mempunyai anak, soalan penting yang ditanya ialah 'Apakah kebaikan mempunyai anak?'. Ini dimaksudkan bahawa sejauhmana anak itu dapat memberi kepuasan di masa lampau, masa kini dan masa hadapan. Responden-responden telah memberi 4 hingga 8 alasan-alasan dan pengkaji telah menyosal di antara semua alasan-alasan yang diberikan itu, yang manakah paling penting, kedua penting dan ketiga penting. Kategori-kategori kebaikan mempunyai anak meliputi 7 bahagian dan ini boleh dilihat di dalam lampiran B(i).

Setelah diteliti jawapan-jawapan yang diberikan didapati bahawa responden di Kompleks Kampung Guru lebih kerap menyentuh kategori-kategori kebaikan untuk yunit famili dan kategori kesenangan, kasih dan teman hidup. Manakala responden

dan keseluruhan alasan yang diberikan oleh responden di Taman Merpati lebih kerap menyentuh kategori kebaikan Kompleks keluarga guru. Alasan-alasan kategori ini antara-anak di ekonomi dan masa depan terjamin.

dan kasih sayang antara ibu dan bapa. Jadual 4.1.1 berikut membawa sejumlah 60% daripada Kekerapan* Pendapat Tentang Kebaikan Mempunyai Anak Di Kompleks Kampung Guru dan Di Taman Merpati.

Kebaikan	Kekerapan			
	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%
Kesenangan, kasih dan teman hidup	53	24.7	38	17.4
Kebaikan yunit famili	68	31.6	37	17.0
Pembentukan diri sendiri	32	14.9	21	9.6
Kebaikan untuk keluarga	26	12.1	9	4.1
Kebaikan ugama	6	2.8	8	3.7
Kebaikan ekonomi dan masa depan terjamin	10	4.7	83	38.1
Kebaikan-kebaikan lain seperti anak berkat perkahwinan	20	9.3	22	10.1
Jumlah	215	100.0	218	100.0

Dari jadual 4.1.1 kelihatan jelas kategori - kebaikan untuk yunit famili mencapai peratus tertinggi iaitu 31.6%

* Kekerapan dihitung dari keseluruhan alasan-alasan yang diberi oleh responden. Alasan-alasan berkenaan telah dikategorikan sebagaimana yang terkandung di dalam lampiran B(i).

dan keseluruhan alasan yang diberikan oleh responden di Kompleks Kampung Guru. Di dalam kategori ini anak-anak di anggap dapat mengeratkan ikatan serta menambahkan kemesraan dan kasih sayang antara ibubapa. Ini terbukti apabila seramai 60% daripada mereka menganggap perkara ini menjadi sebab utama mereka mengkehendaki anak. Lihat jadual 4.2a. Mengikut beberapa responden, keadaan ini wujud kerana mereka dan suami sibuk dengan tugas-tugas di sekolah atau di pejabat maka anak memainkan peranan penting sebagai tali perhubungan antara mereka.

Berbanding dengan responden di Taman Merpati, dari keseluruhan alasan-alasan yang diberikan hanya 17% sahaja yang mengakui anak memberi kebaikan pada yunit famili. Sila lihat jadual 4.1. Termasuk di dalam kategori ini anak-anak juga dikatakan boleh menyebabkan ibubapa dipandang tinggi oleh masyarakat di samping mengeratkan perhubungan kasih sayang ibubapa. Namun begitu kira-kira 30% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati menganggap anak dapat mengeratkan perhubungan kasih sayang ibubapa sebagai sebab terpenting mereka mahukan anak. Sila lihat pula jadual 4.2b.

Meskipun kategori kebaikan ekonomi dan masa depan terjamin mendapat 38.1% dari keseluruhan alasan yang diberikan oleh responden di Taman Merpati, tetapi cuma 26.7% yang menjelaskan ini adalah sebab terpenting mereka mengkehendaki anak. Jika dilihat jadual 4.2b peratus tersebut adalah jauh lebih tinggi daripada responden di Kompleks Kampung Guru. Pada pendapat pengkaji, ini disebabkan responden

di Taman Merpati menaruh harapan bahawa anak-anak dapat memberikan bantuan ekonomi kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Cuma 3.3% dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan anak-anak akan membantu dan menyara ibubapa di masa tua sebagai sebab terpenting mereka mahukan anak. Apa yang lebih diutamakan ialah kesejahteraan anak-anak itu sendiri baik masa kini maupun masa hadapan tanpa membebankan mereka. Sebaliknya pula responden di Taman Merpati (23.3%) lebih mengharapkan anak-anak membantu dan menyara mereka di masa tua. Namun begitu mereka tidak begitu mengharapkan bantuan dan jagaan anak-anak ketika sakit. Oleh itu bantuan ketika sakit hanya merupakan sebab ketiga mereka mahukan anak (10%). Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru bantuan ketika sakit juga merupakan sebab ketiga mereka mahukan anak (3.3%). Pada pendapat pengkaji, ibubapa dari mana-mana golongan masyarakat sekalipun; tidak begitu mahu menyusahkan anak-anak mereka terutama yang masih belajar. Anak-anak perempuan maupun lelaki tidak begitu diharapkan membantu urusan rumahtangga dan jika ada tugas-tugas yang diberikan selalunya sesuai dengan kemampuan mereka. Tambahan pula responden yang bertaraf kelas menengah di Kompleks Kampung Guru mempunyai pembantu rumah, maka kerja-kerja rumah lebih banyak diambil alih oleh mereka. Maka kewajipan anak-anak hanyalah belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya ke peringkat yang tinggi.

Dari jawapan-jawapan yang diberikan kelihatan dianggap dapat menunjukkan para suyu di dalam

kategori 'kesenangan' kasih dan teman hidup, agak tinggi peratusnya di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru,

Jadual 4.2a

Beberapa Pendapat Responden di Kompleks
Kampung Guru Mengenai Kebaikan Mempunyai
Anak Mengikut Yang Mana Paling Penting

Perkara	Sebab Terpenting %	Kedua Penting %	Ketiga Penting %
Membantu dan menyara ibu-bapa di masa tua	1 3.3	- -	2 6.7
Sebagai teman dan tempat mencerah kasih sayang	3 10.0	10 33.3	8 26.7
Menjamin masa depan dan memberi bantuan ekonomi	- -	- -	1 3.3
Warisan dan penyambung zuriat	2 6.7	1 3.3	- -
Menjaga dan memberi bantuan ketika sakit	- -	- -	1 3.3
Menghilangkan rasa sunyi	- -	3 10.0	5 16.7
Sumber kebahagian keluarga	5 16.7	12 40.0	4 13.3
Kemegahan ibubapa	1 3.3	1 3.3	1 3.3
Mengeratkan perhubungan kasih sayang suami isteri	18 60.0	3 10.0	6 20.0
Lebih luas pengetahuan	- -	- -	2 6.7
Jumlah	30 100.0	30 99.9	30 100.0

iaitu 24.7%. Sementara di kalangan responden di Taman Merpati hanya 17.4% sahaja yang menyentuh mengenai perkara tersebut. Di dalam kategori tersebut termasuklah anak-anak dianggap dapat menghilangkan rasa sunyi dan membuat ibu-

Jadual 4.2b

merupakan sebab ketika pertama kali mereka berkesempatan anak. Sama ada mereka merasa bahagia atau tidak. Beberapa pendapat responden di Taman Merpati mengenai kebaikan mempunyai anak mengikut yang mana paling penting.

Perkara	Sebab Terpenting	% Kedua Penting	% Ketiga Penting	%
Membantu menyara ibubapa di masa tua	7	23.3	10	33.3
Sebagai teman dan tempat mencerah kasih sayang	1	3.3	-	11
Menjamin masa depan dan memberi bantuan ekonomi	8	26.7	9	30.0
Warisan dan penyambung zuriat	-	-	2	6.7
Menjaga dan memberi bantuan ketika sakit	-	-	-	3
Menghilangkan rasa sunyi	1	3.3	-	-
Sumber kebahagian keluarga	4	13.3	5	16.7
Kemegahan ibubapa	-	-	-	1
Mengeratkan perhubungan kasih sayang suami isteri	9	30.0	4	13.3
Lebih luas pengetahuan	-	-	-	1
Jumlah	30	99.9	30	100.0
			30	100.0

bapa merasa senang dan bahagia. Hampir 10% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan anak dapat menghilangkan rasa sunyi sebagai sebab kedua pentingnya. Guru mereka mahukan anak. Kira-kira 16.7% pula mengatakan ianya

merupakan sebab ketiga pentingnya mereka berkehendakan anak. Sila rujuk jadual 4.2a. Bagi responden di Taman Merpati, 3.3% sahaja yang mengatakan anak dapat menghilangkan rasa sunyi. Sila lihat jadual 4.2b.

Kesimpulan

Bagi kategori 'pembentukan diri sendiri' yang selalu disebut ialah perasaan bangga dan megah apabila mempunyai anak. Anak juga dikatakan dapat mewujudkan sifat sabar kepada ibubapa serta dapat meluaskan pengetahuan ibubapa. Kategori ini mendapat 14.9% di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan kira-kira 9.6% di kalangan responden di Taman Merpati.

Apa yang jelas ialah anak-anak dianggap sumber kebahagiaan keluarga terutama di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru (16.7%). Di kalangan responden di Taman Merpati cuma 3.3% dari mereka yang menganggap anak sumber kebahagian keluarga sebagai sebab terpenting mereka mempunyai anak. Kategori-kategori kebaikan lain seperti anak berkat perkahwinan, kebaikan ugama dan kebaikan keluarga tidak begitu banyak disebut.

Rumusannya dapatlah dikatakan bahawa motif psikologi lebih banyak ditekankan di kalangan golongan kelas menengah dari golongan kelas rendah. Lebih kurang 86.1% dari keseluruhan alasan yang diberikan oleh responden di Kompleks Kampung Guru merangkumi motif psikologi sedangkan 51.8% alasan tersebut

diutarakan oleh responden di Taman Merpati. Motif ekonomi lebih banyak ditekankan oleh responden di Taman Merpati yang mewakili kelas rendah iaitu mencapai 33.9%. Manakala kira-kira 4.9% sahaja yang diutarakan oleh masyarakat di Kompleks Kampung Guru.

2. Keburukan Mempunyai Anak

Istilah keburukan mempunyai anak selalu disalah anggap oleh kebanyakan responden. Setengah daripada mereka memberi alasan bahawa tidak ada keburukan mempunyai anak. Anak bagi mereka adalah suatu anugerah dari Tuhan dan di amanahkan kepada mereka untuk memelihara dan mendidik mereka. Setelah diberi alasan begini, pengkaji terpaksa mengubahsuaikan corak soalan sebagai, 'Apakah masalah-masalah yang telah dan akan timbul bila mempunyai anak?'. Responden-responden sekadar dapat menyatakan 3 hingga 5 alasan sahaja dan tidak sebanyak jawapan yang diterima mengenai kebaikan mempunyai anak. Untuk memudahkan penganalisaan, semua alasan tersebut telah dikategorikan kepada 4 kategori asas. Kategori-kategori itu termasuklah masalah fizikal, masalah emosi, masalah kewangan dan masalah kurang kebebasan. Sila lihat jadual 4.3.

Dari jadual 4.3, kelihatan masalah emosi yang paling kerap disebut oleh responden di Kompleks Kampung Guru (57.1%), berbanding dengan masalah kurang kebebasan (35.7%),

Jadual 4.3

Kekerapan Pendapat Tentang Keburukan Mempunyai
Anak Di Kompleks Kampung Guru Dan Di
Taman Merpati

Keburukan	Kekerapan			
	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%
Masalah emosi	48	57.1	28	29.2
Masalah Kewangan	3	3.6	42	43.8
Masalah tekanan fizikal	3	3.6	20	20.8
Masalah kurang Kebebasan	30	35.7	6	6.2
Jumlah (Pendapat)	84	100.0	96	100.0

masalah kewangan (3.6%) dan masalah tekanan fizikal (3.6%). Masalah kewangan merupakan masalah yang paling kerap disebut di kalangan responden di Taman Merpati iaitu mencapai 43.8% berbeza dengan masalah emosi (29.2%), masalah tekanan fizikal (20.8%) dan masalah kurang kebebasan (6.2%).

Dalam kategori masalah emosi, hampir 36.7% dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan mereka menghadapi masalah di dalam mengawal dan memberi asuhan yang sempurna kepada anak-anak. Sila lihat jadual 4.4a. Oleh kerana mereka bekerja, masa untuk menumpukan sepenuh-penuhnya pada anak-anak adalah begitu terhad sekali sedangkan anak-anak memerlukan bimbingan yang secukup dari ibubapa. Menurut mereka, sejauh ini anak-anak mereka

tidak pula terlibat dengan sebarang kegiatan 'delinquency'. Di kalangan responden di Taman Merpati, cuma 20% sahaja yang sering menghadapi masalah mengawal dan memberi asuhan pada anak-anak. Mereka terdiri dari ibu-ibu yang tidak bekerja, maka masalah tersebut kurang dihadapi oleh mereka. Namun begitu tingkahlaku anak-anak remaja perlu dikawal kerana menurut responden, negeri Perlis adalah bersempadan dengan Negeri Thai yang terkenal dengan dadah. Kegiatan penagihan dadah, ponteng sekolah dan pergaulan bebas dengan pemuda-pemuda nakal merupakan masalah yang dibimbangkan oleh responden di Taman Merpati. Keadaan penyelewengan begini selalunya terdedah kepada anak lelaki. Ini adalah kerana mereka lebih bebas sedangkan anak perempuan lebih banyak masa tertumpu di rumah. Ada juga di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru (6.7%) menyatakan anak-anak remaja mereka berpengaruh barat yang kadangkala agak keterlaluan terutama dari segi cara bersosial. Pada pendapat pengkaji, ini disebabkan pergaulan yang luas serta pendidikan yang diterima samada secara formal atau tidak formal mempengaruhi tingkahlaku para remaja. Juga peranan mass media pada masa kini mendedahkan berbagai ragam hidup ala barat yang mudah dipengaruhi oleh para remaja terutama dari keluarga bertaraf kelas menengah.

Satu lagi masalah emosi yang kerap diutarakan ialah masalah kesihatan anak-anak. Bagi responden di Taman

Merpati, masalah kesihatan anak-anak membimbangkan mereka. Dari jadual 4.4b, 3.3% dari keseluruhan responden di Taman Merpati mengatakan ianya adalah masalah terpenting sementara 26.7% mengatakan sebab kedua penting dan 16.7% sebab ketiga penting masalah mempunyai anak. Mengikut responden, kesihatan anak yang terganggu menimbulkan masalah misalnya kerja-kerja akan terbengkalai di samping fikiran mereka juga turut terganggu. Oleh sebab responden di Taman Merpati terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah, mereka selalunya membawa anak-anak mendapatkan rawatan di hospital. Jika tidak mendapat layanan yang baik atau kesihatan anak mereka tidak pulih, mereka terpaksa pula ke klinik swasta. Rawatan di klinik swasta sudah tentunya mengenakan bayaran. Jika dilakukan berulang-ulang kali akan menambahkan beban perbelanjaan responden tersebut. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru, timbul pula masalah di dalam soal meminta cuti dari majikan mereka bila anak-anak sakit. Tetapi masalah ini tidaklah begitu serius di kalangan mereka kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan cuma 16.7% yang mengatakan masalah kesihatan anak adalah masalah yang ketiga penting dan bukan masalah yang utama. Sila lihat jadual 4.4a.

Di bawah kategori yang sama, satu masalah yang diutarakan ialah masalah mendapatkan dan mengekalkan orang

Jadual 4.4a

Beberapa Pendapat Responden Di Kompleks Kampung Guru Mengenai Keburukan Mempunyai Anak Mengikut Yang Mana Paling Penting

Perkara	Sebab Terpenting %	Kedua %	Ketiga %
Masalah mengawal dan memberi asuhan yang sempurna	11 36.7	3 10.0	1 3.3
Mendapat dan mengekal-kan orang gaji	8 26.7	7 23.3	1 3.3
Berpengaruh barat keterlaluan	2 6.7	1 3.3	2 6.7
Kurang kebebasan	6 20.0	6 20.0	12 40.0
Bimbang terhadap didikan ugama	3 10.0	8 26.7	5 16.7
Masalah perbelanjaan terutama membayai pelajaran dan saraan	- - - -	- - -	3 10.0
Masalah kesihatan anak-anak membimbangkan	- - - 5	16.7	5 16.7
Terpaksa bekerja lebih kuat	- - - -	- - - 1	10 33.3
Jumlah	30 100.0	30 100.0	30 100.0

Jadual 4.4b

Beberapa Pendapat Responden Di Taman Merpati Mengenai Keburukan Mempunyai Anak Mengikut Yang Mana Paling Penting

Perkara	Sebab Terpenting	% Kedua	% Ketiga	%
Masalah mengawal dan memberi asuhan yang sempurna	6	20.0	4	13.3
Mendapat dan mengekal-kan orang gaji	-	-	-	-
Berpengaruh barat	-	-	-	-
Kurang kebebasan	2	6.7	1	3.3
Bimbang terhadap didikan ugama	3	10.0	5	16.7
Masalah perbelanjaan terutama membayai pelajaran dan saraan	15	50.0	10	33.3
Masalah kesihatan anak-anak membimbangkan	1	3.3	8	26.7
Terpaksa bekerja lebih kuat	3	10.0	2	6.7
Jumlah	36	100.0	30	100.0
			30	100.1

gaji. Masalah ini ditimbulkan oleh responden di Kompleks Kampung Guru sahaja di mana 26.7% mengatakan ianya adalah masalah yang utama. Berpandukan daripada pendapat responden-responden bahawa proses perbandaran yang pesat di bandar-bandar terutama di luar negeri Perlis memungkinkan tidak ramai gadis-gadis yang mahu menjadi pembantu rumah. Mereka yang berpendidikan rendah ini merasa lebih selesa dan seronok bekerja di kilang-kilang yang menawarkan gaji yang lebih tinggi daripada menjadi pembantu rumah yang disekat kebebasan mereka. Ada setengah responden yang menjelaskan bahawa terdapat gadis-gadis yang tidak mahu dijadikan pembantu rumah kerana tidak berpuas hati dengan gaji yang diterima. Bayaran gaji sebanyak \$80 hingga \$100 sebulan dikatakan tidak seimbang dengan tugas yang dijalankan. Di kalangan responden pula ada yang bimbang untuk mencari anak gadis atau janda sebagai orang gaji kerana cemburu dengan layanan yang diberikan kepada suami mereka semasa mereka bekerja. Akibat dari alasan-alasan tersebut, masalah mencari orang gaji yang sesuai tetap dihadapi oleh responden di Kompleks Kampung Guru.

Masalah tekanan fizikal juga merupakan masalah yang sering dihadapi terutama bagi ibu-ibu yang tidak bekerja. Alasan-alasan yang termasuk ke dalam kategori ini ialah ibubapa harus bekerja lebih kuat apabila mempunyai

anak. Daripada keseluruhan jawapan yang diterima 3.3% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan ianya merupakan masalah yang ketiga pentingnya. Sementara responden di Taman Merpati (10%) mengatakan ianya merupakan masalah yang utama dan 6.7% mengatakan ianya merupakan masalah yang kedua pentingnya. Bagi responden di Taman Merpati, masalah tekanan fizikal adalah masalah yang dipandang agak berat. Jika dirujuk kembali jadual 4.3, kelihatan 20.8% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati menyuarakan masalah tersebut. Ada empat responden yang ditemui oleh pengkaji mengatakan mereka menjual nasi lemak dan kuih-muih untuk menambahkan pendapatan di samping sibuk menguruskan rumahtangga. Walaupun mereka membantu suami menambahkan pendapatan, namun mereka tidak menafikan para suami adalah lebih bertanggungjawab mengadakan kesenangan dan kesempurnaan hidup anak-anak. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru mereka juga tidak menafikan anak-anak boleh membawa masalah fizikal. Tetapi ianya bukanlah masalah yang besar kerana ia meliputi hanya 3.6% daripada keseluruhan alasan yang diberikan. Pada pendapat pengkaji, masalah tekanan fizikal amat kurang dihadapi oleh responden di Kompleks Kampung Guru kerana mereka dan suami mempunyai pendapatan yang tinggi dan tidak perlu lagi bekerja kuat.

Masalah kurang kebebasan merupakan masalah yang

sering juga dinyatakan oleh responden. Masalah kurang kebebasan apabila mempunyai anak dihadapi di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru yang terlibat dengan persatuan sosial dan politik. Oleh itu 35.7% daripada alasan-alasan yang diberikan, menyatakan anak-anak menyekat mereka daripada melibatkan diri di dalam sebarang persatuan. Antara masalah yang dihadapi akibat daripada penglibatan mereka di dalam persatuan ialah masalah kurangnya masa berada di rumah bersama keluarga. Bagi responden di Taman Merpati kebanyakan alasan-alasan dalam kategori kurang kebebasan dikaitkan dengan kurangnya masa untuk mereka keluar samada ke rumah saudara mara atau teman-teman dan ke tempat hiburan. Kesukaan mereka di waktu sebelum mempunyai anak perlu disekat dan harus berfikir panjang sebelum membuat satu-satu keputusan demi kepentingan anak-anak. Alasan-alasan mengenai masalah kurangnya kebebasan ini diterima sebanyak 6.2% daripada keseluruhan alasan yang diberikan oleh responden di Taman Merpati. Sila lihat jadual 4.3.

Masalah kewangan lebih kerap disebut oleh responden di Taman Merpati yang keseluruhan alasan di terima ialah kira-kira 43.7% berbanding dengan 3.6% di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru. Ini boleh dilihat di jadual 4.3. Masalah kewangan sememangnya menjadi masalah yang paling kerap diutarakan oleh responden

di Taman Merpati. Masalah ini dihadapi terutama mereka yang berpendapatan antara \$300 hingga \$350 sebulan dikuti dengan bilangan anak yang agak ramai iaitu 6 hingga 7 orang yang masih bersekolah. Walaupun sebilangan kecil anak-anak responden menerima biasiswa dan bantuan buku tetapi masalah kewangan masih tidak dipandang ringan oleh responden yang terlibat. Dari jadual 4.4b menunjukkan masalah perbelanjaan terutama membiayai pelajaran dan saraan merupakan masalah utama iaitu 50% daripada keseluruhan responden menghadapinya. Kira-kira 33.3% menganggapnya sebagai masalah kedua dan 26.7% menyatakan sebagai masalah ketiga penting. Sebaliknya pula di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru meletakkan masalah kewangan sebagai masalah yang ketiga (10%). Ada beberapa responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan masalah kewangan yang di alami oleh mereka bukanlah disebabkan pendapatan yang kurang mencukupi untuk menyara anak. Akan tetapi mengikut mereka adalah disebabkan perbelanjaan yang agak banyak ke atas barang-barang mewah dan juga keinginan mereka untuk mendapatkan 'higher quality children'.

Sebagai rumusannya dapatlah dikatakan bahawa responden-responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati menghadapi masalah mempunyai anak dengan masalah yang tersendiri. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru, masalah yang sering diutarakan ialah masalah

emosi. Kebanyakan responden di Taman Merpati lebih menekankan masalah kewangan daripada masalah-masalah emosi, tekanan fizikal dan kurang kebebasan.

3. Pentingnya mempunyai Sekurang-kurangnya seorang anak lelaki atau anak perempuan

Setelah diteliti pendapat-pendapat yang diberikan oleh semua responden pengkaji mendapati bahawa semua mereka mengakui pentingnya mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dan anak perempuan di dalam satu-satu keluarga. Dari alasan-alasan yang diberikan, terdapat perbezaan di antara responden-responden di dalam menilai kepentingan anak perempuan dan anak lelaki mereka.

Dari jadual 4.5 kelihatan bahawa responden di Kompleks Kampung Guru lebih menekankan aspek-aspek seperti anak lelaki boleh menjadi pewaris harta (30%) dan penyambung zuriat (23.3%). Dari keseluruhan alasan yang diberikan kira-kira 10% menegaskan anak lelaki boleh menggantikan tanggungjawab bapa. Pada pendapat responden anak lelaki lebih kuat dan dapat membantu kerja-kerja yang lebih berat mengikut kemampuan mereka. Tambahan pula mereka bersemangat yang kuat dan lebih berpotensi. Ada juga responden yang mengatakan kenakalan anak lelaki menggembirakan suasana rumah tangga (13.3%).

Di kalangan responden di Taman Merpati, anak lelaki lebih diharapkan dapat memberi bantuan dari segi

ekonomi yang berbentuk kewangan dan tenaga. Kira-kira 26.7% dari keseluruhan responden mengatakan anak lelaki boleh memberi bantuan wang bila mereka bekerja. Tugas-tugas yang lebih berat juga diharapkan dapat dilakukan oleh anak-anak lelaki kerana mereka dikatakan dapat menggantikan tanggungjawab bapa (20%). Ada kira-kira 20% menjelaskan anak lelaki dapat menjaga adik-adik jika ibubapa tiada dan 13.3% mengatakan anak lelaki dapat menjaga ibubapa di masa tua. Sila lihat jadual 4.5.

Sikap responden di Taman Merpati yang lebih mengharapkan anak lelaki di dalam soal bantuan ekonomi dan tenaga ialah kerana mereka tidak bekerja. Selain dari bergantung kepada suami mereka, anak lelaki adalah diharapkan dapat memberi kesempurnaan di dalam menjalankan kehidupan sehari-hari mereka. Ini berbeza dengan responden di Kompleks Kampung Guru, selain dari mempunyai pendapatan sendiri mereka mempunyai simpanan wang. Oleh itu bantuan ekonomi tidak diharapkan dari anak-anak, malah mereka lebih berbangga jika anak-anak berjaya di bidang pelajaran dan pekerjaan.

Oleh yang demikian jelaslah bahawa wujud perbezaan pengharapan antara responden di Kompleks Kampung Guru dengan responden di Taman Merpati di dalam memberi pendapat dan penilaian terhadap kebaikan mempunyai anak lelaki. Nilai-nilai positif yang telah memenuhi kehendak responden

di Kompleks Kampung Guru ialah anak lelaki sebagai pewaris harta, penyambung zuriat dan kenakalan anak lelaki menggembirakan ibubapa serta anak lelaki juga dikatakan sebagai teman bapa. Di kalangan responden di Taman Merpati, aspek-aspek positif yang kerap disentuh ialah bantuan kewangan, menjaga adik-adik, menjaga ibubapa di masa tua dan menggantikan tanggungjawab bapa. Sila lihat jadual 4.5.

Bagi anak perempuan juga terdapat beberapa perbezaan-perbezaan pandangan di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dengan responden di Taman Merpati di dalam menilai kepentingan mereka. Namun begitu di dalam setengah-setengah perkara, kedua-duanya menunjukkan peratus yang sama di dalam menilai kebaikan mempunyai anak perempuan. Persamaan pendapat ini jelas kelihatan di dalam jadual 4.6 iaitu anak perempuan dapat membantu dan jaga adik (6.7%) dan juga anak perempuan dikatakan dapat menjaga ibubapa di masa sakit (13.3%).

Lebih kurang 16.7% dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru menjelaskan anak perempuan boleh membantu urusan rumah tangga. Manakala 23.3% dari keseluruhan responden di Taman Merpati mengutarkan perkara tersebut. Jika anak lelaki diharapkan dapat membantu tugas yang berat samada berbentuk tenaga atau ekonomi, maka anak perempuan diharapkan dapat menolong kerja-kerja yang ringan seperti menolong ibu di dapur. Mengikut pendapat responden, anak-

Jadual 4.5

Beberapa Pendapat Responden Di Kompleks Kampung Guru dan Di Taman Merpati Tentang Kebaikan Sekurang-Kurangnya Seorang Anak Lelaki Di dalam Sebuah Keluarga

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Pewaris harta	9	30.0	1	3.3	10	16.7
Penyambung zuriat	7	23.3	2	6.7	9	15.0
Menggantikan tanggung-jawab bapa	3	10.0	6	20.0	9	15.0
Kenakalan anak lelaki menggembirakan kompleks kampung guru, menakalai di suasana rumah tangga	4	13.3	-	-	4	6.7
Menjaga adik-adik	2	6.7	6	20.0	8	13.3
Anak lelaki boleh menjadi teman bapa	2	6.7	-	-	2	3.3
Menjaga ibubapa di masa tua	1	3.3	4	13.3	5	8.3
Menjaga ibubapa di masa sakit	2	6.7	3	10.0	5	8.3
Bantuan dari segi kewangan	-	-	8	26.7	8	13.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	99.9

anak perempuan mestilah dilatih menguruskan rumah tangga atau menolong ibu memasak kerana ia adalah kewajipan setiap orang perempuan. Mereka pula tidak **memaksa** anak-anak perempuan menjalankan tugas tersebut kerana tanggungjawab mereka yang lebih penting ialah menumpukan sepenuhnya pada pelajaran. Tambahan pula, pada pendapat pengkaji responden di Kompleks Kampung Guru mempunyai pembantu rumah. Maka tugas-tugas harian di rumah tidak dibebankan pada anak perempuan.

Mengenai perkara anak perempuan dikatakan dapat menjadi teman ibu, kira-kira 16.7% telah diutarakan oleh responden di Kompleks Kampung Guru. Manakala di kalangan responden di Teman Merpati tidak mengutarakan soal tersebut. Anak perempuan juga mengikut responden di Kompleks Kampung Guru dapat menghilangkan rasa sunyi (26.7%). Ini adalah kerana anak perempuan sentiasa berada di rumah dan tidak seperti anak lelaki yang agak luas pergaulannya di luar rumah.

Di samping itu perkara seperti anak perempuan dapat menggantikan tugas ibu bila ia tiada di rumah, kelihatan lebih ramai responden di Taman Merpati yang mengutarakannya. Kelihatan dalam jadual 4.6, kira-kira 20% yang mengutarakannya berbanding dengan 13.3% di utarakan oleh responden di Kompleks Kampung Guru.

diberikan pencajil menurut alasan-alasan yang diberikan.

Jadual 4.6

golongan empat-rakam alasan-alasan yang dapat memberi

Beberapa Pendapat Responden di Kompleks Kampung

Kerumputan Guru dan Di Taman Merpati Tentang Kebaikan

Sekurang-kurangnya Seorang Anak Perempuan

menguntungkan dalam keluarga

Dalam Keluarga

Adalah alasan bagi responden di Kompleks Kampung Guru dan

Sl. No.	Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
	Membantu urusan rumah-tangga	5	16.7	7	23.3	12	20.0
	Menggantikan tugas ibu bila tiada di rumah	4	13.3	6	20.0	10	16.7
	Menyara dan menjaga di masa tua	2	6.7	9	30.0	11	18.3
	Dapat membantu dan menjaga adik	2	6.7	2	6.7	4	6.7
	Sebagai teman ibu	5	16.7	-	-	5	8.3
	Bantuan dari segi ekonomi	2	6.7	2	6.7	2	3.3
	Menjaga ibubapa di masa sakit	4	13.3	4	13.3	8	13.3
	Menghilangkan rasa sunyi	8	26.7	-	-	8	13.3
	Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	99.9

seperti Setelah diteliti dari beberapa alasan-alasan yang

Dagi anak lelaki pada pengharapan responden-

diberikan pengkaji membuat kesimpulan bahawa kedua-dua golongan mengutarakan alasan-alasan yang dapat memberi keuntungan kepada mereka. Jika alasan-alasan itu menguntungkan kedua-dua pihak maka peratus yang diperolehi adalah sama bagi responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati.

Seterusnya jika diteliti jadual 4.7 akan kelihatan bahawa responden-responden mempunyai pandangan yang berbeza tentang kebaikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dan akan perempuan. Boleh dikatakan 18.3% daripada 60 responden mengharapkan anak perempuan menjaga ibubapa di masa tua. Sedangkan hanya 8.3% sahaja yang mengharapkan anak lelaki dapat menjaga ibubapa di masa tua. Mengenai bantuan dan jagaan semasa ibubapa sakit, kira-kira 13.3% daripada keseluruhan responden mengharapkan anak perempuan. Manakala cuma 8.3% daripada keseluruhan responden meletakkan harapan bantuan tersebut pada anak lelaki. Oleh yang demikian dapat diberi gambaran bahawa anak perempuan lebih diharapkan di dalam soal-soal menjaga ibubapa di masa tua dan bantuan di waktu kecemasan misalnya apabila ibubapa jatuh sakit. Begitu juga anak perempuan diharapkan dapat menguruskan rumahtangga apabila ibu tiada di rumah. Ini mungkin disebabkan anak perempuan lebih bersifat keibuan seperti penyayang, penyabar dan mempunyai perasaan simpati.

Bagi anak lelaki pula pengharapan responden-

Jadual 4.7

Perbezaan Pendapat Di antara Kebaikan Mempunyai Anak Lelaki dan Anak Perempuan Bagi Keseluruhan Responden

Perkara	Anak Lelaki	%	Anak Perempuan	%
Menjaga ibubapa di masa tua	5	8.3	11	18.3
Membantu dan menjaga adik-adik	8	13.3	4	6.7
Bantuan dari segi ekonomi	8	13.3	2	3.3
Menjaga ibubapa di masa sakit	5	8.3	8	13.3

responden adalah lebih kepada bantuan ekonomi dan tenaga.

Ini dapat dilihat dari jadual 4.7 di mana 13.3% dari keseluruhan alasan yang diberikan oleh responden mengatakan anak lelaki dapat memberi sedikit sumbangan wang kepada mereka apabila mereka bekerja. Bantuan ekonomi dari anak perempuan hanya diharapkan oleh 3.3% daripada keseluruhan responden. Namun begitu pengharapan ekonomi tersebut diutarakan oleh responden di Taman Merpati sahaja.

Responden juga mengharapkan bantuan dari anak lelaki dari segi tenaga iaitu misalnya anak lelaki di-

harapkan dapat menggantikan tanggungjawab bapa (15.0%). Di dalam soal 'menjaga adik-adik' anak-anak lelaki juga lebih diharapkan iaitu 13.3% daripada keseluruhan responden mengutarakannya, sedangkan 6.7% sahaja mengharapkan pada anak perempuan.

Sebagai kesimpulannya mengenai perbezaan penilaian di antara anak lelaki dan anak perempuan di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati, dapat dikatakan bahawa anak lelaki diharapkan dapat membantu dan menjaga adik-adik serta memberi bantuan ekonomi. Bantuan seperti menguruskan rumah tangga, menjaga ibubapa di masa tua dan di masa sakit lebih diharapkan pada anak perempuan. Di sini menunjukkan bahawa walaupun masyarakat kelas menengah dan kelas rendah telah diresapi unsur-unsur perbandaran, namun masih terikat dengan tradisi di mana anak lelaki maupun anak perempuan memainkan peranan di dalam hal-hal tertentu.

4. Sikap dan Pandangan Responden Terhadap Ukuran Nilai Anak-anak

Pengkaji telah mengutarakan perkara-perkara mengenai nilai positif dan nilai negatif kepada responden responden. Ini adalah untuk melihat dengan lebih teliti tentang nilai dan pandangan mereka terhadap anak-anak. Untuk itu semua responden disoal sejauhmana mereka bersetuju

mengenainya. Berpandukan dengan apa yang dibuat oleh Radolfo A. Bulatao (1975:35) di dalam kajiannya, pengkaji membuat skor pada setiap jawapan yang diterima. Skor di beri dari 1 iaitu 'tidak setuju dengan kuat' hingga 7 iaitu 'setuju dengan kuat'. Bagi mereka yang tidak dapat menjawab atau memberi keputusan diberikan 4 skor.

Jika diperhatikan jadual 4.8, skor yang didapati adalah di antara 5.10 hingga 7.00 bagi responden di Kompleks Kampung Guru. Di kalangan responden di Taman Merpati skor yang didapati ialah di antara 6.47 hingga 7.00. Semua responden menyokong dengan kuat satu perkara iaitu suami isteri akan bahagia mempunyai anak. Skor min yang diperolehi dari perkara tersebut ialah 7.00.

Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru perkara-perkara lain yang mendapat sokongan kuat ialah anak-anak akan mengeratkan ikatan suami isteri iaitu skor minnya ialah 6.97. Manakala responden di Taman Merpati memperolehi skor min sebanyak 6.93 ke atas perkara tersebut.

Satu lagi nilai positif yang mendapat sokongan kuat dari responden di Kompleks Kampung Guru ialah anak-anak adalah tempat mencurah kasih sayang dan menghilangkan penat setelah bekerja. Skor min bagi perkara ini ialah 6.93. Manakala skor min yang lebih sederhana iaitu 6.73 didapati di kalangan responden di Taman Merpati.

Lain perkara yang mendapat skor min yang agak tinggi di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru ialah seorang yang ada anak tidak akan merasa sunyi (6.81). Manakala skor min yang lebih tinggi didapati di kalangan responden di Taman Merpati ialah 6.97.

Dari kajian Roziah Omar (1979) mendapati bahawa masyarakat Melayu kelas rendah di Taman Ibu Kota Kuala Lumpur menyokong kuat terhadap 'anak dapat membantu dalam kerja-kerja urusan rumahtangga'. Skor yang didapati ialah 6.79. Tetapi bagi responden di Kompleks Kampung Guru, alasan ini cuma mendapat skor min sebanyak 5.10. Ini bermakna anak-anak mereka tidak begitu diharapkan membantu urusan rumahtangga. Mengenai perkara ini juga responden di Taman Merpati memperolehi skor min sebanyak 6.53.

Mengenai perkara anak membuat ibubapa berusaha lebih kuat mendapat skor min yang lebih tinggi iaitu 6.77 di kalangan responden di Taman Merpati berbanding dengan 6.30 di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru. Pada pendapat pengkaji, sememangnya ibubapa golongan bertaraf kelas rendah mesti berusaha lebih kuat untuk meninggikan mutu hidup mereka.

Perbezaan skor min yang agak ketara boleh dilihat mengenai penjagaan ibubapa di hari tua. Bagi responden di Kompleks Kampung Guru cuma mendapat skor min

sebanyak 6.23 sedangkan bagi responden di Taman Merpati memperolehi skor sebanyak 6.66. Ini menunjukkan bahawa masyarakat kelas rendah lebih berharap anak-anak dapat membantu mereka di hari tua.

Jadual 4.8

Skor Min Terhadap Ukuran Nilai Anak-anak
Bagi Responden di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati

Perkara	Skor Min	
	Kompleks Kg. Guru	Taman Merpati
<u>Nilai Positif</u>		
Suami isteri akan bahagia Mempunyai anak	7.00	7.00
Anak akan mengeratkan ikatan suami isteri	6.97	6.93
Anak tempat mencurahkan kasih sayang dan menghilangkan penat setelah bekerja	6.93	6.73
Seorang yang ada anak tidak akan merasa sunyi	6.81	6.97
Anak penting untuk meneruskan nama keluarga	6.77	6.87
Mendapat anak adalah berkat perkahwinan	6.53	6.47

Jadual 4.8
(Sambungan)

Jadual 4.8

Perkara	(Sambungan)		Skor Min
	Kompleks Kg. Guru	Taman Merpati	
Anak membuat ibubapa berusaha lebih kuat	6.30 Kompleks Kg. Guru	7.20 Taman Merpati	6.77
Anak-anak akan menjaga ibubapa di hari tua	6.23 Kompleks Kg. Guru	6.73 Taman Merpati	6.66
Bila ada anak akan menghindarkan perbuatan tidak baik	6.33 Kompleks Kg. Guru	6.00 Taman Merpati	6.50
Anak membantu dalam urusan harian	5.10 Kompleks Kg. Guru	5.10 Taman Merpati	6.53
<u>Nilai Negatif</u>			
Menjadi masalah untuk ibu bapa seperti anak adalah berkait mencari orang gaji yang sesuai	6.37 Kompleks Kg. Guru	4.00 Taman Merpati	4.00
an perkara bila ada anak akan menghindarkan perbuatan			
Anak menyekat ibubapa dalam beberapa hal	5.33 Kompleks Kg. Guru	3.90 Taman Merpati	3.90
responden.			
Anak yang bekerja belum tentu dapat memberi bantuan ekonomi sebagai kesimpulannya, masyarakat di bandar khususnya	5.10 Kompleks Kg. Guru	5.17 Taman Merpati	5.17
Anak menganggu kesihatan ibubapa seperti berjaga malam dan bekerja teruk	3.60 Kompleks Kg. Guru	4.07 Taman Merpati	4.07
Anak-anak boleh menyebabkan gangguan emosi	3.17 Kompleks Kg. Guru	4.23 Taman Merpati	4.23

kenaikan dan jenama di atasnya mendapat skor yang rendah.
Sederhana yang menunjukkan mereka tidak begitu mengharapkan
nya.

Jadual 4.8

(Sambungan)

Perkara	Skor Min	
	Kompleks Kg. Guru	Taman Merpati
Membebangkan ibubapa dalam memberi didikan	2.73	2.73
Suami isteri selalu bergaduh kerana anak-anak	1.00	2.13
Membesarkan anak merupakan satu beban kewangan	2.13	5.10

Lain-lain perkara seperti anak adalah berkat perkahwinan, anak penting untuk meneruskan nama keluarga dan perkara bila ada anak akan menghindarkan perbuatan tidak baik mendapat skor yang sederhana bagi keseluruhan responden.

Sebagai kesimpulannya, masyarakat di bandar khususnya dari kelas menengah lebih menilai anak dari segi kepuasan emosi dan psikologi. Perkara-perkara mengenai bantuan

tenaga dan jagaan di masa tua mendapat skor min yang sederhana yang menunjukkan mereka tidak begitu mengharapkan-nya.

Pengkaji seterusnya mengutarakan pula aspek nilai negatif kepada responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati. Setelah diteliti jawapan-jawapan yang di terima kebanyakannya kurang mendapat persetujuan yang baik. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru, skor tertinggi ialah 6.37 diperolehi mengenai perkara masalah mencari orang gaji yang sesuai. Di kalangan responden di Taman Merpati, skor yang tertinggi ialah 5.10 iaitu membesarakan anak merupakan satu bebab kewangan.

5. Pengharapan Bantuan Ekonomi Dari Anak-anak

Ada responden yang bersetuju dengan pendapat bahawa anak-anak menyekat ibubapa dalam beberapa hal. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru persetujuannya adalah lebih sederhana iaitu skor minnya 5.33. Sedangkan di kalangan responden di Taman Merpati tidak begitu bersetuju dengan hal ini iaitu skor minnya cuma 3.90.

Perkara mengenai anak-anak yang bekerja belum tentu dapat memberi bantuan ekonomi mendapat persetujuan yang sederhana iaitu 5.10 bagi responden di Kompleks Kampung Guru dan 5.17 bagi responden di Taman Merpati.

Perkara-perkara lain kebanyakannya tidak di-

setuju oleh responden. Antara perkara tersebut ialah bahawa perselisihan faham yang berlaku antara suami isteri disebabkan oleh anak-anak. Perkara ini mendapat skor min yang paling rendah sekali, iaitu 1.00 di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan 2.13 pula bagi responden di Taman Merpati.

Kesimpulannya dapat ditegaskan bahawa responden-responden samada dari kalangan bertaraf kelas menengah maupun dari kelas rendah, lebih menunjukkan sikap yang positif kepada anak-anak mereka. Sebaliknya pula masalah negatif yang timbul dari anak-anak tidak begitu dititikberatkan.

5. Pengharapan Bantuan Ekonomi Dari Anak-anak

Responden-responden di dalam kajian ini tidak banyak mengharapkan bantuan ekonomi dari anak-anak mereka. Samada responden di Kompleks Kampung Guru maupun responden di Taman Merpati lebih mementingkan kesenangan dan kebahagiaan hidup anak-anak itu sendiri dan kejayaan mereka di dalam bidang pelajaran serta pekerjaan. Namun begitu terdapat sebilangan kecil responden yang mengharapkan bantuan ekonomi dari anak-anak terutamanya responden di Taman Merpati.

Terdapat berbagai jenis bantuan dari anak-anak seperti yang tercatit di dalam jadual 4.9 dan 4.10. Dari jadual 4.9 kelihatan responden di Kompleks Kampung Guru mengharapkan apa-apa bantuan* dari anak selaki (53.75) dan

dan di Taman Merpati mempunyai pengharapan bantuan ekonomi yang berbeza terhadap anak lelaki mereka. Jika dilihat jadual 4.9, kelihatan kira-kira 30% dari keseluruhan responden di Taman Merpati mengharapkan bantuan kewangan daripada anak lelaki sedangkan responden di Kompleks Kampung Guru tidak mengharapkan bantuan tersebut. Demikian juga dengan perkara mengenai penyaraan ibubapa di masa tua. Kira-kira 13.3% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati mengharapkan bantuan tersebut, tetapi hanya 3.3% responden di Kompleks Kampung Guru mengutarakan hal tersebut.

Mengenai bantuan membiayai pelajaran adik-adik, 13.3% daripada responden di Taman Merpati mengharapkan bantuan tersebut daripada anak lelaki. Sementara responden di Kompleks Kampung Guru tidak mengharapkan bantuan tersebut. Dari segi bantuan tenaga anak lelaki, peratus responden Taman Merpati yang mengharapkannya juga adalah lebih tinggi daripada responden di Kompleks Kampung Guru. Pengkaji berkata demikian kerana 16.7% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati mengharapkan anak lelaki dapat menjalankan kerja-kerja berat, berbanding dengan 6.7% responden di Kompleks Kampung Guru yang mengharapkannya. Sila lihat jadual 4.9.

Apabila diteliti jadual 4.9, kelihatan responden di Kompleks Kampung Guru kebanyakannya menegaskan 'tidak mengharapkan apa-apa bantuan' dari anak lelaki (53.3%) dan

Jadual 4.9 Taman Merpati, oleh

Pengharapan Bantuan Ekonomi Dari Anak Lelaki
Di Kalangan Responden Di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati

Perkara	Kompleks Kg. Guru	Taman Merpati	Jumlah			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Menyara ibubapa di masa tua	1	3.3	4	13.3	5	8.3
Bantuan tenaga misalnya kerja-kerja berat	2	6.7	5	16.7	7	11.7
Bantuan kewangan	-	-	9	30.0	9	15.0
Membantu membiayai pelajaran adik-adik	-	-	4	13.3	4	6.7
Terpulang kepada anak itu	11	36.7	7	23.3	18	30.0
Tidak mengharapkan apa bantuan	16	53.3	1	3.3	17	28.3
Jumlah	30	100.0	30	99.9	60	100.0

Taman Merpati dari responden di Kompleks Kampung Guru, 'terpulang kepada anak itu' (36.7%). Pada pendapat pengkaji, golongan kelas menengah ini mempunyai kemampuan dari segi pendapatan dan tidak mahu mengharapkan bantuan dari anak jika itu menyusahkan mereka. Di samping itu, mereka mengatakan sikap mereka yang sukar berdikari menyebabkan mereka tidak mengharapkan bantuan dari sesiapa.

Di kalangan responden di Taman Merpati, oleh kerana mereka terdiri dari ibu-ibu yang tidak bekerja maka mereka terpaksa bergantung kepada anak selain daripada suami. Dengan itu bantuan ekonomi yang berupa kewangan adalah diharapkan. Terdapat juga kira-kira 23.3% responden di Taman Merpati mengatakan 'terpulang kepada anak lelaki itu' samada memberi bantuan ataupun tidak. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak begitu mengharapkan bantuan ekonomi dari anak lelaki mereka. Jika bantuan itu diberikan, mengikut responden adalah sebagai tanda kasih sayang anak itu kepada ibubapanya.

Di jadual 4.10 menunjukkan pengharapan bantuan ekonomi dari anak perempuan yang masih juga menunjukkan suatu keadaan yang sama. Pengkaji menegaskan demikian kerana pengharapan bantuan tenaga dan kewangan dari anak perempuan lebih diharapkan oleh responden di Taman Merpati dari responden di Kompleks Kampung Guru. Ini bermakna pengharapan bantuan ekonomi dari anak-anak samada dari anak lelaki atau pun anak perempuan lebih diharapkan oleh responden di Taman Merpati dari responden di Kompleks Kampung Guru. Kira-kira 13.3% dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengharapkan anak perempuan dapat menyara mereka bila tua nanti manakala 33.3% di kalangan responden di Taman Merpati mengharapkan demikian. Hampir 6.7% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengutarakan

untuk meringankan tanggungjawab mereka. Berpendukung

Jadual 4.10

kenyataan beberapa responden bawah merata meminta pertolongan Pengharapan Bantuan Ekonomi Dari Anak Perempuan anak perempuan mereka untuk membantu anak perempuan mereka menolong kerja-kerja dapur dan pulih meminta anak perempuan mereka membantu mereka buat masakan atau mencuci pakaian.

Di Kalangan Responden Di Kompleks Kampung Guru Dan Di Taman Merpati

Responden di Kompleks Kampung Guru pulih meminta anak perempuan

Perkara	Kompleks Kg. Guru	Taman Merpati	Jumlah			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Menyarakan ibubapa di masa tua	4	13.3	10	33.3	14	23.3
Bantuan tenaga misal- nya menguruskan tugas dan pekerjaan rumah di dalam rumah tangga	2	6.7	7	23.3	8	13.3
Bantuan Kewangan	-	-	2	6.7	2	3.3
Mebantu adik-adikn mempunyai	2	6.7	4	13.3	6	10.0
Terpulang kepada anak itu.	8	26.7	5	16.7	13	21.7
Tidak mengharapkan apa-apa bantuan	14	46.7	2	6.7	17	28.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	99.9

responden untuk tinggal bersama anak di mana perkara ini pengharapan mereka supaya anak perempuan mereka dapat memberi bantuan tenaga misalnya menguruskan rumah tangga sedangkan dipihak responden di Taman Merpati, 23.3% menyebut perkara ini.

Responden di Taman Merpati lebih mengharapkan anak perempuan membantu mereka mengerjakan tugas-tugas di dapur

untuk meringankan tanggungjawab mereka. Berpandukan kenyataan beberapa responden bahawa mereka meminta pertolongan anak perempuan untuk membuat *jualan kuih-muih* dan nasi lemak. Responden di Kompleks Kampung Guru pula meminta anak perempuan mereka menolong kerja-kerja di dapur sekadar ingin melatih mereka kerana pada suatu hari nanti mereka juga berkewajipan ke atas kerja-kerja menguruskan rumah tangga. Pendapat-pendapat di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati ini mungkin berdasarkan pada pandangan 'stereotype' tentang tugas dan perasaan wanita di dalam rumah tangga.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa anak lelaki dan anak perempuan mempunyai tanggungjawab tertentu ke atas keluarga mereka terutama dari segi bantuan ekonomi dan tenaga. Jika diteliti jadual 4.9 dan 4.10 kelihatan responden di Taman Merpati lebih mengharapkan bantuan-bantuan tersebut berbanding dengan responden di Kompleks Kampung Guru.

Pengkaji seterusnya menyoal tentang pengharapan responden untuk tinggal bersama anak di mana perkara ini boleh dilihat dijadual 4.11. Pengkaji mendapati wujudnya suatu keadaan yang sama iaitu pengharapan tersebut adalah juga lebih banyak disuarakan oleh responden di Taman Merpati.

Kelihatan bahawa responden di Kompleks Kampung

Kira 16.7% responden di Kompleks menyatakan akan tinggal bersama Pengharapan Untuk Tinggal Bersama Anak Di Kalangan Responden Di Kompleks Kampung cuma 5.7% sahaja daripada guru dan di Taman Merpati untuk selama-lamanya.

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Tidak akan tinggal bersama	29	96.7	23	76.7	52	86.7
Tidak hanya untuk beberapa tahun selepas anak itu berkahwin	-	-	5	16.7	5	8.3
Tinggal bersama untuk selama-lama	-	-	2	6.7	2	3.3
Hanya akan tinggal bila tua	-	-	-	-	-	-
Belum tentu	1	3.3	-	-	1	1.7
Jumlah	30	100.0	30	100.1	60	100.0

Guru yang tidak akan tinggal bersama dengan anak ialah kira-kira 96.7%. Cuma 3.3% yang menyatakan belum tentu iaitu masih belum membuat keputusan yang tepat samada mahu tinggal mahu berpisah dengan anak. Mengikut pengalaman responden bersama anak atau tidak.

Di kalangan responden di Taman Merpati, walaupun kebanyakannya menyuarakan bahawa mereka tidak akan tinggal bersama anak tetapi terdapat juga sebilangan kecil yang mengharapkannya. Pengkaji menyatakan demikian kerana kira-

kira 16.7% responden di Taman Merpati menyatakan akan tinggal bersama anak hanya bila tua nanti. Namun begitu cuma 6.7% sahaja daripada responden yang akan tinggal bersama anak untuk selama-lamanya.

Sikap tidak mahu tinggal bersama dengan anak adalah sikap yang kebanyakannya terdapat di kalangan masyarakat Melayu di bandar. Selain daripada tidak mahu menyusahkan diri anak-anak, mereka juga tidak mahu kebebasan mereka disekat. Mereka juga mempunyai rumah sendiri dan pendapatan yang ada sudah cukup untuk menampung kehidupan sehari-hari. Hakikat ini sememangnya diterima oleh responden di Kompleks Kampung Guru, namun terdapat juga di kalangan responden di Taman Merpati yang masih mengharapkan kepada anak-anak mereka.

Bagi responden di Taman Merpati, mereka yang akan tinggal bersama anak bila tua adalah atas alasan yang mereka merasa kesunyian tanpa anak. Begitu juga mereka yang akan tinggal bersama anak untuk selama-lamanya adalah kerana perasaan kasih sayang yang mendalam sehingga tidak mahu berpisah dengan anak. Nampaknya pengharapan responden adalah untuk tinggal bersama dengan anak perempuan. Mengikut mereka anak perempuan lebih bersifat penyayang, bertanggung-jawab dan lebih rapat dengan ibu daripada anak lelaki walaupun anak perempuan itu mempunyai keluarga sendiri.

6. Cita-cita responden terhadap pencapaian pelajaran anak-anak mereka

Salah satu perkara yang berkaitan dengan pengharapan ibubapa terhadap anak-anak mereka ialah pencapaian mereka di dalam pelajaran. Keseluruhan responden mengingini anak mereka mencapai tingkat pelajaran yang tinggi. Ini membuktikan bahawa pelajaran memainkan peranan penting di dalam proses kemajuan sesuatu bangsa dan ini amat disedari oleh setiap golongan masyarakat terutama mereka yang tinggal di bandar. Pengkaji telah mengemukakan soalan yang berbunyi, 'setakat manakah anda berharap anak lelaki anda mencapai pelajarannya dan adakah anda pasti ia akan berjaya ataupun tidak?'

Setelah diteliti jawapan-jawapan yang diterima didapati 41.7% daripada keseluruhan responden mengharapkan anak lelaki mereka belajar hingga ke peringkat Universiti tempatan dan peratus yang sama juga mengharapkan anak lelaki mereka dapat belajar hingga ke luar negeri. Lihat pada jadual 4.12.

Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru lebih mengharapkan anak lelaki mereka melanjutkan pelajaran hingga ke luar negeri di mana sebanyak 76.7% mengutarakan hal ini. Mengikut beberapa orang responden di Kompleks Kampung Guru, hasrat mereka bukanlah hendak menonjolkan status atau kedudukan mereka di mata masyarakat tetapi yang pentingnya

ialah mereka bercita-cita agar anak mereka mendapat pelajaran yang lebih tinggi daripada mereka. Bagi responden di Taman Merpati sebanyak 6.7% sahaja yang berhasrat supaya anak mereka dapat melanjutkan pelajaran hingga ke luar negeri.

daripada responden di Taman Merpati. Ini adalah kerana

Jadual 4.12

kira-kira 76.7% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengharapkan anak lelaki mereka adalih lebih tinggi Universiti Luar Negeri berbanding dengan responden

Cita-cita Responden Terhadap Pencapaian Pelajaran Anak Lelaki

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Maktab	-	-	1	3.3	1	1.7
Universiti Tempatan	5	16.7	20	66.7	25	41.7
Universiti Luar Negeri	23	76.7	2	6.7	25	41.7
Terpulang pada Kemampuan	2	6.7	7	23.3	9	15.0
Jumlah	30	100.1	30	100.0	60	100.1

Dari jadual 4.12 kelihatan sebanyak 16.7% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengharapkan anak lelaki mereka melanjutkan pelajaran ke Universiti tempatan dan 66.7% daripada responden di Taman Merpati mengharapkan demikian. Sementara itu 3.3% daripada responden di Taman Merpati merasakan sudah cukup berpuas hati kalau anaknya dapat melanjutkan pelajaran ke maktab. Ini adalah kerana mengikut responden tersebut adaknya mempunyai prestasi yang tidak

begitu baik di dalam pelajarannya.

Sekiranya dilihat di jadual 4.12 cita-cita di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru terhadap pencapaian pelajaran anak lelaki mereka adalah lebih tinggi daripada responden di Taman Merpati. Ini adalah kerana kira-kira 76.7% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengharapkan anak lelaki mereka belajar hingga ke Universiti luar negeri berbanding dengan 6.7% di kalangan responden di Taman Merpati.

Dari keseluruhan responden yang dikaji, sebanyak 15% menyatakan 'terpulang kepada kemampuan' atau kebolehan anak tersebut di dalam mencapai pelajaran. Ini bermakna mereka tidak memaksa anak itu di dalam menerima pelajaran.

Berkenaan dengan kepastian responden terhadap kejayaan anak lelaki, kira-kira 50% daripada responden di Kompleks Kampung Guru pasti yang anak lelaki mereka berjaya, 46.7% menyatakan mungkin dan 3.3% menjelaskan kurang pasti dengan kejayaan anak-anak mereka.

Sementara itu responden di Taman Merpati pula sebanyak kira-kira 43.3% menyatakan keyakinan mereka terhadap kejayaan anak-anak. Hampir 40% pula menyatakan 'mungkin' dan 16.7% menyuarakan perasaan kurang pasti di atas kejayaan anak mereka kerana mereka masih lagi bersekolah rendah. Walau bagaimanapun dari keseluruhan responden yang dikaji,

Jadual 4.13

Kepastian Agar Anak Lelaki Mencapai Pelajaran Yang Baik

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Pasti	15	50.0	13	43.3	28	46.7
Mungkin	14	46.7	12	40.0	26	43.3
Kurang Pasti	1	3.3	5	16.7	6	10.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	30	100.0

kira-kira 46.7% menyatakan yang mereka pasti di atas kejayaan anak mereka dan ini merupakan peratus yang tertinggi sekali. Penjelasan ini boleh dilihat dalam jadual 4.13.

Seperti juga anak lelaki, anak perempuan juga diharapkan dapat mencapai peringkat pelajaran yang baik. Jika dilihat jadual 4.14 didapati cita-cita di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru terhadap pelajaran tinggi adalah lebih tinggi daripada responden di Taman Merpati. Kehilangan 53.3% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengharapkan anak perempuan mereka melanjutkan pelajaran hingga ke luar negeri sedangkan 3.3% daripada responden di Taman Merpati menyatakan harapan tersebut.

Kira-kira 40% daripada responden di Taman Merpati menyatakan 'terpulang kepada kemampuan' anak perempuan mereka. Kira-kira 53.3% responden di Kompleks Kampung Guru yang

Manakala 10% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru menyatakaninya. Ini tidaklah bermakna bahawa responden-responden tidak merasa yakin terhadap pencapaian pelajaran anak-anak perempuan mereka tetapi sebenarnya mereka tidak memaksa mereka di dalam hal pelajaran.

Jadual 4.14

Cita-cita Responden Terhadap Pencapaian Pelajaran Anak Perempuan

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Maktab	-	-	6	20.0	6	10.0
Universiti Tem- patan	11	36.7	11	36.7	22	36.7
Universiti Luar Negeri	16	53.3	1	3.3	17	28.3
Terpulang kepada kemampuan	3	10.0	12	40.0	15	25.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Seterusnya pengkaji telah menyoal responden tentang kepastian mereka terhadap pencapaian pelajaran anak perempuan.

Dari jadual 4.15, didapati 33.3% responden di Kompleks Kampung Guru menyatakan kepastian mereka terhadap pencapaian anak perempuan di bidang pelajaran. Manakala 23.3% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati menyatakan demikian. Kira-kira 53.3% responden di Kompleks Kampung Guru yang

menegaskan mungkin anak perempuan mereka mencapai pelajaran yang baik dan 13.3% menyatakan kurang pasti. Di kalangan responden di Taman Merpati 33.3% menyatakan mungkin anak perempuan mereka dapat meneruskan cita-cita di dalam pelajaran memandangkan minat mereka terhadap buku-buku pelajaran begitu ketara sekali.

Jadual 4.15 Ketaksamaan kejayaan responden

Kepastian Agar Anak Perempuan Mencapai Pelajaran
Kesedaran Terhadap pendapat responden
Yang baik

Beri responden di Kompleks Kampung Guru mereka berhadat

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Pasti	10	33.3	7	23.3	17	28.3
Mungkin	16	53.3	10	33.3	26	43.3
Kurang pasti	4	13.3	13	43.3	17	28.3
Jumlah	30	99.9	30	99.9	60	99.9

Satuan cara yang berhubung dengan hal pelajaran

Jika dibandingkan jadual 4.13 dengan 4.15 didapati kepastian responden di Kompleks Kampung Guru terhadap kejayaan anak-anak adalah lebih kepada anak lelaki daripada anak perempuan. Misalnya kira-kira 50% daripada responden pasti yang anak lelaki mereka dapat mencapai pelajaran yang baik sedangkan 33.3% sahaja yang pasti anak perempuan mereka dapat mencapai pelajaran yang baik. Begitu juga responden di Taman Merpati lebih pasti anak lelaki mencapai kejayaan yang memuaskan daripada anak perempuan iaitu 43.3% meletakkan

harapan pada anak lelaki berbanding dengan 23.3% pada anak perempuan. Pada pendapat pengkaji, pelajaran yang tinggi akan menjamin seseorang untuk mendapat pekerjaan yang baik. Oleh itu anak lelaki lebih diutamakan daripada anak perempuan kerana mereka lebih bertanggungjawab terhadap keluarga dan rumah tangga mereka.

Sebagai rumusannya dapat dikatakan bahawa responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati mempunyai kesedaran terhadap pencapaian pelajaran anak-anak mereka. Bagi responden di Kompleks Kampung Guru, mereka berhasrat supaya anak mereka dapat mencapai pelajaran yang lebih tinggi daripada mereka. Manakala responden di Taman Merpati mengingini anak mereka dapat menjelaskan kaki ke Universiti kerana mereka sendiri samada tidak mampu meneruskan pelajaran ataupun terkandas di dalam pelajaran.

Satu perkara yang berhubung dengan hal pelajaran ialah mengenai pembiayaan pelajaran anak-anak. Pengkaji telah menyoal pada setiap responden samada membayai pelajaran anak-anak itu membebankan ataupun tidak.

Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru 93.3% menyatakan membayai pelajaran anak-anak adalah tidak membebankan dan kira-kira 6.7% menyatakan tidak begitu membebankan. Responden di Taman Merpati pula, 61.7% menyatakan tidak membebankan kerana mengikut mereka membayai pelajaran

anak-anak adalah satu tanggungjawab ibubapa. Hampir 43.3% daripada responden di Taman Merpati menyatakan memberi arah pelajaran pada anak adalah tidak begitu membebankan kerana bantuan buku-buku pelajaran dari pihak kerajaan sedikit sebanyak meringankan beban perbelanjaan mereka. Namun begitu terdapat 3.3% daripada responden di Taman Merpati mengatakan 'sangat membebankan' di dalam memberi pelajaran pada anak-anak. Sila lihat jadual 4.16.

Jadual 4.16

2. Beban Memberi Pelajaran Bagi Responden Di Kompleks Kampung Guru

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Tidak membebankan	28	93.3	9	30.0	37	61.7
Tidak begitu membebankan	2	6.7	13	43.3	15	25.0
Sangat membebankan	-	-	8	26.7	8	13.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Pada pandangan pengkaji mereka yang merasakan 'sangat membebankan' di dalam memberi pelajaran pada anak-anak adalah di kalangan mereka yang berpendapatan antara \$300 hingga \$350 sebulan dan mempunyai anak antara 4 hingga 7 orang yang masih bersekolah. Dari keseluruhan responden di dapati 61.7% mengatakan memberi pelajaran pada anak-anak

adalah tidak membebankan. Ini dapat dibuat kesimpulan bahawa ibubapa membuat tanggapan bahawa memberi pelajaran pada anak-anak adalah suatu kewajipan dan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Ini adalah kerana anak yang berjaya di bidang pelajaran dan mendapat pekerjaan yang baik akan dapat meninggikan status sosial dan taraf ekonomi mereka. Tambahan pula masyarakat sekarang terutama masyarakat bandar khususnya, lebih mementingkan pencapaian pelajaran sebagai jaminan hidup di masa depan.

7. Perubahan Sikap

Responden-responden telah ditanya mengenai sikap dan perasaan mereka setelah mempunyai anak. Pendapat-pendapat telah diterima seperti yang terlihat di dalam jadual 4.17 iaitu mengenai perubahan sikap responden.

Dari keseluruhan jawapan yang diterima, kira-kira 18.5% menyatakan rumahtangga mereka lebih bahagia setelah mempunyai anak dan 16.3% menyatakan mereka lebih bertanggungjawab setelah mempunyai anak. Hampir 8.9% menyatakan setelah mempunyai anak mereka telah kurang kebebasan. Walaupun begitu, kira-kira 8.1% menyuarakan bahawa kehidupan mereka lebih teratur setelah mempunyai anak. Peratus yang sama juga menyatakan bahawa ikatan suami isteri lebih erat setelah mempunyai beberapa orang anak.

Kekerapan dihitung dari keseluruhan perubahan sikap yang dinyatakan oleh responden. Tiap-tiap perasaan yang dinyatakan oleh responden hiduziah sama kerap di antara seorang wanita

Jadual 4.17

Kekerapan* Perubahan Sikap Yang Dinyatakan Oleh
Responden Di Kompleks Kampung Guru Dan Di
Taman Merpati

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Suasana tidak merasa sunyi	6	7.3	5	9.4	11	8.1
Lebih bertanggung-jawab	14	17.1	8	15.1	22	16.3
Rumahtangga lebih bahagia	11	13.4	14	25.4	25	18.5
Amalan ugama semakin kuat	2	2.4	6	11.3	8	5.9
Kebebasan kurang	8	9.8	4	7.5	12	8.9
Rasa lebih dewasa	4	4.9	2	3.8	8	5.9
Ikatan suami isteri lebih erat	4	4.9	7	13.3	11	8.1
Kurang masa lapang	10	12.2	1	1.9	11	8.1
Kehidupan lebih teratur	10	12.2	1	1.9	11	8.1
Sentiasa gembira	4	4.9	-	-	4	3.0
Rasa dihormati oleh masyarakat	1	1.2	-	-	1	0.7
Kurang hiburan	4	4.9	1	1.9	5	3.7
Lebih berusaha	2	2.4	4	7.5	4	3.0
Luas Pengalaman	2	2.4	-	-	2	1.5
Jumlah	82	100.0	53	100.0	135	100.0

*Kekerapan dihitung dari keseluruhan perubahan sikap yang di nyatakan oleh responden. Tiap-tiap perasaan yang dinyatakan oleh responden tidaklah sama kerap di antara seorang responden

Di dalam kategori 'lebih berusaha', apa yang menarik ialah kira-kira 2.4% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengutarakan hal tersebut. Mengikut mereka setelah mempunyai anak mereka telah cuba melibatkan diri di dalam dunia perniagaan iaitu menjadi pembekal (dealer) alat-alat solek dan pinggan mangkok yang dijalankan secara sambilan. Begitu juga responden di Taman Merpati, hampir 7.5% menyatakan mereka lebih berusaha setelah mempunyai beberapa orang anak untuk membantu suami mereka menambahkan pendapatan seperti membuat jualan kuih-muih dan nasi lemak. Walaupun pendapatan hasil dari jualan itu tidak tetap dan keuntungannya tidak seberapa namun sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan sehari-hari responden.

Di dalam perkara 'kebebasan kurang' sejak mempunyai anak didapati 9.8% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengutarakan hal tersebut sementara 7.5% dinyatakan oleh responden di Taman Merpati. Di dalam hal ini apa yang jelas ialah proses perbandaran telah mempengaruhi nilai dan sikap responden-responden. Beberapa responden di Kompleks Kampung Guru menyatakan sejak mempunyai anak mereka mengurangkan masa melibatkan diri di dalam persatuan sosial dan politik. Ada juga yang terus mengundurkan diri semata-mata untuk menumpukan sepenuh perhatian pada anak-anak. Di kalangan responden di Taman Merpati pula, sejak mempunyai anak, mereka

kurang mencari hiburan di luar rumah atau bertandang ke rumah saudara mara dan rakan-rakan. Mereka lebih banyak bermesra dan melayani anak-anak di rumah.

Sebagai rumusan dari hasil kajian terhadap nilai anak-anak, pengkaji mendapati responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati lebih memperlihatkan sikap positif dari negatif di dalam menilai anak-anak mereka. Kedua-dua golongan lebih mengutarakan peranan mereka di dalam memberi kesejahteraan dan kasih sayang, membuat ibubapa lebih bertanggungjawab dan merapatkan perhubungan suami isteri. Ini bermakna nilai psikologi lebih diutamakan dari nilai ekonomi, walaupun di kalangan responden di Taman Merpati kerap menyebut nilai ekonomi namun tidak bererti mereka mahu bergantung sepenuhnya dari anak-anak. Dari segi nilai negatif pula, di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru lebih banyak mengutarakan masalah emosi sedangkan masalah kewangan yang di merupakan masalah utama responden di Taman Merpati. Tingkah laku responden di bandar ialah 4.2 sementara di luarbandar ialah 5.2. Pengaruh nilai barat yang memontingkan saiz keluarga yang kecil, sedikit sebanyak telah muia menular di kalangan kaum wanita di Malaysia terutama mereka yang bekerja. Setelah ditaliti jawapan-jawapan yang diterima dari responden-responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati didapati bahawa masyarakat kelas menengah dan kelas rendah di bandar tiada berkehendakkan anak

BAB V

SAIZ FAMILI DAN AMALAN PERANCANGAN KELUARGA
DI KALANGAN RESPONDEN DI KOMPLEKS KAMPUNG
GURU DAN DI TAMAN MERPATI

Di dalam bab ini pengkaji akan cuba melihat saiz famili yang sebenar dan saiz famili yang diharapkan oleh responden-responden dari kedua-dua golongan. Di samping itu juga akan dilihat sikap dan amalan responden-responden terhadap perancang keluarga dan sejauhmana ianya berjaya diamalkan oleh mereka.

1. Saiz family Yang Diharapkan Oleh Responden-Responden Di Kompleks Kampung Guru Dan Di Taman Merpati

Di Malaysia, kajian kelahiran dunia pada 1974 menunjukkan bahawa saiz famili yang dikehendaki ialah 4.4. Saw Swee Hock di dalam Seminar Kebangsaan Perancang Pertama (1968:27) mengemukakan laporannya bahawa saiz famili yang diharapkan di Malaysia ialah 5.1 di mana saiz famili yang dikehendaki di bandar ialah 4.2 sementara di luarbandar ialah 5.2. Pengaruh nilai barat yang mementingkan saiz keluarga yang kecil, sedikit sebanyak telah mula menular di kalangan kaum wanita di Malaysia terutama mereka yang bekerja.

Setelah diteliti jawapan-jawapan yang diterima dari responden-responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati didapati bahawa masyarakat kelas menengah dan kelas rendah di bandar tidak berkehendakan anak yang

ramai. Kebanyakan responden mahukan anak antara 3 hingga 4 sebagai bilangan yang ideal. Kira-kira 45% daripada 60 responden mahukan anak seramai 4 orang sahaja iaitu suatu pencapaian peratus yang paling tinggi sekali.

Dari jadual 5.1 kelihatan responden di Taman Merpati mahu bilangan anak yang lebih ramai daripada responden di Kompleks Kampung Guru. Misalnya 13.3% responden di Taman Merpati inginkan anak seramai 5 orang sedangkan 6.7% sahaja di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru memerlukan anak seramai itu. Oleh itu jumlah min bilangan anak yang dikehendaki oleh responden di Taman Merpati ialah 3.9, lebih besar sedikit daripada jumlah min bilangan anak yang dikehendaki oleh responden di Kompleks Kampung Guru iaitu 3.7. Perbezaan jumlah min bilangan anak yang dikehendaki oleh kedua-dua golongan hanya 0.2 sahaja.

Kedua responden-responden ditanya mengapa mereka tidak mahu keluarga yang lebih kecil iaitu mempunyai anak yang kurang dari 2, 3 atau 4. Jadual 5.2 menunjukkan kira-kira 33.3% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan bilangan 3 atau 4 orang anak adalah sudah ideal. Sementara 16.7% daripada responden di Taman Merpati mengutarakannya.

Mengenai perkara 'bilangan anak yang ramai lebih memriahkan suasana rumah tangga', 33.3% responden di Kompleks Kampung Guru menyatakaninya. Manakala kira-kira 23.3% dinyatakan oleh

Jadual 5.1

Bilangan Anak Yang Dikehendaki Oleh Responden
Di Kompleks Kampung Guru Dan Di Taman Merpati

Bilangan Anak	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
1	-	-	-	-	-	-
2	1	3.3	-	-	1	1.7
3	9	30.0	6	20.0	15	25.0
4	15	50.0	12	40.0	27	45.0
5	2	6.7	4	13.3	6	10.0
Terserah pada tuhan	3	10.0	6	20.0	9	15.0
Tidak pasti	-	-	2	6.7	2	3.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Jadual 5.2

Pendapat Responden Di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati Terhadap Kenapa Mereka

Berkehendakan Anak Tidak Kurang Dari 2, 3 Atau 4 Orang

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Bilangan yang ada sudah ideal	10	33.3	5	16.7	15	25.0
Bilangan anak yang ramai lebih memeriahkan suasana rumah tangga	10	33.3	7	23.3	17	28.3
Anak mesti ada kakak, abang atau adik sebagai teman	3	10.0	2	6.7	5	8.3
Menguntungkan, kerana anak yang ramai boleh memberi bantuan kewangan bila bekerja	1	3.3	13	43.3	14	23.3
Tidak sunyi, bila seorang anak berumah-tangga masih ada anak lain sebagai pengganti	6	20.0	3	10.0	9	15.0

responden di Taman Merpati.

Di samping itu; ada juga responden yang berpendapat bahawa seorang anak itu mesti ada kakak, abang atau adik sebagai teman. Mengenai perkara ini, hampir 10% disuarakan oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan 6.7% dinyatakan oleh responden di Taman Merpati.

Dari keseluruhan responden di Taman Merpati, di dapati 43.3% menyetujui pendapat bahawa jika ada anak yang ramai boleh memberi bantuan kewangan, bila mereka bekerja, tetapi hanya 3.3% responden di Kompleks Kampung Guru mengakui hal ini kerana bagi mereka anak-anak tidak perlu memberi bantuan kewangan pada mereka. 26.7% daripada

Seorang anak juga dikatakan boleh menjadi pengganti anak yang lain jika salah seorangnya berumahtangga. Responden-responen menjelaskan bahawa ini akan menghilangkan rasa sunyi ibubapa, kerana masih ada anak lain untuk menemani mereka. Perkara ini dinyatakan oleh 20% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru dan kira-kira 10% responden di Taman Merpati menyatakaninya. Penjelasan ini boleh dilihat dari jadual 5.2.

Seterusnya responden-responen ditanya mengapa mereka tidak mahu keluarga yang lebih besar misalnya mempunyai anak seramai 7, 8 atau 9 orang. Bagi responden di Kompleks Kampung Guru, kira-kira 23.3% daripada mereka mengatakan anak yang terlalu ramai akan menyusahkan ibubapa mengawal tingkah laku

tersebut. Alasan ini merupakan alasan yang mendapat perhatian mereka. Oleh itu kelihatan masalah disiplin dipandang berat oleh mereka. Perkara ini diutarakan oleh 20% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati.

Terdapat juga di kalangan responden-responden yang menyatakan bilangan anak yang mereka ada sekarang sudah ideal iaitu kira-kira 36.7% dinyatakan oleh responden di Kompleks Kampung Guru dan 6.7% diutarakan oleh responden di Taman Merpati.

Mengenai soal 'membawa beban dari segi kewangan', kebanyakannya alasan ini diterima daripada responden di Taman Merpati (40%), manakala responden di Kompleks Kampung Guru tidak menyentuh soal tersebut. Kira-kira 26.7% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan kesihatan ibu akan terganggu kalau sering mengandung dan 30% dari responden di Taman Merpati mengemukakan perkara ini.

Responden di Kompleks Kampung Guru memberitahu bahawa anak yang ramai akan menimbulkan masalah membahagikan kasih sayang terutama bagi ibu-ibu yang bekerja. Masalah ini diakui oleh kira-kira 13.3% responden di Kompleks Kampung Guru. Di kalangan responden di Taman Merpati pula hanya 3.3% sahaja yang mengutarakan alasan tersebut.

Dari keseluruhan alasan yang diberikan, kelihatan pendapat yang mengatakan kesihatan ibu terganggu kalau sering mengandung merupakan pendapat yang sering diutarakan. Pengkaji mendapati 28.3% dari keseluruhan responden mengutarakan hal

tersebut. Alasan ini merupakan alasan yang mendapat peratus yang tinggi dari alasan-alasan lain. Sila rujuk jadual 5.3.

Jadual 5.3

Pendapat Responden Di Kompleks
Kampung Guru Dan Di Taman Merpati Mengapa
Mereka Tidak Mahu Keluarga Yang Besar

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Bilangan yang ada sudah ideal	11	36.7	2	6.7	13	21.7
Susah mengawal anak yang terlalu ramai	7	23.3	6	20.0	13	21.7
Membawa beban dari segi kewangan	11	36.7	12	40.0	12	20.0
Kesihatan ibu terganggu kalau sering mengandung	8	26.7	9	30.0	17	28.3
Anak yang ramai menyebabkan masalah dalam membahagikan kasih sayang	4	13.3	1	3.3	5	8.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Merpati. Berhubung dengan jantina anak pertama yang menjadi pilihan responden-responden, pengkaji mendapati bahawa mereka tidak begitu memilih samada anak lelaki atau anak perempuan sebagai anak sulung. Sebagai masyarakat Melayu samada dari golongan kelas menengah maupun dari kelas rendah, pemilihan jantina anak pertama adalah sebaik-baiknya terserah kepada Tuhan. Ini diakui oleh kira-kira 45% daripada keseluruhan responden yang diterima. Sila lihat jadual 5.4.

Jadual 5.4

Pemilihan Responden Di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati Terhadap Jantina Anak Pertama

Jantina	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Lelaki pertama	9	30.0	10	33.3	19	31.7
Perempuan pertama	6	20.0	8	26.7	14	23.3
Terserah Kepada Tuhan	15	50.0	12	40.0	27	45.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Walaupun pemilihan jantina anak pertama tidak begitu dipentingkan tetapi kedua-dua golongan mementingkan anak lelaki daripada anak perempuan sebagai anak pertama. Misalnya, 30% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru memilih anak lelaki sebagai anak pertama sedangkan 20% daripada responden pula memilih anak perempuan sebagai anak sulung. Begitu juga di kalangan responden di Taman Merpati, kira-kira 40% memilih anak lelaki sebagai anak pertama berbanding dengan 26.7% yang memilih anak perempuan sebagai anak pertama.

Pada pendapat pengkaji anak lelaki menjadi pilihan sebagai anak sulung kerana ada beberapa sebab. Anak lelaki boleh menggantikan tanggungjawab bapa atau suami responden apabila ketiadaannya. Anak lelaki juga dapat membantu dan menguatkan kedudukan keluarga samada dari segi tenaga atau

bantuan kewangan. Di samping itu anak lelaki di dalam masyarakat Melayu dianggap sebagai pewaris harta dan penurun zuriat.

Berkenaan dengan penyusunan anak, hampir kesemua responden menyatakan adalah paling sesuai yang bercorak berselang. Misalnya jika anak pertama adalah anak lelaki, maka anak kedua adalah anak perempuan, ketiga anak lelaki, keempat anak perempuan dan seterusnya.

Mengenai secepat mana responden-responden mengkehendaki anak pertama dilahirkan setelah mereka berkahwin, kebanyakannya responden di Kompleks Kampung Guru mahukan anak pertama dilahirkan setelah setahun berkahwin. Dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru, 53.3% mahukan anak pertama dilahirkan setelah setahun berkahwin berbanding dengan 26.7% di kalangan responden di Taman Merpati. Pada pendapat pengkaji golongan kelas menengah di Kompleks Kampung Guru mahukan anak secepat mungkin kerana kedudukan ekonomi yang sudah stabil ditambah pula dengan usia yang sudah agak lanjut apabila mereka mendirikan rumah tangga.

Kira-kira 16.7% daripada responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan yang mereka mahukan anak pertama dilahirkan selewat-lewatnya pada tahun kedua perkahwinan mereka. Manakala 30% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati mengutarakan bahawa kelahiran anak pertama

dalam tahun kedua perkahwinan adalah begitu sesuai sekali. Ini membolehkan mereka menyiapkan kelengkapan asas dan menyimpan wang untuk persiapan anak yang akan dilahirkan.

Hampir 26.7% daripada responden di Taman Merpati mengatakan yang mereka seboleh-bolehnya mahu anak pertama dilahirkan di tahun ketiga mereka berkahwin. Mereka berkata demikian kerana kebanyakannya berkahwin di dalam usia belasan tahun dan mengikut mereka adalah terlalu awal untuk bersiap sedia menyambut kelahiran anak pertama. Penjelasan yang lebih lanjut boleh dilihat di dalam jadual 5.5.

Intervi

Kedua-dua

Jadual 5.5

Pendapat Responden Di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati Tentang Secepat Mana
Mereka Mahu Anak Pertama Dilahirkan

Tahun Selepas Berkahwin	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
1 tahun	16	53.3	8	26.7	24	40.0
2 tahun	5	16.7	9	30.0	14	23.3
3 tahun	7	23.3	8	26.7	15	25.0
Tidak pasti	-	-	1	3.3	1	1.7
Terserah pada Tuhan	2	6.7	4	13.3	6	10.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Soalan yang dikemukakan seterusnya ialah, 'Siapakah yang boleh dikatakan mempunyai kehendak yang paling kuat untuk mendapatkan anak?'. Dari jawapan-jawapan yang diterima,

keseluruhan responden menyatakan mereka dan suami sama-sama kuat mengkehendaki anak iaitu mencapai kira-kira 58.3%.

Sila lihat jadual 5.6.

Jadual 5.6

Pendapat Responden Di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati Tentang Siapa Yang Lebih
Kuat Berkehendakan Anak

Kehendak Yang kuat	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Suami	4	13.3	18	60.0	22	36.7
Isteri	-	-	3	10.0	3	5.0
Kedua-dua	26	86.7	9	30.0	35	58.3
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Responden di Kompleks Kampung Guru mengatakan bahawa mereka berbincang dengan suami secara berterus terang di dalam soal mengkehendaki anak. Dengan itu mereka dan suami sama-sama kuat mahukan anak iaitu 86.7% mengakui hal ini. Berbanding dengan responden di Taman Merpati cuma 30% sahaja yang mengatakan mereka dan suami sama-sama kuat berkehendakan anak.

Dari keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru, kira-kira 13.3% mengatakan suami mereka lebih kuat berkehendakan anak sedangkan 60% daripada responden di Taman Merpati mengatakan demikian. Mengikut pendapat responden di Taman Merpati, suami selalunya lebih kuat berkehendakan anak

oleh kerana mereka tidak perlu mengalami beban fizikal semasa mengandung dan melahirkan anak. Pada pendapat pengkaji pula, sememangnya kaum lelaki lebih berkehendakan anak kerana anak menjadi simbol kesempurnaan sifat kelelakian dan keinginan semulajadi bagi setiap suami.

2. Saiz Famili Yang Sebenar

Mengenai bilangan anak yang sebenar di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati, pengkaji mendapati bahawa min bilangan anak di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru ialah 3.4 dan di Taman Merpati ialah 3.1. Min bilangan anak di kalangan kedua-dua golongan di hitung dari bilangan anak sebenar dan anak angat yang tinggal sebagai satu keluarga.

Jika dirujuk jadual 5.7, ramai responden di Kompleks Kampung Guru mempunyai anak di antara 3 hingga 5 orang. Kira-kira 20% mempunyai anak seramai 3 orang, 30% mempunyai 4 orang anak dan hampir 23.3% mempunyai anak seramai 5 orang. Bilangan anak sebenar di kalangan responden boleh dilihat di dalam jadual 5.7.

Dari jadual 5.8 pula kelihatan bilangan anak sebenar di kalangan responden di Taman Merpati. Kebanyakan responden mempunyai anak di antara 1 hingga 4 orang. Kira-kira 13.3% mempunyai seorang anak, 16.7% mempunyai 2 orang anak, 43.3% mempunyai 3 orang anak dan 16.7% mempunyai 4 orang

anak. Terdapat juga tentang **Jadual 5.7** mempunyai anak sehingga 6 orang, iaitu hasil 5.7%. Bilangan anak yang paling ramai

Bilangan Anak Sebenar Di Kompleks Kampung Guru

di Kalangan responden di Taman Merpati iaitu 7 orang bagi

Bilangan Anak	Purata Umur Respon- den sekarang (1983)	Purata Umur Respon- den Masa Berkahwin	Jum.	%
1	35	27	3	10.0
2	31.2	25.2	5	16.7
3	35	24.8	6	20.0
4	40	24.3	9	30.0
5	38.4	23.3	7	23.3
Jumlah			30	100.0

Jadual 5.8

bilangan anak yang berkahwin dalam usia 22 tahun mempunyai 2 orang anak. Dari jumlah responden yang berkahwin dalam usia 24 tahun mempunyai 3 orang anak.

Bilangan Anak Sebenar Di Taman Merpati

Bilangan Anak	Purata Umur Respon- den sekarang (1983)	Purata Umur Respon- den Masa Berkahwin	Jum.	%
1	28.8	18.3	4	13.3
2	29.8	20.4	5	16.7
3	32.3	18.8	7	23.3
4	39	20.4	5	16.7
5	39	19	2	6.7
6	39	19	1	3.3
7	32	14	3	10.0
Jumlah			30	100.0

Dari penjelasan di atas, memberi gambaran kepada kita bahawa responden di Kompleks Kampung Guru berkahwin di

anak. Terdapat juga responden yang mempunyai anak sehingga 6 orang, iaitu hampir 6.7%. Bilangan anak yang paling ramai di kalangan responden di Taman Merpati ialah 7 orang bagi 3.3% responden.

Apa yang menarik mengenai bilangan anak di kalangan responden-responden ialah terdapatnya suatu perkaitan di antara purata umur ibu mula berkahwin dengan kesuburan. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru kelihatan mereka yang berkahwin di dalam usia yang agak lewat mempunyai anak yang kecil bilangannya. Misalnya jika dilihat jadual 5.7, responden yang berkahwin pada umur 27 tahun mempunyai seorang anak dan mereka yang berkahwin dalam lingkungan umur 25 tahun mempunyai 2 orang anak. Manakala responden yang berkahwin di dalam usia 24 tahun mempunyai 3 orang anak.

Di kalangan responden di Taman Merpati pula, mereka yang berkahwin di dalam usia yang muda mempunyai bilangan anak yang agak ramai. Dari jadual 5.8 kelihatan responden yang berkahwin di dalam lingkungan umur 14 tahun mempunyai 7 orang anak dan yang berkahwin di dalam usia 19 tahun telah mempunyai 6 orang anak. Manakala responden yang berkahwin pada purata umur 20.4 tahun pula mempunyai 4 orang anak dan responden yang berkahwin ketika lingkungan umur 18 tahun mempunyai 3 orang anak.

Dari penjelasan di atas, memberi gambaran kepada kita bahawa responden di Kompleks Kampung Guru berkahwin di

dalam usia yang agak lewat daripada responden di Taman Merpati. Misalnya di dalam usia 27 tahun, responden di Kompleks Kampung Guru (10%) baru mempunyai seorang anak, sedang di kalangan responden di Taman Merpati (13.3%) di dalam lingkungan umur 18 tahun telahpun mempunyai seorang anak. Ini disebabkan responden di Kompleks Kampung Guru terdiri daripada golongan yang mempunyai peluang yang lebih luas samada di bidang pelajaran maupun di bidang pekerjaan. Ini memungkinkan mereka menangguhkan umur perkahwinan lebih lewat atau lebih perlahan. Keadaan ini merupakan satu 'trend' bagi mana-mana masyarakat bandar yang mengalami proses urbanisasi. Di kalangan responden di Taman Merpati pula, mereka berpelajaran rendah dan tidak bekerja, maka jalan yang paling mudah untuk menjamin masa depan ialah dengan berkahwin lebih awal di samping dapat meringankan beban ibubapa mereka.

Jadual 5.9, menunjukkan bilangan anak sebenar termasuk anak sendiri dan anak angkat, di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati. Min bilangan anak sebenar dan min bilangan anak yang dikehendaki oleh responden di Kompleks Kampung Guru adalah hampir sama iaitu berbeza hanya 0.3 sahaja. Di kalangan responden di Taman Merpati pula perbezaan min bilangan anak yang dikehendaki dengan min bilangan anak yang sebenar ialah 0.8. Namun begitu, di kalangan responden di Taman Merpati, kemungkinan dan harapan untuk mempunyai anak yang lebih ramai adalah begitu cerah memandangkan usia mereka yang masih muda lagi.

Jadual 5.9

mengealakkan saiz famili yang diinginkan responden di Kompleks

Kampung Guru Dan Taman Merpati

Bilangan Anak (Saiz famili)* Sekarang Termasuk Anak Sendiri Dan Anak Angkat Bagi Responden Di Kompleks Kampung Guru Dan Di Taman Merpati

Bilangan Anak	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
1	3	10.0	4	13.3	7	11.7
2	5	16.7	5	16.7	10	16.7
3	6	20.0	13	43.3	19	31.7
4	9	30.0	5	16.7	14	23.3
5	7	23.3	-	-	7	11.7
6	-	-	2	6.7	2	3.3
7	-	-	1	3.3	1	1.7
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Merpati mengatakan tidak setuju dengannya. Kenyataan ini

Kesimpulannya, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan saiz famili yang diharapkan dan ingin dicapai oleh kebanyakan responden adalah hampir berjaya. Ini adalah penting di dalam proses membentuk sebuah keluarga yang stabil dan harmoni.

3. Perancang Keluarga

	Kompleks Kampung Guru	Taman Merpati	Jumlah
Setuju	28	23.3	33
Tidak setuju	62	66.7	77
Jumlah	30	100.0	60

Kebanyakan responden didapati bersetuju dengan

amalan perancang keluarga dan mendapat sambutan yang agak

Dari jadual 5.11 pula kelihatan kira-kira 93.4% menggalakkan samada dari kalangan responden di Kompleks dan Taman Merpati menyatakan setuju dengan amalan perancang keluarga. Sama ada 1.3% menunjukkan

Sebanyak 93.3% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru menyetujuinya. Di kalangan responden di Taman Merpati pula, kira-kira 83.3% bersetuju dengan amalan perancang keluarga tersebut. Ini menunjukkan bahawa responden di Kompleks Kampung Guru lebih ramai yang bersetuju dengannya.

Namun begitu terdapat kira-kira 6.7% responden di Kompleks Kampung Guru yang menyatakan 'tidak setuju' dengan amalan perancang keluarga kerana mengikut mereka boleh membawa kemudarat kepada orang yang mengamalkannya. Manakala 16.7% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati mengatakan tidak setuju dengannya. Kenyataan ini boleh dilihat di dalam jadual 5.10.

Jumlah Jadual 5.10 30 100.0 60 100.0

Sikap Responden Di Kompleks Kampung Guru
Dan Di Taman Merpati Terhadap Perancang Keluarga

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Setuju	28	93.3	25	83.3	53	88.3
Tidak setuju	2	6.7	5	16.7	7	11.7
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Jenis perancang keluarga yang diamalkan. Dari jadual 5.12,

Dari jadual 5.11 pula kelihatan kira-kira 93.4% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengamalkan perancang keluarga. Cuma 3.3% mengatakan mungkin akan mengamalkan perancang keluarga setelah mendapat bilangan anak yang mencukupi. Begitu juga 3.3% responden di Kompleks Kampung Guru tidak mahu mengamalkan perancang keluarga kerana sebab-sebab kesihatan.

Jadual 5.11

Amalan Perancang Keluarga Di Kalangan Responden Di Kompleks Kampung Guru dan Di Taman Merpati

Perkara	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
Sedang mengamalkan	28	93.4	24	80.0	52	86.7
Mungkin akan mengamalkan	1	3.3	1	3.3	2	3.3
Tidak akan mengamalkannya	1	3.3	5	16.7	6	10.0
Jumlah	30	100.0	30	100.0	60	100.0

Bagi responden di Taman Merpati, kira-kira 80% yang sedang mengamalkan perancang keluarga dan 3.3% mengatakan mungkin akan mengamalkannya setelah mendapat bilangan anak yang dikehendaki. Lebih kurang 16.7% tidak akan mengamalkan perancang keluarga kerana sebab-sebab ugama. Tetapi 4.2% pernah menggunakan IUD.

Responden-responden seterusnya disoal tentang jenis perancang keluarga yang diamalkan. Dari jadual 5.12,

kelihatan 89.3% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru menggunakan pil perancang keluarga. Di kalangan responden di Taman Merpati pula, 95.8% juga menggunakan pil perancang. Oleh itu pil perancang merupakan sejenis perancang keluarga yang paling popular di kalangan responden kerana ia paling murah dan mudah diamalkan.

Jadual 5.12

Jenis-jenis Amalan Perancang Keluarga Yang Di Amalkan Oleh Responden Di Kompleks Kampung Guru dan Di Taman Merpati

Jenis	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%
Pil Perancang	25	89.3	23	95.8
IUD	2	7.1	1	4.2
'Female sterilization'	1	3.6	-	-
Jumlah	28	100.0	24	100.0

Kira-kira 7.1% di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru menggunakan IUD setelah mendapat khidmat nasihat daripada doktor. Cuma 3.6% yang telah menjalani pembedahan 'female sterilization' setelah melahirkan anak keempat. Di kalangan responden di Taman Merpati pula tidak seorang pun yang pernah mengalami pembedahan 'female sterilization', tetapi 4.2% pernah menggunakan IUD.

Kebanyakan responden yang mengamalkan perancang keluarga mendapat bimbingan dan nasihat daripada doktor-

doktor kerajaan di hospital besar Kangar. Ada juga di kalangan mereka yang membeli pil-pil perancang keluarga di formasi-formasi yang boleh dipercaya dengan meminta kebenaran dari doktor. Mengikut responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati, sejauh ini tidak timbul sebarang masalah di dalam mengamalkan perancang keluarga, bahkan mereka telah dapat menjarangkan bilangan anak. Sila lihat jadual 5.12.

Pernah Terdapat berbagai-bagai jenis perancang keluarga yang lain yang tidak pernah digunakan oleh responden-responden. Namun begitu pengkaji telah menyatakan samada mereka pernah mendengar atau tahu menggunakannya. Ini adalah untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan mereka terhadap berbagai-bagai cara amalan perancang keluarga.

Dari kebanyakkan jawapan yang diterima, pil perancang merupakan sejenis perancang keluarga yang paling terkenal di kalangan responden. Dari jadual 5.13, 100% responden di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati pernah mendengarnya dan tahu menggunakannya. Kira-kira 83.3% daripada responden di Kompleks Kampung Guru pernah menggunakannya, dan 76.7% responden di Taman Merpati juga pernah menggunakannya.

Cara kedua yang popular di kalangan responden ialah IUD. Semua responden di Kompleks Kampung Guru pernah mendengar dan tahu menggunakannya dan 6.7% sahaja yang pernah menggunakan. Responden-responden di Taman Merpati pula hanya

96.7% pernah mendengarnya, 3.3% pernah menggunakannya dan 10% tahu menggunakannya.

Jadual 5.13 Sedangkan 60% sahaja responden di Kompleks Kg. Guru tahu menggunakannya tetapi

Pengetahuan Dan Amalan Perancang Keluarga Di Kalangan Responden Di Kompleks Kampung Guru dan Di Taman Merpati

Jenis	Kompleks Kg. Guru	%	Taman Merpati	%	Jumlah	%
PIL						
Pernah mendengar	30	100.0	30	100.0	60	100.0
Pernah mengguna	25	83.3	23	76.7	48	80.0
Tahu mengguna	30	100.0	30	100.0	60	100.0
IUD						
Pernah mendengar	30	100.0	29	96.7	59	98.3
Pernah mengguna	2	6.7	1	3.3	3	5.0
Tahu mengguna	30	100.0	3	10.0	33	55.0
FEMALE STERILIZATION						
Pernah mendengar	30	100.0	18	60.0	48	80.0
Pernah mengguna	1	3.3	-	-	1	16.7
Tahu mengguna	25	83.3	11	36.7	36	60.0
VASCETOMY						
Pernah mendengar	30	100.0	1	3.3	31	51.7
Pernah mengguna	-	-	-	-	-	-
Tahu mengguna	21	70.0	-	-	21	35.0

Selain daripada itu, 'Female sterilization' juga merupakan jenis perancang keluarga yang biasa didengar oleh responden di Kompleks Kampung Guru. Sedangkan 60% sahaja responden di Taman Merpati yang pernah mendengarnya, tetapi tidak pula pernah menggunakannya. Sebaliknya pula 3.3% responden di Kompleks Kampung Guru pernah menggunakan 'Female sterilization' dan 83.3% mempunyai pengetahuan tentangnya.

Satu lagi jenis perancang keluarga ialah Vasectomy, yang mana tidak begitu diketahui oleh responden di Taman Merpati. Ini adalah kerana cuma 3.3% yang pernah mendengarnya dan tidak ada yang pernah menggunakannya atau tahu menggunakan-nya. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru, 100% pernah mendengarnya dan 70% tahu cara bagaimana menggunakannya.

Sebagai rumusan mengenai perancang keluarga ini, pengkaji mendapati bahawa responden di Kompleks Kampung Guru lebih luas pengetahuan mengenainya. Walaupun responden di Taman Merpati kurang berpengetahuan tetapi sekurang-kurangnya terdapat dua atau tiga jenis perancang keluarga yang terkenal di kalangan mereka. Sejauhmana pengetahuan responden-responden tentang jenis-jenis perancang keluarga serta cara mengamalkannya adalah bergantung kepada penerangan dan nasihat yang di berikan oleh doktor atau pihak yunit perancang keluarga di Kangar. Begitu juga pengaruh rakan-rakan dan media massa memberi peluang kepada mereka untuk mengetahui dengan lebih luas lagi mengenai teknik-teknik pengamalan perancang keluarga.

Sikap dan kesedaran terhadap amalan perancang keluarga ini berkemungkinan dapat menjarakkan kelahiran anak atau mengurangkan bilangan anak. Ini akhirnya membawa kepada pembentukan saiz famili yang diharapkan dan yang dikehendaki.

Pengguguran

Mengenai pengguguran, boleh dikatakan semua responden pernah mendengar mengenainya. Rata-rata mereka tidak menyentuhunya, samada pengguguran anak di luar nikah ataupun pengguguran yang dilakukan oleh ibu yang tidak berkehendakan anak.

Namun begitu ada beberapa responden di Kompleks Kampung Guru yang menyetujui kandungan digugurkan atas nasihat doktor apabila mendapati seseorang ibu itu tidak boleh mengan dung. Ini mungkin disebabkan merbahaya kepada kesihatan ibu yang mengandung atau anak yang di dalam kandungan. Namun begitu pengguguran adalah melanggar ajaran ugama Islam di samping memudaratkan kesihatan ibu. Ini diakui oleh kebanyakan responden yang memandang berat kepada masalah tersebut. Oleh kerana bercanggahan dengan ajaran ugama, maka responden-responden berpendapat tidak sepatutnya menggugurkan kandungan walaupun mereka menghadapi tekanan ekonomi akibat anak yang ramai.

BAB VI

PENUTUP

Akan tetapi mereka tidak pulih menafikan bahawa anak perempuan boleh menjadi ibubapa di masa sakit. Setelah melihat secara terperinci mengenai nilai anak-anak di Kompleks Kampung Guru dan di Taman Merpati, maka di dalam bab yang akhir ini pengkaji akan membuat beberapa rumusan. Rumusan-rumusan adalah berdasarkan perbincangan-perbincangan di bab-bab yang lepas iaitu perbandingan dibuat antara responden di Kompleks Kampung Guru yang mewakili golongan bertaraf kelas menengah dengan responden di Taman Merpati yang mewakili golongan bertaraf kelas rendah.

Di dalam soal nilai dan kos anak-anak didapati kedua-dua golongan lebih memperlihatkan sikap yang positif terhadap anak-anak dari nilai negatif. Oleh yang demikian, kebaikan-kebaikan yang didapati daripada anak adalah mengatasi keburukan atau masalah mempunyai anak.

Terdapat dua bentuk nilai yang boleh dirumuskan iaitu nilai ekonomi dan nilai bukan ekonomi. Nilai ekonomi adalah berbentuk kewangan dan tenaga. Nilai ekonomi ini lebih banyak diutarakan oleh responden di Taman Merpati. Misalnya anak lelaki diharapkan dapat memberi bantuan kewangan (30%), menyara ibubapa di masa tua (13.3%) dan membayai pelajaran adik-adik (20%). Bantuan dari anak perempuan adalah berupa bentuan tenaga iaitu menolong menguruskan rumahtangga dan menjaga ibubapa bila sakit. Di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru, anak perempuan tidak begitu diharapkan membantu ibu kerana tugas tersebut diambil alih oleh pembantu rumah.

Akan tetapi mereka tidak pula menafikan bahawa anak perempuan boleh menjaga ibubapa di masa sakit.

Nilai ekonomi yang berupa kewangan begitu kerap disebut oleh responden di Taman Merpati kerana mereka terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah yang selalu berada di dalam kesempitan wang. Kehidupan di bandar yang memerlukan jumlah wang banyak untuk perbelanjaan dapur dan pelajaran anak-anak mendorong mereka meminta sedikit bantuan dari anak-anak yang bekerja. Ini berbeza dengan responden di Kompleks Kampung Guru yang berpendapatan tinggi menafikan pengharapan mereka terhadap anak-anak. Tambahan pula kedudukan ekonomi yang stabil memungkinkan mereka membuat tabungan untuk anak-anak. Dengan ini dapat dikatakan bahawa pendapatan dapat mempengaruhi sikap seseorang itu terhadap anak-anaknya.

Apa yang dipentingkan oleh responden di Kompleks Kampung Guru ialah nilai bukan ekonomi di dalam memberi nilai anak mereka. Nilai bukan ekonomi berbentuk psikologi dan emosi misalnya anak-anak adalah sumber kebahagiaan, membuat ibubapa lebih gembira, tidak sunyi dan dapat mengeratkan ikatan ibubapa dan ibubapa dianggap dewasa apabila mempunyai anak. Alasan-alasan ini dikategorikan ke dalam kategori kebaikan mempunyai anak. Kira-kira 24.7% responden di Kompleks Kampung Guru menegaskan anak-

anak memberi kesenangan, kasih dan teman hidup. Di dalam kategori 'pembentukan diri sendiri' hampir 14.9% daripada keseluruhan responden mengatakan dan 31.6% menegaskan kebaikan anak dalam kategori 'kebaikan kepada unit famili'. Pengkaji mendapati perangkaan itu adalah agak jauh perbezaannya jika dibandingkan dengan responden di Taman Merpati. Ini adalah kerana cuma kira-kira 17.4% yang menegaskan mereka mahukan anak kerana anak memberi kesenangan, kasih dan teman hidup. Kira-kira 9.6% dari kalangan responden di Taman Merpati meletakkan kebaikan anak ke dalam kategori, 'Pembentukan diri sendiri' dan hampir 17% sahaja yang menjelaskan anak membawa kebaikan kepada unit famili.

✓ Penekanan kepada nilai bukan ekonomi oleh responden di Kompleks Kampung Guru terhadap anak-anak mereka juga dipengaruhi oleh kedudukan status mereka. Golongan menengah Melayu di Perlis merupakan kelompok minoriti yang dihormati oleh masyarakat. Dengan adanya anak mereka lebih dipandang tinggi oleh masyarakat. Perasaan bangga dan megah mempunyai anak terutama anak-anak yang berjaya di dalam pelajaran dan di bidang pekerjaan membuatkan mereka lebih dihormati oleh masyarakat.

Sebagai rumusan dari penjelasan di atas dapat dikatakan bahawa nilai ekonomi lebih dipentingkan oleh responden di Taman Merpati daripada responden di Kompleks

Kampung Guru. Sementara nilai bukan ekonomi lebih di tekankan oleh responden di Kompleks Kampung Guru di dalam memberi nilai terhadap anak-anak mereka.

Mengenai soal 'kos' pula, ianya dapat dipecahkan kepada 2 jenis iaitu kos ekonomi dan kos bukan ekonomi. Kos ekonomi lebih kerap disebut oleh responden di Taman Merpati iaitu masalah kewangan. Masalah perbelanjaan terutama membayai pelajaran dan saraan anak merupakan salah satu faktor keburukan mempunyai anak di mana kira-kira 50% daripada keseluruhan responden di Taman Merpati menyatakan sebagai masalah terpenting mempunyai anak. Masalah ini sering dihadapi oleh responden yang berpendapatan antara \$300 hingga \$350 dan mempunyai bilangan anak yang ramai iaitu antara 6 atau 7 orang yang masih menuntut. Sementara itu masalah kewangan ini juga dihadapi oleh responden di Kompleks Kampung Guru tetapi cuma 3.6% yang menyentuh mengenai masalah ini. Oleh itu masalah kewangan bukanlah merupakan masalah yang serius di kalangan responden kelas menengah memandangkan pendapatan mereka yang mencukupi. Masalah tersebut dihadapi kerana perbelanjaan ke atas barang-barang mewah dan juga disebabkan mereka ingin mendapatkan 'higher quality children'.

Masalah emosi iaitu masalah bukan ekonomi lebih kerap disebut oleh golongan menengah di Kompleks Kampung Guru. Antara masalah-masalahnya ialah seperti masalah

kurang kebebasan, masalah mendapatkan orang gaji yang sesuai dan masalah mengawal pergaulan anak remaja yang berpengaruh barat. Masalah mengawal dan memberi asuhan yang sempurna merupakan masalah yang sering diutarakan oleh responden di Kompleks Kampung Guru kerana mereka suami isteri bekerja. Mereka terpaksa mengharapkan pada pembantu rumah sedangkan mendapat dan mengekalkan orang gaji adalah suatu yang menyulitkan kerana kurang mendapat sambutan dari gadis-gadis. Anak lelaki lebih susah dikawal kerana mereka lebih suka menghabiskan masa di luar rumah berbanding dengan anak perempuan. Tambahan pula para remaja mudah terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini di bandar.

Meskipun masalah emosi kerap disebut, namun tidak dinafikan responden-responden juga menghadapi masalah tekanan fizikal iaitu mereka harus bekerja lebih kuat apabila mempunyai anak. Masalah ini amat ketara di kalangan responden di Taman Merpati iaitu kira-kira 20.8% dari keseluruhan responden mengalami masalah tersebut. Sementara 3.6% sahaja yang disentuh oleh responden di Kompleks Kampung Guru. Ada di antara responden yang ditemui di Taman Merpati menjual kuih muih dan nasi lemak menolong suami mereka menambahkan pendapatan. Masalah tekanan fizikal lebih berat dihadapi bila bertambahnya bilangan anak di mana tanggungjawab mereka juga turut bertambah.

Terdapat juga di kalangan responden-responden yang mengalami masalah kurang kebebasan apabila mempunyai anak. Alasan-alasan yang kerap diterima ialah di kalangan responden, di Kompleks Kampung Guru iaitu kira-kira 35.7% daripada keseluruhan alasan yang diberikan. Masalah kurangnya kebebasan adalah akibat dilema hidup responden-responden sebagai seorang guru atau pegawai kerajaan dan sebagai ibu kepada anak-anak. Oleh itu penglibatan mereka di dalam persatuan sosial dan politik akan tersekut apabila mempunyai anak. Ini berbeza dengan responden di Taman Merpati; yang sepenuh masa tertumpu di rumah. Mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk melayani anak-anak. Namun begitu, mengikut pendapat mereka, sejak mempunyai beberapa orang anak, mereka merasa kurang kebebasan untuk berhibur di luar rumah atau bertandang ke rumah saudara mara atau rakan-rakan.

Dengan demikian tidak dapat disangkal bahawa masalah emosi dan masalah kurang kebebasan merupakan masalan-masalah yang sering dihadapi oleh responden golongan bertaraf kelas menengah sementara masalah kewangan dan masalah tekanan fizikal lebih dirasai oleh responden kelas rendah. Semua masalah tersebut dapat dirumuskan sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan nilai responden-responden terhadap anak-anak mereka.

Selain daripada itu pelajaran juga boleh

mempengaruhi ibubapa terhadap nilai anak-anak mereka.

Di zaman yang mementingkan pelajaran sebagai suatu proses kemajuan, maka pelajaran dianggap sebagai suatu keperluan di dalam hidup seseorang. Setiap ibubapa bukan sahaja mengambil berat tentang makanan, pakaian, tempat perlindungan dan kasih sayang terhadap anak-anak tetapi pelajaran juga adalah suatu aspek yang penting untuk mencapai kesempurnaan di dalam hidup mereka. Oleh itu tidak menghairan jika responden-responden dari kedua-dua golongan mempunyai kesedaran terhadap pencapaian pelajaran anak-anak. Sikap ini lebih ketara di kalangan responden di Kompleks Kampung Guru yang mengingini anak mereka terutama anak lelaki belajar hingga ke peringkat yang tinggi misalnya melanjutkan pelajaran hingga ke luar negeri. Mereka tidak pula menafikan bahawa anak perempuan mereka juga seharusnya mendapat pelajaran yang tinggi. Begitu juga di kalangan responden di Taman Merpati, mereka juga berhasrat supaya anak-anak mereka dapat meneruskan pelajaran hingga ke peringkat yang tinggi. Oleh kerana responden di Taman Merpati tidak dapat melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang tinggi kerana mengalami kegagalan di dalam peperiksaan dan disebabkan kemiskinan hidup, maka mereka mengharapkan anak-anak dapat menyambung cita-cita mereka yang terkandas itu.

Seperti juga responden di Kompleks Kampung Guru responden di Taman Merpati juga meletakkan harapan yang sepenuhnya supaya anak lelaki mereka mendapat pelajaran

yang baik daripada anak perempuan. Pelajaran yang tinggi akan menjamin untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan pendapatan yang lumayan. Anak lelaki lebih diharapkan untuk mencapai pelajaran yang tinggi daripada anak perempuan. Ini adalah kerana mereka mempunyai tanggung-jawab terhadap keluarga terutama apabila berumahtangga kelak. Berbeza dengan responden di Kompleks Kampung Guru, mereka tidak mengharapkan anak lelaki membantu mereka kerana kedudukan ekonomi yang stabil sudah cukup untuk menampung keperluan hidup mereka.

Pengkaji juga telah mendapati bahawa masyarakat di bandar terutama dari golongan menengah tidak mahu anak yang ramai. Bagi mereka bilangan anak antara 3 hingga 4 orang adalah bilangan yang ideal. Min bilangan anak yang dikehendaki oleh responden di Kompleks Kampung Guru ialah 3.7 dan hampir sama dengan min bilangan anak yang dikehendaki oleh responden di Taman Merpati iaitu 3.9. Bagi ibu yang bekerja, mereka berkehendakan anak yang sedikit bilangannya. Ini berdasarkan kira-kira 83.3% daripada keseluruhan responden di Kompleks Kampung Guru mengkehendaki anak yang tidak melebihi 4 orang. Ini menunjukkan bahawa adanya hubungan antara status pekerjaan ibu dengan bilangan anak. Bagi golongan yang bertaraf kelas rendah di Taman Merpati pula, akibat pendapatan yang kecil mereka tidak mampu untuk mempunyai keluarga yang besar. Oleh itu, ini bertentangan dengan pendapat

Leibenstein (1957:162) yang menyatakan kebanyakan keluarga yang ingin mempunyai anak yang ramai adalah keluarga yang berpendapatan rendah.

Mengenai bilangan anak yang sebenar, kelihatan kira-kira 76.7% responden di Kompleks Kampung Guru mempunyai bilangan anak antara 1 hingga 4 orang. Min bilangan anak sebenar ialah 3.4. Sementara 90% responden di Taman Merpati mempunyai bilangan anak antara 1 hingga 4 orang. Min bilangan anak sebenar mereka ialah 3.1.

Dari perangkaan ini jelaslah bahawa kebanyakan responden samada responden di Kompleks Kampung Guru maupun Taman Merpati mempunyai bilangan anak yang tidak ramai. Ini jelas apabila dilihat perbezaan min bilangan anak yang sebenar dengan min bilangan anak yang dikehendaki adalah hampir sama. Perbezaan jumlah min bilangan anak yang sebenar dengan min anak yang dikehendaki oleh responden di Kompleks Kampung Guru ialah 0.3 manakala di kalangan responden di Taman Merpati ialah 0.8.

Mengenai pemilihan jantina anak pertama adalah menunjukkan bahawa responden-responden tidak begitu memilih. Samada anak lelaki atau anak perempuan sebagai anak sulung tidak begitu dipentingkan. Ini berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang diterima iaitu kira-kira 41.7% mengatakan 'terserah pada Tuhan'. Ada juga responden-responden yang menyebut mereka mengingini anak perempuan atau anak lelaki

sebagai anak pertama. Kelihatan anak lelaki menjadi pilihan kerana dari keseluruhan jawapan yang diterima 35% menghendaki anak lelaki sebagai anak sulung dan 23.3% yang berhasrat supaya anak pertama mereka ialah anak perempuan.

Berhubung dengan ini, pengkaji membuat tafsiran bahawa oleh sebab semua responden terdiri daripada ibu-ibu maka, mereka mengharapkan anak sulung itu anak lelaki yang boleh menggantikan tanggungjawab suami mereka. Mereka tidak memperlihatkan sifat 'stereo typing' seperti responden di Taman Ibu Kota yang dikaji oleh Roziah Omar (1978).

Pengkaji juga telah mendapati bahawa terdapatnya perkaitan antara umur ibu yang mula berkahwin dengan kesuburan. Ini dimaksudkan bahawa jika seseorang ibu itu mula berkahwin dalam usia yang muda, maka ia mempunyai bilangan anak yang ramai. Sebaliknya jika berkahwin dalam usia yang lewat maka bilangan anak adalah lebih sedikit. Hasil kajian didapati responden di Kompleks Kampung Guru berkahwin lebih lewat daripada responden di Taman Merpati. Oleh itu, responden yang berkahwin pada umur 27 tahun mempunyai seorang anak dan mereka yang berkahwin dalam lingkungan umur 25 tahun mempunyai 2 orang anak. Di kalangan responden di Taman Merpati, mereka yang berkahwin di dalam usia yang muda mempunyai bilangan anak yang agak ramai. Misalnya yang berkahwin di dalam lingkungan 14 tahun mempunyai 7 orang anak dan yang berkahwin dalam usia 19 tahun mempunyai 6 orang anak pula.

Kajian mengenai perancang keluarga juga menarik perhatian setiap responden di mana mereka tidak merasakan iaanya sebagai suatu kejangalan. Sikap mereka ini menunjukkan pengaruh urbanisasi mendorong mereka mengenali lebih dekat lagi tentang faedah pengamalan perancang keluarga dalam mendapatkan saiz famili yang ideal. Penerimaan mereka terhadap jenis perancang keluarga yang berbagai itu memberi gambaran pada pengkaji bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang luas mengenainya. Namun begitu pil perancanglah yang paling terkenal di kalangan responden-responden. Ada juga cara-cara lain seperti IUD dan 'Female Sterilization' yang digunakan tetapi amat jarang sekali. Perancang keluarga lebih banyak diamalkan oleh responden di Kompleks Kampung Guru iaitu 93.3% berbanding dengan 80% di kalangan responden di Taman Merpati. Beberapa responden yang tidak mengamalkannya adalah disebabkan kesihatan dan larangan ugama. Begitu juga di kalangan responden di Taman Merpati, yang menyentuh faktor kesihatan dan ugama telah menyebabkan penolakan langsung terhadap amalan perancang keluarga. Poffenberger (1973) ada menyentuh bahawa sikap fatalistik yang melibatkan aspek ugama dan kesihatan mempunyai kesan ke atas amalan perancang keluarga tersebut.

¹ A Quantitative of the Determinant of Fertility Behaviour, Department No. 4, dim. Survey and Geithman - Family Planning and Daily Life Determinants Monograph No. 18 University of Florida.

BAHAN RUJUKAN

- Arnold, Fred et. al. (1975)
'Introduction and Comparative Analysis, Vol. 1
The Value of Children: A Cross Nasional Study',
Honolulu: East-West Population Institute, U.S.A.
- Arnold, Fred & Fawcett, James, T. (1975)
'Hawaii, Vol. 3, The Value of Children: A Cross
National Study.' Honolulu: East-West Population
Institute. U.S.A.
- Bottomore, Thomas Burton (1966)
'Classes in Modern Society.' New York, Pantheon Books.
- Bulatao, Rodolfo A. (1975)
'Philippines, Vol.2. The Value of Children: A Cross
National Study.' Honolulu: East-West Population
Institute. U.S.A.
- Buripakdi, Chalic (1977)
'Thailand, Vol. 4, The Value of Children: A Cross
National Study.' Honolulu: East-West Population
Institute. U.S.A.
- Butz, William P. & Vanco Da. (1977)
'Economic and Demographic Family Bahaviour in Malaysia:
A Conceptual Framework for Analysis: Santa Monica:
The Rand Co-operation.
- Chilman, Catherine S. (1973)
'Some Psychological Aspect of Fertility, Family
Planning Population Policy in the United State dalam
Fawcett, James T(ed) Psychological Perspectives
on Population, New York.
- Easterlin, Richard A (1975)
'An Economic Framework for Fertility Analysis'
Studies in Family Planning, Vol. 6 (3): 54 - 63
- Friedlander, Stanley and Silver, Morris (1967)
'A Quantitative of the Determinant of Fertility
Behaviour,' Demography No. 4, dlm. Carvajal
and Geithman - Family Planning and Gaily Size
Determination: Monograph No. 18 University of
Florida.

Espenshade, Thomas J. (1972)

'The Price of Children and Socio-Economic Theories of Fertility,' Population Studies No. 26(2): 207-221.

Espenshade, Thomas J. (1977)

'The Value and Cost of Children.' New York Population Reference Bureau.

Hoffman, Lois W. & Hoffman, Martin L. (1973)

'The Value of Children to Parents,' dlm. Fawcett J.T. (ed). 'Psychological Perspectives on Population.' New York: Basic Book Inc.

Leibentein, Harvey (1957)

'Economic Backwardness and Economic Growth.' New York: John Wiley & Sons Inc.

Mc. Gee, Tevence Gary (1968)

'Malays in Kuala Lumpur City: A geographical Study of the process of urbanization' (Wellington) Victoria University of Wellington.

Mokhzani Abdul Rahim (1965)

'The Study of Social Stratification and Social Mobility In Malaya,' Thesis (Ph.D), Victoria University of Wellington.

Mueller, Eva (1972)

'Economic Motives of Family Limitation': A Study conducted Taiwan, Population Studies 26(2): 383-403.

Nambeodiri, N. Krishnan (1972)

'Some Observation on the Economic Framework For Fertility Analysis.' Population Studies, 26(2): 185-206

Nordin Selat (1975)

'Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Satu kajian Perkembangan Gaya Hidup,' Kuala Lumpur. Thesis (Ph.D) University of Malaya (tidak tercetak).

Patririm Sorokin (1959)

'Social and Cultural Mobility.' The Press of Glencoe Illinois, U.S.A.

Poffenberger, Thomas & Poffenberger, Shirley (1973)

'The Social Psychology of Fertility Behaviour in a Village in India' dlm. Fawcett, J.T. (ed).

'Psychological Perspectives on Population' New York: Basic Book Inc.

Roziah Omar (1979/80)

'Nilai Mengenai Anak-anak dalam Masyarakat Melayu Yang Bertaraf Kelas Menengah Rendah di Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur.'

Name: 'Graduation Exercise' submitted to Department of Sociology and Anthropology, University of Malaya
Jantina: Kuala Lumpur.

Saw Swee Hock (1968)

Name: 'Urban-Rural Attitudes Toward Family Size and Family Limitation in West Malaysia,' Kuala Lumpur: Dicetak semula hasil dari Seminar Kebangsaan Perancang Pertama 10hb.-12hb. Jun, 1968.

Sung Jin Lee dan Jung Oh Kim (1979)

Name: 'Korea, Vol. 7, The Value of Children: A Cross National Study,' East-West Population Institute. U.S.A.

Syed Husin Ali (1979)

Name: 'Masyarakat dan Kepimpinan Kampung di Malaysia,' Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Kuala Lumpur.

Tsong - Shien Wu (1977)

Name: 'Taiwan, Vol. 5, The Value of Children: A Cross National Study,' Honolulu: East-West Population Institute. U.S.A.

Wong K. Aline (1977)

Name: 'The Value of Children and the Household Economy: A Review of Current VOC Studies in the Developing World,' Department of Sociology University of Singapore, Singapore.

3. Adakah anda membeli anak segantik?

✓

✓

4. Keinginan dan Keberadaan Banyaknya Anak

5. Apakah kelebihan/kelainan anak. Sabahan ini dilihat dari sudut kepuasan dan keseimbangan anak sendiri, masa lampau dan masa depan.